

**LAPORAN TAHUNAN**  
Majlis Bandaraya Johor Bahru



**2017**

CETAKAN 2018

[www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)



## ISI KANDUNGAN

4

PERUTUSAN DATUK BANDAR

5

PENGENALAN

6

VISI, MISI & 7 OBJEKTIF STRATEGIK

7

OBJEKTIF & FUNGSI

8

STRUKTUR & KELUASAN PENTADBIRAN

10

AHLI MAJLIS SESI 2017-2018

12

PENGURUSAN MBJB

15

JABATAN PENGURUSAN

43

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

65

JABATAN KEJURUTERAAN

85

JABATAN BANGUNAN

101

JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

113

JABATAN LANDSKAP

127

JABATAN KEWANGAN

135

JABATAN KESIHATAN

153

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

169

JABATAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN

187

JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN

## SIDANG PENGARANG

### PENAUNG

Haji Amran bin A. Rahman  
Datuk Bandar

### PENASIHAT

Haji Sidek bin Paiman  
Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad

### KETUA PENGARANG

Fadzlina binti Abdul Malek

### AHLI REDAKSI

Hidayah binti Yusof  
Mohamad Rashid bin Selamat  
Nurul Shafina binti Shaari  
Norasmah binti Mohd Adros

Nur Afiqah binti Mohd Rashid

**Jabatan Khidmat Pengurusan (Sumber Manusia)**

Norani binti Alwi

**Jabatan Khidmat Pengurusan (Unit Dasar, Inovasi & Latihan)**

Abdul Hafiedz bin Abdul Ghazali

**Jabatan Khidmat Pengurusan (Pentadbiran)**

Nur Raihan binti Ahmad

**Jabatan Khidmat Pengurusan (Teknologi Maklumat)**

Mohd Syazwan bin Abdul Rauf

**Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan**

Mohamad Noor Redzuan bin Mohd Sani

**Jabatan Kejuruteraan**

Norashikin binti Samion

**Jabatan Bangunan**

Efaliza binti Abu Bakar

**Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta**

Masrazila binti Raban

**Jabatan Perancangan Pembangunan**

Nur Aifaa Azizah binti Masridin

**Jabatan Landskap**

Abidah binti Shukor

**Jabatan Kewangan**

Wan Norwaniz binti Wan Mohd Naww

**Jabatan Kesihatan**

Nur Azimah binti Yahaya

**Jabatan Pelesenan**

Azimah binti Akitat @ Ahitat

**Bahagian Penguatkuasaan**

Nor Hidayah binti Shamsudin

**Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)**

Rabiatul Adawiyah binti Mohd. Nasir

**Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam**

Siti Khadijah binti Rappa

**Bahagian Undang-Undang**

Juliana binti Esahak

**Bahagian Audit**

Che Wan Mohd Rapanah bin Che Wan Embong

**Unit Pusat Setempat (OSC)**

Norhashimah binti Omar

**Unit Integriti**

### URUS SETIA

Unit Korporat dan Penerbitan,  
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Dicetak dan diterbitkan pada tahun 2018.

### HAK CIPTA TERPELIHARA.

Sebarang bahagian dalam penerbitan buku ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

## PERUTUSAN DATUK BANDAR

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Sekalung tahniah dan terima kasih kepada sidang redaksi yang berjaya menerbitkan buku Laporan Tahunan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) 2017.

Dengan terbitnya Laporan Tahunan 2017 ini, segala program dan aktiviti yang dianjurkan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dapat dipaparkan untuk bacaan umum. Lebih penting lagi, analisa ringkas mengenai prestasi dan pencapaian setiap jabatan dan bahagian dapat dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

Seiring pertambahan usia bandar raya yang telah mencapai usia ke - 23 tahun, kita dapat menyaksikan perubahan bentuk pembangunan fizikal dan sosial Johor Bahru yang ketara. Saya berasa amat berbesar hati apabila diberi mandat dan tanggungjawab yang besar untuk meneraju MBJB dalam memesatkan lagi pembangunan Johor Bahru supaya kekal menjadi bandar raya yang mampan selaras dengan visi baharu MBJB yang telah 'dipaksi' bermula tahun 2016-2020 iaitu 'Johor Bahru Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari'.

Saya meletakkan harapan yang besar untuk pembangunan dan kemajuan bandar raya Johor Bahru pada masa akan datang demi merealisasikan visi tersebut. Warga kerja MBJB disaran untuk bekerja dengan penuh integriti, cekap dan jujur demi menghasilkan kerja yang cemerlang dan yang lebih penting lagi demi mendapatkan rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga MBJB yang telah memberikan sumbangan yang penuh dedikasi demi menjamin misi dan visi MBJB tercapai. Semoga hubungan erat dan kerjasama sesama warga MBJB semakin kukuh.

Sekian, terima kasih.  
Mesra, Berkhidmat, Jujur, Berbakti

**Haji Amran bin A. Rahman**  
Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.





## PENGENALAN

Johor Bahru mula dibuka pada 10 Mac 1855 oleh Temenggung Daeng Ibrahim. Kedudukannya yang strategik di selatan Semenanjung Malaysia menjadikannya bandar raya 'pintu masuk' utama ke negara ini melalui Singapura. Johor Bahru menikmati iklim tropika dengan perubahan suhu harian pada 24 darjah Celsius hingga 32 darjah Celsius. Johor Bahru mudah dihubungi dengan bandar-bandar lain di negara ini melalui rangkaian jalan raya serta pengangkutan laut dan udara. Jarak antara Johor Bahru dengan bandar raya Kuala Lumpur adalah lebih kurang 375 kilometer dan hanya kira-kira 1.5 kilometer dengan Singapura yang dihubungi oleh Tambak Johor.

Sejarah Majlis Bandaraya Johor Bahru bermula dengan penubuhan Jabatan Lembaga Bandaran pada tahun 1910 yang berfungsi untuk memungut hasil cukai rumah, lesen perniagaan, pasar dan permit barangan. Kewujudan jabatan ini memperlihatkan kemajuan Johor Bahru sebagai pusat perkembangan ekonomi di selatan Semenanjung Malaysia, daripada laporan yang dibuat oleh J. Griffiths pada 1914 yang membuktikan berlakunya peningkatan ekonomi Johor Bahru.

Pada 1 April 1977, Johor Bahru telah dinaikkan ke taraf perbandaran hasil penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan dalam negeri Johor sebagaimana peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kerajaan juga telah memperluaskan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Johor Bahru daripada 65 km persegi kepada 119.5 km persegi, pertambahan sebanyak 54.5 km persegi yang merangkumi dua buah majlis tempatan iaitu Majlis Tempatan Pandan dan Majlis Tempatan Kangkar Tebrau.

Bandar Raya Johor Bahru telah dianugerahkan taraf 'bandar raya' pada 1 Januari 1994 setelah memenuhi syarat dan kriteria untuk kenaikan taraf tersebut. MBBJ diberi kuasa menerusi Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan beberapa akta lagi untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Pentadbiran MBBJ diterajui oleh seorang Datuk Bandar serta dibantu oleh 24 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

## VISI |

JOHOR BAHRU  
BANDAR RAYA BERTARAF ANTARABANGSA  
BERBUDAYA DAN LESTARI

## MISI |

1. Mengukuhkan peranan organisasi sebagai pemacu dan pemudah cara strategik untuk semua pihak berkepentingan.
2. Memastikan pembangunan bandar raya yang mampan, sejahtera dan makmur serta fingsgi jati diri budaya.
3. Menyediakan sistem penyampaian yang cekap, tadbir urus berkredibiliti fingsgi, pengurusan sumber yang berkesan dan teknologi berinovasi untuk manfaat warga bandar raya.

## OBJEKTIF STRATEGIK | ( 2016-2020 )

1. Tadbir Urus Berkualiti, Berintegriti Tinggi dan Modal Insan Yang Kompeten.
2. Penguksuhan Kewangan dan Kemampanan Pertumbuhan Ekonomi Bandar Raya.
3. Menerapkan Penggunaan Teknologi Baharu Melalui Inovasi Berterusan.
  4. Perkhidmatan, Kemudahan dan Infrastruktur Yang Berkualiti.
  5. Sejahtera dan Makmur Berteraskan Nilai-Nilai Kerohanian dan Kemasyarakatan Yang Tinggi.
  6. Memacu Penyertaan Awam Yang Interaktif dan Inklusif Dalam Memperkasa Pembangunan.
  7. Keseimbangan Pembangunan dan Kelestarian Alam Sekitar.

## OBJEKTIF

1. Meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran.
2. Meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan penduduk.
3. Memastikan perancangan pembangunan yang teratur dan seimbang serta mengekalkan kualiti kebersihan persekitaran.
4. Meningkatkan persekitaran bandaraya dan kawasan rekreasi.
5. Meningkatkan infrastruktur untuk kepentingan penduduk seperti rangkaian jalan raya, sistem lalu lintas, perparitan dan pembetulan.
6. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan-kemudahan awam yang terdiri daripada tempat-tempat perniagaan, kemudahan, sukan, kebudayaan, perpustakaan dan lain-lain.

## FUNGSI

1. Perancangan dan kawalan pembangunan termasuk menyediakan pelan struktur.
2. Pengeluaran dan pengawalan lesen perniagaan, penjaja dan pengiklanan.
3. Pengindahan bandaraya.
4. Perkhidmatan kesihatan, kawalan mutu makanan, kebersihan pusat makanan dan kawalan penyakit berjangkit.
5. Pembinaan dan penyelenggaraan jalan.
6. Pengurusan lalu lintas dan pengangkutan awam.
7. Penyelenggaraan sistem saliran dan kebersihan alam sekitar.
8. Penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam seperti pasar, gerai, kompleks sukan, perhentian bas, dewan dan perpustakaan.
9. Kutipan hasil cukai harta berdasarkan senarai nilai yang disediakan bagi pegangan-pegangan bercukai dalam pentadbiran majlis.
10. Pengurusan sumber manusia.
11. Perkhidmatan sokongan dan pengurusan.

## STRUKTUR PENTADBIRAN

Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru diketuai oleh Datuk Bandar yang bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Seramai 24 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk membantu Datuk Bandar khususnya dalam membuat dasar-dasar. Setiausaha pula memainkan peranan membantu Datuk Bandar dalam urusan pentadbiran harian. Sebanyak 10 buah jabatan telah dibentuk berdasarkan fungsi perkhidmatan yang diberikan manakala lima bahagian lagi diletakkan di bawah Datuk Bandar.

### Perkhidmatan Utama

Perkhidmatan-perkhidmatan utama yang diberikan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru merangkumi perkara-perkara berikut :

#### Perkhidmatan-Perkhidmatan Utama MBBJ :

BIL.	PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN UTAMA
1.	Perancangan bandar
2.	Pengawalan pembangunan
3.	Pengurusan cukai harta
4.	Pengurusan kewangan
5.	Pengawalan perniagaan
6.	Pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan awam
7.	Penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam
8.	Pengurusan lalu lintas
9.	Pengindahan bandaraya
10.	Pengurusan kebersihan
11.	Kesihatan awam
12.	Sosial, sukan, kebudayaan dan pelancongan
13.	Korporat dan hal ehwal awam
14.	Pesuruhjaya bangunan
15.	Penguatkuasaan undang-undang
16.	Khidmat pengurusan

#### Kronologi Keluasan Pentadbiran MBBJ:


BIL.	STATUS	TAHUN	LUAS KAWASAN
1.	Lembaga Bandaran	1933	12.12 km persegi
		1949	13.85 km persegi
		1956	48.99 km persegi
2.	Majlis Bandaran	1962	68.42 km persegi
3.	Majlis Perbandaran	1971	119.50 km persegi
4.	Majlis Bandaraya	1994	186.00 km persegi
		2000 hingga 2015	220.00 km persegi
		2016 hingga kini	373.18 km persegi



**KAWASAN PENTADBIRAN  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**



**PELAN AHLI MAJLIS 2017**



**PELAN GUNATANAH MBBJ 2017**

**TUAN HAJI ABD. AZIZ BIN TOHAK**  
(KETUA WHIP)  
ZON TIRAM



**ENCIK ANG BOON HENG**  
(TIMBALAN KETUA WHIP)  
ZON TAMAN  
PELANGI/TAMAN SENTOSA



**TUAN HAJI ABDUL LATIFF  
BIN ISMAIL**  
ZON PERMAS JAYA /  
TELUK JAWA



**Y.BHG. DATUK RAMLEE  
BIN BOHANI**  
ZON KEMPAS



**Y.BHG. DATUK YAHYA  
BIN HAJI JA'AFAR**  
ZON BANDAR BARU UDA



**ENCIK PANNIR SELVAM**  
TELUK DANGA /  
KG. SG. MELAYU



**ENCIK NG PUAY WAH**  
ZON KEBUN TEH



**TUAN HAJI AB. HAMID BIN  
HALIDEK**  
ZON LARKIN



**ENCIK KUAN POH HUAT**  
ZON STULANG



**TUAN HAJI ABU TALIB  
BIN HAJI ALIAS**  
ZON BAKAR BATU



**DR. LIM YAK HONG**  
ZON MOUNT AUSTIN



**TUAN HAJI AZMAN BIN JA'AFAR**  
ZON TAMAN MOLEK / DEWANI



**ENCIK AZMAN BIN MUDIN**  
ZON TAMPOI



**PUAN HAJAH SA'ADIAH  
BINTI HUSSIN**  
ZON KG. MELAYU MAJIDEE /  
TAMAN SURIA



**ENCIK NG YEW AIK**  
ZON SETIA AUSTIN



**TUAN HAJI NOR AZHAR  
BIN ABDUL HAMID**  
ZON BANDAR DATO' ONN



**ENCIK TAN TUAN PENG**  
ZON TAMAN JOHOR JAYA



**TUAN HAJI SHEIKH AHMAD  
NAFIQ BIN SHEIKH A. RAHMAN**  
ZON BANDAR



**PUAN CHAN SAN SAN**  
ZON TAMAN RINTING /  
SRI PLENTONG



**TUAN HAJI ABD. AZIZ  
BIN ABDULLAH**  
ZON DESA CEMERLANG



**TUAN HAJI MUSTAFA BIN KASSIM**  
ZON PELANGI INDAH



**TUAN HAJI ALAODIN  
BIN HAMEED**  
ZON KANGKAR DAYA



**ENCIK G. JAYASILAN  
A/L GOPAL**  
ZON WADIHANA /  
TAMAN ABAD



**TUAN HAJI ABDULLAH  
BIN MD. YUSOF**  
ZON PENJAJA





**HAJI AMRAN BIN A. RAHMAN**  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



**HAJI SIDEK BIN PAIMAN**  
SETIAUSAHA



**IR. HAJAH NAZATUL SHIMA BINTI MOHAMAD**  
TIMBALAN SETIAUSAHA /  
PENGARAH LANDSKAP



Dari kiri bari atas :

**HAJI ABDUL AZIZ BIN ITHNIN**  
PENGARAH KHIDMAT PENGURUSAN

**IR. HAJI SULAIMAN BIN MOHAMAD TAIB**  
PENGARAH KEJURUTERAAN

**DATUK AFFENDI BIN AHAMAD**  
PENGARAH PERANCANGAN

**HAJI AZMI BIN HAJI MISWAN**  
PENGARAH PENILAIAN

**HAJI FADZIL BIN TALIB**  
PENGARAH KEWANGAN

**DR. HAJAH ASUNDA BINTI SAUKIN**  
PENGARAH KESIHATAN

**MOHAMAD KHAIRULANUAR BIN ESA**  
PENGARAH PELESENAN

**HAZRIN BIN AHMAD**  
PENGARAH PENGUATKUASA

**HAJI IBRAHIM BIN HAMDAN**  
PENGARAH BANGUNAN

**HARULISAM BIN ISMAIL**  
PENGARAH PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN

**FADZLINA BINTI ABDUL MALEK**  
PENGARAH KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM

**NASSIM BIN HAROON**  
PENGARAH AUDIT

**ABD. RAHMAN BIN ABDULLAH**  
PENGARAH INTEGRITI

**MAZNIZAM BIN MOHD SAPUAN**  
PENASIHAT UNDANG-UNDANG

**NORFARAHDILAH BINTI NGADDEMIN**  
PENOLONG PESURUHJAYA BANGUNAN

**ROSLI BIN YUSOP**  
KETUA UNIT OSC







# JABATAN PENGURUSAN




## BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM

### PENGENALAN

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam dahulunya dikenali sebagai Jabatan Perhubungan Awam dan Perancangan Strategik. Mulai 1 Julai 2009, jabatan ini dikenali sebagai Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam hasil penyusunan semula struktur organisasi Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah dan diletakkan terus di bawah pengawasan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Terdapat empat buah unit di bawah bahagian ini yang berperanan menjalankan tugas masing-masing iaitu Unit Perhubungan Awam, Unit Korporat dan Penerbitan, Unit Pentadbiran dan Unit Penswastaaan dan Pelaburan.

### CARTA ORGANISASI BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM





## UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Unit Perhubungan Awam melalui Bahagian Korporat & Perhubungan Awam menguruskan aduan awam di seluruh kawasan pentadbiran kawasan MBBJ. Aduan awam merupakan salah satu tahap penilaian orang awam memberi maklum balas dan pandangan ke atas perkhidmatan yang telah diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pengurusan aduan awam di MBBJ adalah berdasarkan Sistem Pengurusan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 serta Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 1/2009 iaitu Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam. MBBJ menyediakan pelbagai bentuk saluran aduan seperti telefon/hotline, datang sendiri/walk in, saluran media sosial seperti e-mail, facebook dan whatsapp.

### ANALISA ADUAN AWAM BAGI TAHUN 2016 DAN 2017

BIL.	KATEGORI	TAHUN 2016	TAHUN 2017
1.	JUMLAH ADUAN	8851	9756
2.	JUMLAH ADUAN DISALURKAN KEPADA JABATAN	8851	9756
3.	ADUAN SELESAI	7135	7943
4.	ADUAN DALAM TINDAKAN JABATAN PELAKSANA	1716	1813

### ANALISA ADUAN AWAM BAGI TAHUN 2016 DAN 2017

BIL.	STATUS	TAHUN 2016	TAHUN 2017
1.	LAMPU JALAN TIDAK BERFUNGSI	889	1225
2.	POKOK UNTUK DITEBANG CANTAS	692	856
3.	MASALAH SALURAN NAJIS	248	240
4.	JALAN BERLUBANG DAN ROSAK	491	1068
5.	SEMAK SAMUN	286	285
6.	PEMBIAKAN NYAMUK	100	88
7.	PARIT/LONGKANG PECAH	196	389
8.	GANGGUAN DARI KENDERAAN	243	350
9.	POKOK YANG MERBAHAYA	194	161
10.	ANJING LIAR	330	344
11.	KEBERSIHAN KAWASAN RUMAH/PREMIS PERNIAGAAN	221	235

### SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)

Sistem ini dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri. Mula dilaksanakan dalam Pengurusan MBBJ pada 5 Mei 2017. Pelaksanaan sistem ini telah diberi sijil penghargaan oleh Ketua Pengarah BPA pada 8 Mei 2017.

### JUMLAH ADUAN MENGIKUT JABATAN PADA TAHUN 2017 (SISPAA)

BIL.	JABATAN	MEI HINGGA DISEMBER 2017
1.	BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM	2
2.	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	10
3.	JABATAN PENGURUSAN	77
4.	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	77
5.	JABATAN PERBENDAHARAAN	85
6.	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	90
7.	JABATAN BANGUNAN	199
8.	JABATAN PELESENAN	223
9.	JABATAN LANDSKAP	847
10.	JABATAN KESIHATAN	915
11.	JABATAN PENGUATKUASAAN	1,007
12.	JABATAN KEJURUTERAAN	3,279
<b>JUMLAH</b>		<b>6811</b>

**JUMLAH ADUAN MENGIKUT JABATAN PADA TAHUN 2016 HINGGA 2017 (e-ADUAN)**

BIL.	JABATAN	BILANGAN ADUAN 2016	BILANGAN ADUAN 2017
1.	BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM	1	2945
2.	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	0	
3.	JABATAN PENGURUSAN	98	
4.	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	39	
5.	JABATAN PERBENDAHARAAN	93	
6.	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	145	
7.	JABATAN BANGUNAN	324	
8.	JABATAN PELESENAN	197	
9.	JABATAN LANDSKAP	1268	
10.	JABATAN KESIHATAN	1632	
11.	JABATAN PENGUATKUASAAN	996	
12.	JABATAN KEJURUTERAAN	4,019	
<b>JUMLAH</b>		<b>8812</b>	<b>2945</b>

**UNIT KORPORAT DAN PENERBITAN**

Unit Korporat berperanan dalam mengendalikan urusan lawatan sambil belajar, imej korporat, pengurusan baju korporat, manual korporat, video korporat, urusan penyediaan takwim mesyuarat, menguruskan pameran korporat MBBJ, kemaskini carta organisasi, mystery shopper, urusan cenderamata korporat dan pemberian hadiah hari lahir anggota.

**Laporan Lawatan:**

BIL.	TARIKH	NAMA AGENSI	TUJUAN LAWATAN	JUMLAH PESERTA	JABATAN TERLIBAT
1.	25.1.2017 (Selasa)	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	Berkongsi pengalaman dan bertukar pendapat tentang isu teknikal.	25 orang	Pejabat Datuk Bandar, Jabatan Perancangan, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, dan IRDA
2.	5.3.2017 (Ahad)	Majlis Perbandaran Nilai	Ingin melihat pencapaian dan kejayaan MBBJ dalam melaksanakan projek & program LA21.	20 orang	Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan
3.	29.3.2017 (Rabu)	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Menguji ketahanan mental & fizikal anggota trafik DBKL, menguji ketahanan jentera motosikal DBKL dalam program jelajah motosikal berkuasa tinggi DBKL ke MBBJ.	50 orang	Jabatan Penguatkuasaan
4.	11.4.2017 (Selasa)	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Menimba ilmu dan bertukar pendapat tentang pengurusan OSC MBBJ.	25 orang	OSC
5.	11.4.2017 (Selasa)	Majlis Perbandaran Kulai	Mempelajari tentang Pelaksanaan Sistem Pendaftaran Kontraktor dan Pengurusan Perolehan di MBBJ.	8 orang	Bahagian Ukur Bahan dan Bahagian Teknologi Maklumat
6.	8.5.2017 (Isnin)	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Meningkatkan kualiti dan mutu penyelenggaraan jalan.	40 orang	Jabatan Kejuruteraan
7.	9.8.2017 (Rabu)	Perbadanan Putrajaya	Pengurusan aduan awam dan inovasi penyelenggaraan bandar.	54 orang	Bahagian Korporat dan Jabatan Kejuruteraan
8.	13.9.2017 (Rabu)	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan	Mempelajari dan mencontohi penyelenggaraan dan pengurusan landskap.	30 orang	Jabatan Landskap

9.	19.9.2017 (Selasa)	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Mempelajari syarat infra dan proses kelulusan pelan.	10 orang	Jabatan Kejuruteraan
10.	5.10.2017 (Khamis)	UiTM	Pemuliharaan bangunan warisan dan kajian seni bina.	32 orang	Jabatan Perancangan dan Jabatan Bangunan
11.	11.10.2017 (Rabu)	Majlis Daerah Tanjung Malim	Deposit yang dikeluarkan terhadap premis-premis di bawah peruntukan undang-undang kecil (UUK) MBBJ	20 orang	Bahagian Undang-Undang dan Jabatan Pelesenan
12.	12.10.2017 (Khamis)	Sek. Men. Keb. Dato' Penggawa Barat	Pentadbiran & PBT	84 orang	Bahagian Korporat
13.	16.10.2017 (Isnin)	Sek. Keb. Parit Raja, Batu Pahat	Melawat Hutan Bandar, MBBJ	44 orang	Jabatan Landskap
14.	24.10.2017 (Selasa)	Dewan Bandaraya Kuching Utara	Penguatkuasaan lalu lintas, penyelenggaraan kenderaan terbiar dan "Smart Enforcement"	20 orang	Jabatan Penguatkuasaan
15.	1.11.2017 (Rabu)	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Penguatkuasaan kenderaan terbiar dan halangan.	20 orang	Jabatan Penguatkuasaan
16.	1.11.2017 (Rabu)	Majlis Perbandaran Sepang	Mempelajari Sistem OSC 3.0	39 orang	OSC
17.	2.11.2017 (Khamis)	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Keselamatan	36 orang	Jabatan Khidmat Pengurusan
18.	2.11.2017 (Khamis)	Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam	Bahagian Perpustakaan Sultan Ismail	10 orang	Perpustakaan Sultan Ismail
19.	5.11.2017 (Ahad)	Perbadanan Putrajaya	Mempelajari tentang JMB dan strata.	46 orang	COB
20.	16.11.2017 (Khamis)	Sek. Keb. Parit Raja, Batu Pahat	Lawatan ke Hutan Bandar, MBBJ	44 orang	Jabatan Landskap
21.	21.11.2017 (Selasa)	Majlis Bandaraya Ipoh	Sistem perundangan MBBJ.	12 orang	Bahagian Undang-Undang
22.	29.11.2017 (Rabu)	Arcplus Group Delegation From China	Kunjungan Hormat Delegasi China bersama YBhg. Datuk Bandar	10 orang	Pejabat Datuk Bandar
23.	6.12.2017 (Rabu)	Majlis Bandaraya Ipoh	Penyelenggaraan landskap dan Taman Awam.	30 orang	Jabatan Landskap
24.	18.12.2017 (Isnin)	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Ingin berkongsi pengalaman dalam kaedah penilaian cukai harfa yang menggunakan Nilai Tambah.	6 orang	Jabatan Penilaian

**Senarai program yang telah dilaksanakan:**

- MALAM CINTA ALLAH & RASUL 2017
- PERISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE 23
- PROGRAM JUMPA & SAPA BERSAMA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU
- KEMBARA MAHKOTA JOHOR
- PROGRAM TOWNHALL DATUK BANDAR JOHOR BAHRU BERSAMA MASYARAKAT
- SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MBBJ #berayacaraJB 2017
- PAMERAN KORPORAT MBBJ
- FESTIVAL KEPUTERAAN RASMI DYMM SULTAN JOHOR

Unit Penerbitan berperanan mengendalikan urusan pengeluaran bahan-bahan bercetak MBBJ yang merangkumi penerbitan Buletin MBBJ, Laporan Tahunan, *coffee table book*, risalah, poster, buku cenderamata serta kad jemputan. Unit ini juga telah diberi tanggungjawab untuk mewujudkan Galeri MBBJ yang memuatkan maklumat dan arkib berkenaan sejarah dan perkembangan bandar raya Johor Bahru dan juga Majlis Bandaraya Johor Bahru.

**Laporan Unit Penerbitan:**

1. Menerbitkan keluaran buletin edisi 2017 berjudul '**Lensa MBBJ**' empat (4) kali setahun.



2. Menerbitkan Laporan Tahunan 2016 (tahun semasa) dan membuat edaran kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.



3. Mencetak Yasin, kalendar, diari dan kad hari lahir anggota MBBJ, brosur, risalah, kad jemputan, gegantung (bunting), kain rentang (banner), latar pentas (backdrop) untuk kegunaan acara rasmi program MBBJ.



4. Menguruskan pengedaran bahan-bahan penerbitan MBBJ kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), agensi kerajaan, senarai pihak berkuasa tempatan (PBT) lain dan kepada orang awam.

## UNIT PENSWASTAAN DAN PELABURAN

Unit Penswastaan & Pelaburan merupakan antara saluran pendapatan hasil bukan cukai Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) yang mampu memberi impak kepada pengurusan kewangan MBJB. Sekaligus memenuhi objektif seperti menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat, menilai keberkesanan cadangan projek pembangunan, menyelaraskan dan memantapkan pemantauan pelaksanaan projek.

Berdasarkan kutipan hasil bagi 16 projek tahun ini yang terdiri daripada projek penswastaan secara usahasama, pemilikan ekuiti, pajakan aset, bina urus dan kendali, penyewaan dan pajakan pengurusan projek yang menyumbang hasil bukan cukai kepada MBJB.


Untuk rekod bagi tahun 2017 prestasi kutipan hasil Unit Penswastaan dan Pelaburan yang berjaya diperolehi hasilnya adalah sebanyak RM9,430,193.54 iaitu 39.94% dari jumlah unjuran hasil iaitu RM23,611,919.48 melalui projek penswastaan yang telah dilaksanakan. Peratusan hasil menunjukkan penguncupan berikutan isu tunggakan yang tidak berjaya diatasi pada tahun ini.

Ringkasan jumlah kutipan yang telah dibuat boleh dirujuk sebagaimana Jadual 1 dan Graf 1 berikut:

**Jadual 1 : Kutipan Hasil Projek-Projek Penswastaan Bagi Tahun 2017**

Bil.	BUTIRAN PROJEK	TERIMAAN HASIL 2017
1.	Kompleks Zon Bebas Cukai	RM 1,256,510.00
2.	Kompleks City Square	RM 3,075,000.00
3.	Pasar Borong Pandan	RM 832,935.36
4.	Kompleks Pasar Setia Indah	RM 150,645.00
5.	Medan Selera Taman Johor Jaya	RM 36,254.86
6.	Kompleks Daya Point	RM 58,080.00
8.	Pusat Penyembelihan Ayam	RM 60,000.00
9.	Medai Selera/Gerai Taman Mount Austin	-
10.	Pembangunan Apartment Servis	RM 2,233,782.74
11.	Penyewaan Tapak - Iklan Multimedia	RM 51,886.78
12.	Penyewaan Tapak - Menara Pemancar	RM 1,571,385.78
13.	Penyewaan Tapak Kitar Semula	RM 49,792.36
14.	Penyewaan Tanah - Meletak Bahan Binaan	RM 24,020.66
15.	Pajakan Tanah - Kantin Industri	-
16.	Hasil Pelbagai	RM 29,900.00
<b>JUMLAH</b>		<b>RM9,430,193.54</b>

**Graf 1 : Kutipan Hasil Projek-Projek Penswastaan Bagi Tahun 2017**



**BAHAGIAN UNDANG-UNDANG**

**1.0 LATAR BELAKANG ORGANISASI**


**(i) Fungsi dan peranan Bahagian Undang-undang**

Bahagian Undang-undang berfungsi sebagai nadi utama kepada pentadbiran dan pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan menguruskan hal ehwal undang-undang berkaitan Majlis termasuk memberi nasihat undang-undang, mengendalikan kes-kes sivil melibatkan Majlis, melaksanakan tindakan saman, penyediaan dan semakan kontrak & perjanjian, penguatkuasaan undang-undang dan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang.

Bagi memastikan fungsi-fungsi ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan, Bahagian Undang-undang dibahagikan kepada empat (4) unit utama yang berperanan menjalankan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan mengikut fungsi bahagian iaitu:-

- (a) Unit Pentadbiran;
- (b) Unit Penguatkuasaan Perundangan;
- (c) Unit Khidmat Nasihat Perundangan; dan
- (d) Unit Sokongan Perundangan

**(ii) Carta Organisasi Bahagian Undang-undang**



## 2.0 LAPORAN LENGKAP AKTIVITI BERDASARKAN BIDANG TUGAS

### (i) Unit Pentadbiran

Menguruskan hal ehwal pentadbiran pejabat, perkhidmatan anggota, bajet & perolehan, Aset & Inventori, bekalan Buku Kompaun & Kad Kuasa Anggota, Perwakilan Kuasa serta dokumen Pelantikan Datuk Bandar dan Ahli Majlis.

#### LAPORAN AKTIVITI UNIT PENTADBIRAN

AKTIVITI	PENCAPAIAN
Bekalan Buku Kompaun	Sebanyak 321 Buku Kompaun dibekalkan kepada Jabatan/Bahagian berkaitan.
Bekalan Kad Kuasa	Sebanyak 719 permohonan pembaharuan kad kuasa bagi tempoh Januari 2017 hingga Disember 2018 daripada Jabatan/Bahagian telah diterima, disemak dan diproses.
Perwakilan Kuasa	Sebanyak 21 Surat Perwakilan Kuasa telah disediakan.
Dokumen Pelantikan Datuk Bandar dan Ahli Majlis	Sebanyak satu Surat Pelantikan dan Penerimaan Jawatan bagi Ahli Majlis telah disediakan.

### (ii) Unit Penguatkuasaan Perundangan

#### (a) Seksyen Penguatkuasaan & Polis Bantuan

- i. Mengendalikan urusan berkaitan aktiviti-aktiviti penyerahan saman, pelaksanaan Waran Tangkap, penyerahan notis kesalahan / tunggakan sewa / tunggakan kompaun / tunggakan cukai harta / lesen, kawalan aman sesi persidangan mahkamah, kawalan keselamatan kutipan hasil / kaunter bergerak / mesyuarat berkaitan Pesuruhjaya Bangunan / mengiringi Orang Kena Saman yang gagal membayar denda ke penjara / operasi cukai harta & operasi penguatkuasaan.
- ii. Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan perkara-perkara berkaitan perjalanan prosiding Mahkamah Majistret (Majlis Bandaraya) Johor Bahru.

#### LAPORAN AKTIVITI UNIT PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN

NO.	AKTIVITI	LAPORAN
<b><u>UNIT POLIS BANTUAN</u></b>		
1.	Kawalan aman/ keselamatan bagi sesi persidangan di Mahkamah Majistret (Bandaraya) Johor Bahru.	<b>38 kali</b>
2.	Kawalan aman/ keselamatan bagi kaunter bergerak e-Nobas .	<b>255 kali</b>
3.	Operasi bersepadu/ Lain-lain Operasi yang melibatkan kesemua Jabatan dalaman MBBB (Penguatkuasa, Kesihatan, Perancang, Bangunan, Pelesenan dan Pesuruhjaya Bangunan).	<b>Operasi bersepadu – 27 kali Operasi Anti-Litter – 147 kali Majlis Sesi Dialog/ COB – 12 kali</b>
4.	Menyampaikan Notis, Saman, Sapina dan waran tangkap kepada Orang Kena Saman (OKS)	<b>Notis dari Jabatan – 594 Notis Saman (ULK) – 250 Saman Saman PBT Luar -110 Saman</b>
<b><u>TUNGGAKAN KOMPAUN PELBAGAI</u></b>		
5.	Mengeluarkan notis-notis tunggakan kompaun pelbagai Jabatan kompaun Pelaksana bagi tahun 2016 ke bawah.	<b>7,046 Notis</b>
<b><u>SEMAKAN PERJANJIAN/ MOU</u></b>		
6.	Semakan dan penyediaan bagi Perjanjian/ Penyewaan/ MOU di antara pihak Majlis dan pihak-pihak yang terlibat.	<b>1 MOU 1 Perjanjian</b>
<b><u>PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)</u></b>		
7.	Membuat ulasan dan khidmat Bantuan Guaman kepada Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) berdasarkan dokumen yang dikemukakan (House Rule, Jaminan Bank, Majlis Sesi Dialog, dll) serta lain-lain hal yang berkaitan dengan Akta Pengurusan Strata 2013.	<b>House Rule – 3 Bank's Guarantee – 2 Majlis Sesi Dialog – 5</b>

LAPORAN AKTIVITI MAHKAMAH MAJISTRET (MAJLIS BANDARAYA) JOHOR BAHRU

BULAN	KES DIDAFTARKAN	KES SELESAI	KES WARAN TANGKAP
JANUARI	139	0	31
FEBRUARI	37	0	16
MAC	81	75	31
APRIL	43	100	21
MEI	30	31	5
JUN	151	38	9
JULAI	21	57	17
OGOS	85	105	19
SEPTEMBER	78	57	13
OKTOBER	128	46	5
NOVEMBER	158	90	14
DISEMBER	0	62	10
<b>JUMLAH</b>	<b>950</b>	<b>661</b>	<b>191</b>

(b) Seksyen Tindakan Sokongan Penguatkuasaan

- Urusetia kepada Mesyuarat Teknikal Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Johor Bahru di mana komposisi ahli mesyuarat merupakan wakil jabatan/ bahagian yang terlibat dengan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan. Agenda tetap mesyuarat merupakan perbincangan berkaitan isu-isu tindakan penguatkuasaan dan permasalahan mengenainya, tindakan penguatkuasaan yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis serta yang diadakan melalui Aduan Awam, program penguatkuasaan dan lain-lain perkara berkaitan.
- Urusetia kepada Acara Pelelongan Majlis Bandaraya Johor Bahru yang mengendalikan urusan pelelongan barang-barang sitaan Jabatan Penguatkuasaan, barang-barang sitaan tunggakan cukai harta dan barang-barang lain yang diputuskan untuk dilelong oleh Pegawai Pengawal Majlis Bandaraya Johor Bahru. Sebanyak 2 kali acara lelongan telah dijalankan sepanjang tahun 2016.

LAPORAN KES SAMAN YANG DIRUJUK, DIDAFTR DAN DISEBUT/DIBICARA BAGI TAHUN 2017

	Seksyen 70(1) Akta JPB 1974 (Akta 133)	Seksyen 19 Akta PBD 1976 (Akta 172)	UUK Pelesenan (MBJB) 2016	UUK Penjaja (MBJB) 2010	UUK Mencegah Kekotoran (MBJB) 2004	Perintah Lalulintas Jalan (MBJB) 2003	Seksyen 82 Akta 171	JUMLAH
1 KES SAMAN DIRUJUK KE BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	34	3	0	44	262	108	3	454
2 KES SAMAN YANG TELAH DISEDIAKAN DAN DIRUJUK KE MAHKAMAH UNTUK PENDAFTARAN	11	1	0	44	240	115	2	412
3 KES SAMAN DISEBUT/ DIBICARA DI MAHKAMAH	57	11	19	63	574	493	10	1,227

PENYEDIAAN DAN SEMAKAN PERJANJIAN (BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA)

PERKARA	STATUS		
	PERMOHONAN TERIMA	LENGKAP DISEDIAKAN	DALAM TINDAKAN
PERMOHONAN PENYEDIAAN PERJANJIAN TAHUN SEBELUM (2016)	26	10	16
PERMOHONAN PENYEDIAAN PERJANJIAN DAN JAMINAN (2017)	6	6	0
SEMAKAN PERJANJIAN KEBENARAN MENDUDUKI (2017)	1,974	1,974	0
SEMAKAN JAMINAN KEBENARAN MENDUDUKI (2017)	1,974	1,974	0



**PENYEDIAAN ULASAN TAHUN 2017**

JAB/BHG	PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA	KEWANGAN	PENSWASTAAN
ULASAN YANG DITERIMA	11	1	7

**LAPORAN ACARA PELELONGAN**

BIL.	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Sesi lelongan	Bil. 1/2017
2.	Tarikh acara pelelongan	8 Oktober 2017
3.	Kategori barang	Barangan sitaan kesalahan Undang-undang Kecil Penjaja (MBJB) 2010, Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981 / Pindaan 2004 dan kesalahan Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976
4.	Bilangan lot	283 lot
5.	Jurulelong	Tetuan Property Auction House Sdn. Bhd.
6.	Jumlah hasil jualan (RM)	RM31,084.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Satu Ribu Lapan Puluh Empat Sahaja)

**SEKITAR ACARA LELONGAN**



**LAPORAN KES TUNGGAKAN CUKAI HARTA DAN TUNGGAKAN SEWA GERAI YANG DIAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG**

KES TUNGGAKAN DIRUJUK KEPADA BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	CUKAI HARTA	TUNGGAKAN SEWA GERAI
JUMLAH KES/TUNGGAKAN	69	4 (telah dipulangkan kerana tidak lengkap)
BILANGAN KES DIKELUARKAN NOTIS TUNTUTAN	14	17 (dalam semakan)
BILANGAN KES DIRUJUK PEGUAM UNTUK TINDAKAN UNDANG-UNDANG	2	2

### (iii) Unit Khidmat Nasihat Perundangan

Menguruskan kajian dan penyediaan ulasan perundangan, membantu Unit Latihan dalam pengendalian kursus dalam berkaitan undang-undang termasuk penyediaan bahan rujukan/nota latihan peserta, melaksanakan proses penggubalan bagi Undang-undang Kecil, Akta dan Perintah Lalulintas Jalan, mengendalikan urusan pewartaan perundangan/pemberitahuan dan menyelenggara dokumen berkaitan Penurunan/Perwakilan Kuasa.

#### LAPORAN AKTIVITI KHIDMAT NASIHAT PERUNDANGAN

AKTIVITI	PENCAPAIAN / STATUS TINDAKAN
<b>Pengendalian Kursus Perundangan</b>	Sebanyak tujuh (2) sesi kursus perundangan telah dianjurkan oleh Unit Undang-undang MBBJ
<b>Penggubalan Undang-undang Kecil, Akta &amp; Perintah Lalulintas Jalan</b>	
❖ Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Versi Bahasa Melayu)	❖ Peringkat kelulusan di Pejabat SUKJ (Kerajaan Tempatan)
❖ Undang-undang Kecil Taman (MBJB) 2017	❖ Peringkat kelulusan di Pejabat SUKJ
<b>Pewartaan Perundangan</b>	
❖ Draf Perintah Lalulintas Jalan (Sekatan Penggunaan Jalan) Kenderaan Basikal (MBJB) 2017.	❖ Peringkat kelulusan di Pejabat SUKJ (Kerajaan Tempatan)
❖ Draf Warta Persempadanan Semula	❖ Peringkat akhir penyediaan draf

### (iv) Unit Sokongan Perundangan


#### (a) Seksyen Tindakan Saman

Menguruskan proses tindakan saman bagi kesalahan-kesalahan perancangan, bangunan, pelesenan, kebersihan, kacau ganggu, halangan dan letak kereta serta mengendalikan prosiding pendakwaan kes-kes berkenaan di Mahkamah Majistret (Majlis Bandaraya) Johor Bahru.

#### LAPORAN KES SAMAN YANG DIRUJUK, DIDAFAR DAN DISEBUT/DIBICARA BAGI TAHUN 2017

JABATAN	BANGUNAN	PERANCANG	PENGUATKUASAAN			KEWANGAN	KESIHATAN	JUMLAH
	Seksyen 70(1) Akta JPB 1974 (Akta 133)	Seksyen 19 Akta PBD 1976 (Akta 172)	UUK Pelesenan (MBJB) 2004/2016	UUK Penjaja (MBJB) 2010	UUK Mencegah kekotoran (MBJB) 2004	PLJ (MBJB) 2003	Seksyen 82 Akta 171	
(1) KES SAMAN DIRUJUK KE BHG UNDANG-UNDANG	45	17	19	15	226	274	11	607
(2) KES SAMAN YANG TELAH DISEDIAKAN DAN DIRUJUK KE MAHKAMAH UNTUK PENDAFTARAN	39	16	12	12	67	287	10	443
(3) KES SAMAN DISEBUT/ DIBICARA DI MAHKAMAH	83	85	20	0	5	453	13	659

**GRAF LAPORAN KES SAMAN YANG DIRUJUK, DIDAFTR DAN DISEBUT/DIBICARA BAGI TAHUN 2017**



(b) Seksyen Penswastaan/Perjanjian

Menguruskan penyediaan dan semakan perjanjian bagi projek-projek penswastaan/penyewaan premis dan tanah majlis / penyewaan gerai-gerai Majlis, MAO dan MOU berkaitan Majlis dan mengendalikan tindakan undang-undang berhubung perkara-perkara tersebut.

**PENYEDIAAN DAN SEMAKAN PERJANJIAN**

PERKARA	STATUS		
	PERMOHONAN TERIMA	LENGKAP DISEDIAKAN	DALAM TINDAKAN
Permohonan Penyediaan Perjanjian Tahun Sebelum	-	2	14
Permohonan Baru Tahun 2017	60	22	38

Menyediakan ulasan khidmat nasihat undang-undang berkaitan perjanjian dan projek penswastaan

**PENYEDIAAN ULASAN TAHUN 2017**

JABATAN/BAHAGIAN	Datuk Bandar	Perhubungan Awam	C.O.B	Kejuruteraan	Bangunan	Perancangan	Landskap	Khidmat Pengurusan	Pembangunan Kemasyarakata	Kesihatan	Penguatkuasaan	Penilaian	Kewangan	Jabatan Luar	Pelesenan	Jumlah
Ulasan Yang diterima	2	32	1	3	0	4	0	2	0	1	1	12	2	3	2	<b>65</b>

## BAHAGIAN AUDIT DALAM

Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Bagi mencapai matlamat kebebasan dalam menjalankan tugasnya dan menjamin keberkesanan, Audit Dalam bertanggungjawab terus kepada Datuk Bandar dan diberi kuasa secara pentadbiran untuk melihat segala rekod, baucar, daftar-daftar, wang tunai, barang-barang stor dan aset-aset Majlis yang tertakluk kepada auditannya. Ia juga dibolehkan untuk mencapai atau akses kepada sistem komputer bagi menentukan ketepatan data sistem maklumat.

### Bidang Audit

Tugas-tugas audit dibahagikan kepada dua (2) bidang iaitu Audit Pengurusan Kewangan dan Audit Prestasi.


Audit Pengurusan Kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa

pembayaran dibuat dengan teratur dan dibenarkan, hasil-hasil dikenakan dan dipungut dengan betul dan aset-aset dikira dan dikawal dengan sepatutnya. Audit Pengurusan Kewangan hendaklah juga menentukan sama ada sistem perakaunan dan rekod-rekod adalah sempurna dan boleh dipercayai agar pihak pengurusan atasan dapat memperolehi maklumat yang tepat dan dalam masa yang singkat.

Audit Pengurusan Kewangan juga melihat dari sudut Indeks Akauntabiliti. Fokus auditan pula adalah terhadap 8 elemen utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor, Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

Audit Prestasi merangkumi penilaian terhadap aktiviti organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan. Audit Prestasi merupakan pemeriksaan yang objektif dan analitikal terhadap kecekapan, keberkesanan pengurusan dan penggunaan sumber-sumber organisasi.

### CARTA ORGANISASI BAHAGIAN AUDIT DALAM



## Rancangan Tahunan

Rancangan Tahunan Audit Dalam Tahun 2017 telah diluluskan oleh Datuk Bandar pada 26 Disember 2016. Selain daripada Rancangan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan, auditan juga dijalankan terhadap perkara-perkara yang perlu dan mustahak apabila diarah oleh Datuk Bandar dari semasa ke semasa.

## Pemerhatian Dan Laporan Audit


Sepanjang tahun 2017, Auditian Pengurusan Kewangan telah dijalankan. Walau bagaimanapun, tidak semua auditan yang dijalankan dilaporkan kepada pihak pengurusan kerana ketiadaan isu yang perlu dibangkitkan.

Setiap kelemahan yang ditemui hasil daripada auditan akan dibangkitkan terus kepada Ketua-ketua Jabatan melalui pemerhatian audit dan salinan pemerhatian kepada Datuk Bandar dan Tuan Setiausaha. Bagi tahun 2017, jumlah pemerhatian Audit Pengurusan Kewangan yang dikeluarkan ialah sebanyak 55.

### Pemerhatian Audit Pengurusan Kewangan Bagi Tahun 2017

BUTIR AUDITAN	TAHUN 2017
Kawalan Pengurusan	-
Kawalan Terimaan	10
Kawalan Perbelanjaan	19
Pemeriksaan Mengejut	5
Kawalan Pengurusan Pelaburan	1
Kawalan Pengurusan Wang Amanah & Deposit	-
Kawalan Kumpulan Wang Pinjaman	1
Kawalan Aset, Stor Dan Kenderaan	15
Lain-Lain Auditian	4
<b>Jumlah</b>	<b>55</b>

Carta Bar Perbandingan Pemerhatian Audit Pengurusan Kewangan Bagi Tahun 2017



Audit Prestasi pula dijalankan berdasarkan tajuk kajian yang diluluskan oleh Datuk Bandar sebagaimana dalam Rancangan Tahunan Audit Dalam. Bagi tahun 2017, dua Laporan Audit Prestasi telah dikeluarkan berkaitan :

- i. Pengurusan Penyewaan Pasar Awam Milik MBBJ.
- ii. Pengurusan Penyewaan Gerai Dan Anjung Selera Milik MBBJ.


#### **Jawatankuasa Audit**

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 4 Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) telah dijalankan berdasarkan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.2. Mesyuarat-mesyuarat telah dijalankan sebagaimana berikut :

<b>NAMA MESYUAT</b>	<b>TARIKH</b>
Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 4/2016	26.1.2017
Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 1/2017	22.5.2017
Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 2/2017	30.7.2017
Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 3/2017	26.11.2017

## BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

### 1.0 CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN MBB



### 2.0 SENARAI TUGAS UTAMA PESURUHJAYA BANGUNAN

1. Menyediakan inventori kawasan pemajuan.
  - a. Daftar Profil Kawasan Pemajuan
2. Memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta 757 dan Bahagian VI dan VII Akta 318.
  - a. Penubuhan JMB/Panggilan Mesyuarat Pertama JMB.
  - b. Panggilan Mesyuarat Pertama JMB Oleh Seseorang Jika Pemaju Gagal.
  - c. Panggilan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama MC.
  - d. Panggilan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama MC Oleh Seseorang Jika Pemilik Asal Gagal.
  - e. Pendaftaran dan Perakuan JMB.
  - f. Pemfailan jadual petak.
  - g. Perlantikan Ejen Pengurusan.
  - h. Penamatan Perkhidmatan Ejen Pengurusan.
  - i. Penyerahan dan Semakan Akaun Penyenggaraan Bangunan/Akaun Perbadanan Pengurusan.
  - j. Pertikaian Berhubung APB/"Sinking Fund".
  - k. Penyerahan, penggunaan dan pemulangan deposit pemaju.
  - l. Perlantikan Juruaudit.
  - m. Pembubaran JMB.
3. Menyelaraskan aduan-aduan.
  - a. Pengurusan/Pentadbiran JMB/JMC/MC.
  - b. Kewangan dan Akaun.
  - c. Penyenggaraan Bangunan dan Harta Bersama.
4. Membantu dalam menjalankan pendakwaan dan penguatkuasaan.
  - a. Prosedur Penahanan dan Lelongan Harta Alih.
  - b. Prosedur Pendakwaan.


### 3.0 STATISTIK PEMFAILAN JADUAL PETAK

#### Pengenalan Jadual Petak


Dibawah seksyen 6, Akta Pengurusan Strata Akta 757, pemaju mana-mana bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak – petak didalam suatu kawasan pemajuan tidak boleh menjual mana-mana petak dan petak yang dicadangkan melainkan suatu jadual petak telah difailkan dengan Pesuruhjaya Bangunan.

Pemfailan Jadual Petak dapat mempercepatkan proses permohonan dan pengeluaran Hakmilik serentak dengan Serahan Kunci atau Vacant Possesion.

Statistik Pemfailan Jadual Petak Tahun 2016



Statistik Pemfailan Jadual Petak Tahun 2017



#### 4.0 PEGANGAN HARTA BERSTRATA / BERTINGKAT


Data kawasan pemajuan harta strata meningkat setiap tahun. Sehingga Januari 2018, terdapat 959 kawasan pemajuan harta berstrata telah dikenalpasti berada di bawah pentadbiran MBBJ. Jumlah unit/petak yang terdapat dalam kawasan pemajuan tersebut dianggarkan berjumlah 137,205 petak yang merangkumi unit kediaman dan perdagangan.

Jadual 1 : Bilangan Petak Harta Strata Mengikut Zon MBBJ Bagi Tahun 2010 Sehingga 2017

TAHUN	ZON MBBJ				JUMLAH KESELURUHAN
	BANDAR	TEBRAU	PULAI	PLENTONG	
2010	16,925	15,829	5,314	15,524	53,592
2011	17,145	16,971	5,314	15,149	54,579
2012	18,234	16,971	5,314	15,574	56,093
2013	21,042	17,597	6,416	18,923	63,978
2014	25,518	22,273	6,416	24,760	78,967
2015	33,419	23,612	6,429	25,710	89,170
2016	47,090	36,010	6,591	39,152	128,843
2017	48,685	40,958	6,364	41,198	137,205



**CARTA 1 : KAWASAN PEMAJUAN BERDASARKAN BILANGAN PETAK MENGIKUT ZON BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2017**




	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Bandar	16,925	17,145	18,234	21,042	25,518	33,419	47,090	48,685
Tebrau	15,829	16,971	16,971	17,597	22,273	23,612	36,010	40,958
Pulai	5,314	5,314	5,314	6,416	6,416	6,429	6,591	6,364
Plentong	15,524	15,149	15,574	18,923	24,760	25,710	39,152	41,198

Carta 1 menunjukkan bahawa bilangan petak kawasan pemajuan bertambah setiap tahun dari tahun 2010 hingga tahun 2017. Peratusan peningkatan ini bagi tahun 2010 hingga 2017 bagi Mukim Bandar sebanyak 188%, Mukim Tebrau sebanyak 159%, Mukim Pulai sebanyak 20% dan Mukim Plentong sebanyak 165%.


**Jadual 2 : Bilangan Kawasan Pemajuan Strata Mengikut Zon MBBJ Bagi Tahun 2010 Sehingga 2017**

TAHUN	ZON MBBJ				JUMLAH KESELURUHAN
	BANDAR	TEBRAU	PULAI	PLENTONG	
2010	77	77	88	136	378
2011	81	81	88	138	388
2012	82	81	88	138	389
2013	88	86	90	146	410
2014	95	95	89	159	438
2015	104	99	89	185	477
2016	138	524	92	104	858
2017	147	614	92	106	959

**CARTA 2 : Kawasan Pemajuan Strata Mengikut Zon Bagi Tahun 2010 Hingga 2017**



	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Bandar	77	81	82	88	95	104	138	147
Tebrau	77	81	81	86	95	99	524	614
Pulai	88	88	88	90	89	89	92	92
Plentong	136	138	138	146	159	185	104	106

**Carta 3 : Perbandingan Kawasan Pemajuan Berdasarkan Bilangan Petak Mengikut Zon Tahun 2010 & 2017****STATUS PENGURUSAN**

Status pengurusan harta strata ditentukan berdasarkan status permohonan strata yang dikemukakan oleh pemilik asal / pemaju kepada Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Negeri Johor sebagaimana berikut :

- a) Bagi kawasan pemajuan yang siap sebelum 12 April 2007 (tarikh kuatkuasa Akta 663) tetapi permohonan strata belum dibuat, pihak COB perlu memastikan bahawa Badan Pengurusan Bersama - *Joint Management Body* (JMB) ditubuhkan bagi kawasan pemajuan tersebut. Dalam masa yang sama, permohonan strata perlu dimohon oleh pemilik asal / pemaju dan apabila pindahmilik strata mencapai 25%, maka pemilik asal / pemaju perlu memanggil mesyuarat pertama bagi penubuhan Perbadanan Pengurusan - *Management Corporation* (MC). JMB akan terbubar secara rasminya tiga (3) bulan selepas mesyuarat pertama MC.
- b) Bagi kawasan pemajuan yang telahpun memohon strata sebelum penguatkuasaan Akta 663, pihak COB perlu pastikan pemilik asal / pemaju memanggil mesyuarat bagi penubuhan MC apabila pindahmilik strata mencapai 25%.
- c) Akta 757 telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. Pihak COB perlu memastikan bahawa :-
  - i. Jika milikan kosong diserahkan sebelum permulaan kuatkuasa Akta, tidak lewat daripada dua belas bulan dari tarikh permulaan kuatkuasa Akta; atau
  - ii. Jika milikan kosong diserahkan selepas permulaan kuatkuasa Akta, tidak lewat daripada dua belas bulan dari tarikh penyerahan milikan kosong.


**Jadual 3 : Status Pengurusan Bangunan Berstrata Mengikut Kawasan Pemajuan Bagi Tahun 2010 Hingga Disember 2017**

STATUS PENGURUSAN	BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN							
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
JMB	62	66	66	62	52	52	87	86
MC	178	181	113	189	133	136	149	149
PEMAJU	129	129	130	150	79	91	540	625
TIDAK DAPAT DITUBUHKAN	9	12	80	9	174	198	82	99
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>378</b>	<b>388</b>	<b>389</b>	<b>410</b>	<b>438</b>	<b>477</b>	<b>858</b>	<b>959</b>

**Jadual 4 : Status Pengurusan Bangunan Berstrata Mengikut Bilangan Petak Bagi Tahun 2010 Hingga Disember 2017**

STATUS PENGURUSAN	BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN							
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
JMB	19,297	20,456	19,545	19,409	16,403	15,222	27,165	25,844
MC	20,778	20,094	22,812	22,966	28,692	29,783	35,064	36,011
PEMAJU	11,372	11,258	12,437	19,500	31,420	41,709	64,175	72,877
TIDAK DAPAT DITUBUHKAN	2,145	2,771	1,299	2,103	2,452	2,456	2,439	2,473
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>53,592</b>	<b>54,579</b>	<b>56,093</b>	<b>63,978</b>	<b>78,967</b>	<b>89,170</b>	<b>128,843</b>	<b>137,205</b>

Carta 4 : Peratusan Status Pengurusan Strata Bagi Tahun 2017



Sehingga Disember 2017, daripada 959 kawasan pemajuan, 235 kawasan pemajuan atau kira-kira 25% daripada jumlah keseluruhan kawasan pemajuan telah berjaya menubuhkan badan pengurusan sendiri iaitu sama ada JMB atau MC. Manakala selebihnya iaitu kira-kira 625 kawasan atau 65% kawasan pemajuan masih dalam pengurusan pemaju termasuk kawasan pemajuan baru yang belum mendapat CCC dan 99 kawasan atau 10% kawasan pemajuan tidak dapat ditubuhkan disebabkan pemaju mengalami kebangkrutan dan tidak dapat dikesan. Selain itu, peningkatan kawasan pemajuan strata di bawah pengurusan pemaju disebabkan pemajuan yang melibatkan Townhouse.

## 5.0 PENYELARASAN ADUAN

Bahagian COB turut berperanan sebagai penyelaras aduan berkenaan pengurusan bangunan strata yang diterima dari pemilik petak, pemaju dan badan pengurusan. COB akan bertindak sebagai perantara dalam pertikaian yang berkaitan dengan Akaun Penyenggaraan Bangunan (APB) dan hal-hal pengurusan harta bersama.

Sehingga Disember 2017, sebanyak 1,360 aduan dari pelbagai pihak berkaitan pengurusan bangunan strata telah pun diterima. Keseluruhan aduan telah dijawab 100%.

Jadual 5 : Bilangan Aduan Mengikut Jenis Yang Diterima Sepanjang 2017



STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA DAN DISELESAIKAN MENGIKUT JENIS BAGI SEPANJANG TAHUN 2017 (DARI JANUARI HINGGA DISEMBER)

BIL	JENIS ADUAN	JAN		FEB		MAC		APR		MEI		JUN		JUL		OGOS		SEPT		OKT		NOV		DIS		JUMLAH KESELURUHAN	
		TER	SEL	TER	SEL	TER	SEL	TER	SEL	TER	SEL	TER	SEL	TER	SEL	TER	SEL	TER	SEL	TER	SEL	TER	SEL	TER	SEL	TERIMA (TER)	SELESAI (SEL)
1	Mesyuarat dan Pemilihan (Semua aduan berkaitan mesyuarat yang melibatkan Badan termasuk berkaitan proses penubuhan Badan)	25	25	15	15	22	22	15	15	13	13	10	10	15	15	18	18	14	14	15	15	10	10	17	17	189	189
2	Pentadbiran dan Pengurusan (Semua aduan berkaitan pentadbiran dan pengurusan Pemaju/Badan/Ejen termasuk tanggungjawab, kerjasama, pertikaian)	10	10	12	12	15	15	18	18	6	6	8	8	8	8	10	10	16	16	13	13	12	12	10	10	138	138
3	Penyenggaraan dan Kerosakan (Semua aduan berkaitan penyenggaraan dan kerosakkan bangunan dan harta bersama)	32	32	28	28	20	20	25	25	15	15	18	18	22	22	25	25	28	28	16	16	18	18	22	22	269	269
4	Isu Kewangan (Semua aduan berkaitan kewangan termasuk caj penyenggaraan, akaun penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelas)	10	10	12	12	8	8	8	8	6	6	9	9	10	10	12	12	9	9	7	7	8	8	10	10	109	109
5	Khidmat Nasihat (Semua khidmat nasihat dan pandangan yang diberi kepada pengadu)	32	32	25	25	18	18	20	20	15	15	23	23	28	28	24	24	26	26	30	30	32	32	35	35	308	308
6	Penguatkuasaan COB (Semua aduan berkaitan penguatkuasaan COB dan akta)	18	18	15	15	12	12	10	10	14	14	15	15	12	12	11	11	13	13	15	15	16	16	11	11	162	162
7	Lain-lain (Aduan berkaitan keselamatan penduduk dan kebenaran merancang)	18	18	14	14	15	15	11	11	12	12	14	14	12	12	14	14	15	15	18	18	20	20	22	22	185	185
	<b>JUMLAH</b>	145	145	121	121	110	110	107	107	81	81	97	97	107	107	114	114	121	121	114	114	116	116	127	127	1360	1360

SUMBER : BAHAGIAN COB, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Terdapat 6 aduan utama berkenaan pengurusan bangunan berstrata iaitu ;

- i) Aduan berkenaan mesyuarat pertama JMB dan pemilihan AJK.
- ii) Aduan berkenaan pentadbiran dan pengurusan Pemaju / Badan / Ejen.
- iii) Aduan berkenaan penyenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama.
- iv) Aduan berkenaan isu kewangan termasuk caj penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelas dan Akaun Penyenggaraan Bangunan.
- v) Aduan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan COB.
- vi) Aduan melibatkan penguatkuasaan COB di bawah peruntukan Akta dan lain-lain.

## 6.0 AKTIVITI BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN

### SESI DIALOG DAN PERJUMPAAN PENDUDUK

#### LATAR BELAKANG DAN PUNCA KUASA TAKLIMAT DAN SESI DIALOG BERSAMA PENDUDUK

Selaras dengan hasrat kerajaan yang menekankan betapa pentingnya pendedahan dan pengetahuan diberikan kepada pihak pengurusan bangunan khususnya JMB / MC dalam mengendalikan urusan Penyenggaraan, maka Bahagian Pesuruhjaya Bangunan, MBBJ bercadang untuk menganjurkan taklimat dan sesi dialog bersama-sama Jabatan Kerajaan / Agensi Kerajaan / Korporat bagi meningkatkan kualiti kehidupan di dalam satu komuniti / masyarakat bangunan berstrata khusus untuk kawasan pentadbiran Bahagian Pesuruhjaya Bangunan, MBBJ.

Taklimat dan sesi dialog ini bertujuan memberikan pendedahan dan pendidikan asas / professional khususnya kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan bangunan berstrata seperti ahli Jawatankuasa JMB / MC, pemaju dan ejen pengurusan tentang tanggungjawab, peranan dan kuasa yang diperuntukan kepada mereka dalam menjalankan urusan Penyenggaraan bangunan berstrata.

#### SENARAI MAJLIS TAKLIMAT DAN SESI DIALOG TAHUN 2017

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	11 Februari 2017 (Sabtu)	Majlis Taklimat & Sesi Dialog Bersama Penduduk Rumah Pangsa Tun Sri Lanang Taman Desa Tebrau.
2.	18 Februari 2017 (Sabtu )	Majlis Taklimat & Sesi Dialog Bersama Penduduk Rumah Pangsa Zon 1F4 Taman Pelangi Indah
3.	25 FEBRUARI 2017 (Sabtu )	Majlis Taklimat & Sesi Dialog Bersama Penduduk Rumah Pangsa Daisi Taman Sri Plentong
4.	04 Mac 2017 (Sabtu)	Majlis Taklimat & Sesi Dialog Bersama Penduduk Rumah Pangsa Maluri Blok A & B
5.	15 Mac 2017 (Sabtu)	Majlis Taklimat & Sesi Dialog Bersama Penduduk Pangsapuri Teratai Taman Sri Plentong.
6.	11 April 2017 (Rabu)	Legal and Properties Seminar anjuran Johor Land.
7.	02 May 2017 (Khamis)	Majlis Taklimat & Sesi Dialog Bersama Penduduk Pangsapuri Pahlawan dan Panglima Bukit Saujana
8.	06 May 2017 (Sabtu)	Majlis Taklimat & Sesi Dialog Bersama Penduduk Rumah Pangsa Nibong 28 Taman Daya.
9.	09 May 2017 ( Selasa)	Taklimat pengurusan Strata kepada REDHA di hotel Caterina Batu Pahat.
10.	20 May 2017 ( Sabtu)	Majlis Taklimat & Sesi Dialog Bersama Penduduk Rumah Pangsa Kos Rendah Bukit Tropika A,B & C.
11.	12 Ogos 2017 (Sabtu)	Majlis Taklimat dan sesi Dialog Flat Ketapang Taman Rinting.
12.	16 Ogos 2017 (Sabtu)	Taklimat bagi Strata Management Dialogue 2017, REDHA INSTITUTE, Kelana Jaya.
13.	09 September 2017(Sabtu)	Majlis Taklimat dan sesi Dialog Flat Akasia Taman Desa Cemerlang Ulu Tiram
14.	07 Oktober 2017 (Sabtu)	Majlis Taklimat dan sesi Dialog Flat Enau, Taman Daya.
15.	11 November 2017(Sabtu)	Majlis Taklimat dan sesi Dialog Flat Rosmerah, Taman Johor Jaya.

## LAWATAN DAN PELBAGAI PROGRAM TAHUN 2017

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	02 OKTOBER 2017	Lawatan Majlis Perbandaran Subang Ke COB MBJB
2.	06 NOVEMBER 2017	Lawatan Teknikal Jmb & M C Perbadanan Putrajaya ke COB MBJB

### 7.0 LAPORAN BERGAMBAR



Lawatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Ke COB Majlis Bandaraya Johor Bahru



Pegawai COB menghadiri pelbagai Mesyuarat Agung Tahunan Perbadanan Pengurusan & JMB Perumahan Berstrata Pada tahun 2017



Program Pendidikan Komuniti Berstrata Tahun 2017 peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)



Program Tranformasi Sosial (NBOS) bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan di Flat Taman Tampoi Utama 2017

## UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

### 1.0 FUNGSI UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

#### Menguruselia Permohonan Pelan Pemajuan

- Menerima dan menyemak permohonan.
- Mengedar permohonan kepada agensi untuk diproses dan ulasan.
- Memantau status permohonan.
- Menyelaras permohonan bagi pertimbangan Jawatankuasa Pusat Setempat.
- Mengedarkan keputusan rasmi kepada pemohon dan agensi / jabatan.

#### Menguruselia Jawatankuasa Pusat Setempat Majlis Bandaraya Johor Bahru

- Menyelaras agenda dan keperluan mesyuarat.
- Menyelaras kertas perakuan permohonan pelan pemajuan, kertas dasar, kertas pemakluman dan lain-lain kertas kerja berkaitan.
- Menyelaras maklumbalas perkara-perkara berbangkit.
- Menyediakan laporan status/rekod permohonan berdasarkan ISO dan piagam pelanggan.
- Menyelaras laporan pemeriksaan tapak bina.


#### Menyelaras Pemantauan Status Pelaksanaan Pemajuan

- Menerima dan mengedar Notifikasi Mula Kerja.
- Menerima, mengedar dan menyelaras Notifikasi Interim.
- Menerima, mengedar dan menyelaras Notifikasi Akhir.
- Menyediakan laporan pemeriksaan tapak bina kepada jawatankuasa.
- Menerima dan mengedar pendepositan dokumen pematuhan dan penyediaan.

#### Menyelaras Prosedur Pelan Pemajuan

- Memantau pelaksanaan prosedur mengikut ketetapan dasar dan garis panduan Persekutuan dan Negeri.
- Menyelaras penyediaan kertas dasar bagi pertimbangan Jawatankuasa.
- Menyelaras penambahbaikan prosedur secara berkala.
- Merancang dan membuat hebahan pelaksanaan prosedur dan dasar-dasar Pelan Pemajuan.

### CARTA ORGANISASI UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)




## 2.0 PENCAPAIAN UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

- Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Majlis Bandaraya Johor Bahru Telah memenuhi KPI yang ditetapkan iaitu telah bersidang Sebanyak 24 Kali Pada Tahun 2017.
- Sebanyak 1720 permohonan telah berjaya diuruskan oleh Unit OSC MBBJ pada tahun 2017 dengan penurunan sebanyak 111 permohonan (6.06%) berbanding tahun 2016

**JUMLAH PERMOHONAN SEPANJANG TAHUN 2016 DAN 2017**

JENIS PERMOHONAN	TAHUN	
	2016	2017
KM+PB+INFRA	32	8
KM+PB	6	26
PB+INFRA	5	3
KEBENARAN MERANCANG	83	58
PELAN BANGUNAN	124	92
PELAN LANDSKAP	65	67
INFRA (Kejuruteraan)	264	210
STRUKTUR SISTEM PEMANCAR	52	41
PERMIT SEMENTARA	171	151
UBAHAN TAMBAHAN	746	801
CFO	11	3
CCC	137	128
PAPAN IKLAN	18	17
KSS	118	115
<b>JUMLAH PERMOHONAN</b>	<b>1,831</b>	<b>1,720</b>

**JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA MENGIKUT JENIS PERMOHONAN TAHUN 2016 DAN 2017**



**AKTIVITI UNIT OSC SEPANJANG TAHUN 2017**

TARIKH PELAKSANAAN	CATATAN
20 & 21 NOVEMBER 2017	MAJLIS PERASMIAN DAN BENGKEL "1 STATE 1 DCP CHAMPION" BANDARAYA JOHOR BAHRU HOTEL HOLIDAY VILLA, JOHOR BAHRU.



TARIKH PELAKSANAAN	CATATAN
11 APRIL 2017	LAWATAN KERJA MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (MBMB) KE MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU PADA 11 APRIL 2017.



TARIKH PELAKSANAAN	CATATAN
12 JANUARI 2017	MESYUARAT "1 STATE 1 DCP CHAMPION" BANDARAYA JOHOR BAHRU



TARIKH PELAKSANAAN	CATATAN
OKTOBER 2017	LAWATAN KERJA OSC MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI PROGRAM 1 STATE 1 DCP CHAMPION BANDARAYA JOHOR BAHRU.





## UNIT INTEGRITI

### 1.0 FUNGSI DAN PERANAN JABATAN/BAHAGIAN/UNIT:

Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Dalam hubungan ini, kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti seta akauntabiliti kearah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang. Kearah ini, kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam. Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme.

Inisiatif ini akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam. Penubuhan Unit Integriti di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) adalah dengan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013: Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agensi Awam bertarikh 24 Julai 2013. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai Focal Point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Sehubungan itu, MBJB melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil 11/2016 telah BERSETUJU bahawa Unit Integriti ditubuhkan berkuatkuasa mulai 1 Disember 2016 untuk melaksanakan 6 Fungsi berikut:-

#### Tadbir Urus

- Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan

#### Pengukuhan Integriti

- Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

#### Pengesanan dan Pengesahan

- Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakulakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
- Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

#### Pengurusan Aduan

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi

#### Pematuhan

- Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa

#### Tatatertib

- Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib

### 2.0 CARTA ORGANISASI BAHAGIAN INTEGRITI



#### a) Laporan Pengukuhan Integriti

Beberapa program telah dijalankan oleh Bahagian Integriti sepanjang tahun 2017. Program yang dijalankan melibatkan kerjasama sama ada Jabatan Dalam MBBJ mahupun Jabatan-jabatan di Peringkat Negeri dan Persekutuan. Antara program yang telah berlangsung adalah sebagaimana di bawah:

- (i) Tarikh : 13/2/2017 (Isnin)  
 Masa : 9.30 pagi  
 Tempat : Dewan Jubli Intan, Jalan Ayer Molek, Johor Bahru.  
 Program : Program Breakfast Talk Siri 1/2017  
 - Perkhidmatan Awam Berintegriti Asas Pembangunan Negara  
 Objektif : Program bual bicara yang mengupas isu-isu berkaitan rasuah  
 Penyertaan : 500 orang



- (ii) Tarikh : 16/4/2017 (Ahad)  
 Masa : 9.30 pagi  
 Tempat : Dewan Jubli Intan, Jalan Ayer Molek, Johor Bahru.  
 Program : Majlis Ikrar Bebas Rasuah  
 Objektif : Majlis ikrar bebas rasuah oleh warga kerja MBBJ  
 Penyertaan : 1400 orang



- (iii) Tarikh : 19/9/2017 (Selasa) 20/9/2017 (Rabu)  
 Masa : 4.30pm  
 Tempat : Dewan Kampung Melayu Majidee, Rumah Tahfiz As-Syatir, Kg Melayu Majidee  
 Program : Program Kembara Jelajah Antirasuah (KEJAR 17)  
 Objektif : Program ini merupakan kembara bermotor mengelilingi Semenanjung Malaysia yang diketuai oleh YBhg. Tan Sri Dzulkipli bin Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Kembara bermula dari Selangor dan Daerah Johor Bahru meruakan destinasi ke-4 perhentian kembara ini sebelum menuju ke Pahang.

Penyertaan : 1000 orang



- (iv) Tarikh : 13-14/11/2017 (Isnin-Selasa)  
 Masa : 8.30 pagi  
 Tempat : Hotel Holiday Villa, Johor Bahru  
 Program : Konvensyen Integriti Negeri Johor 2017 dan Pelantikan Fasilitator Bengkel  
 Penyertaan : 500 Orang



# JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### 1.0 FUNGSI UTAMA BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Fungsi utama Bahagian Teknologi Maklumat adalah :

- i) Pembangunan Sistem Aplikasi
- ii) Teknikal dan Operasi
- iii) Pengurusan Laman Web, Multimedia dan Latihan ICT

### 2.0 AKTIVITI-AKTIVITI BAGI FUNGSI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama Bahagian Teknologi Maklumat adalah :

#### Pembangunan Sistem Aplikasi

- a. Membangunkan sistem aplikasi baru.
- b. Membangunkan sistem aplikasi secara dalaman (in-House)
- c. Membangunkan Sistem Aplikasi secara outsource.
- d. Pembangunan Aturcara Baru Untuk Penyelenggaraan Data
- e. Pembangunan Semula Aturcara Untuk Penyelenggaraan Data
- f. Pembangunan Semula Aturcara Untuk Pengeluaran Laporan
- g. Menyelenggara sistem aplikasi
- h. Menguruskan penambahbaikan sistem aplikasi sedia ada.

#### Pengurusan Laman Web, Multimedia dan Latihan ICT

- a. Menyelenggara maklumat laman web MBBJ.
- b. Pembangunan semula Antaramuka Laman web
- c. Pengurusan Multimedia dan Grafik Paparan MBBJ
- d. Pembangunan Persembahan Multimedia dan Grafik
- e. Perlaksanaan program Latihan ICT.

#### Teknikal dan Operasi

- a. Merancang dan membuat perolehan peralatan ICT.
- b. Penyelenggaraan peralatan komputer secara Ad-hoc
- c. Penyelenggaraan peralatan komputer secara berkala
- d. Memastikan sistem rangkaian serta perkakasan rangkaian beroperasi dengan lancar.
- e. Menyemak dan menyokong pembayaran kepada pembekal.

#### Keperluan Strategik ICT Seperti Dinyatakan Di Dalam Pelan Strategik MBBJ 2016-2020



STRATEGI  
UTAMA

PENGUNAAN TEKNOLOGI BARU  
MELALUI INOVASI BERTERUSAN

### MEMBANGUNKAN PRASARANA & MEMPERBANYAKKAN TRANSAKSI PROSES KERJA DIGITAL

PROGRAM / TINDAKAN	PENCAPAIAN SEBENAR
Membangunkan Sistem iPerolehan untuk MBBJ ke tahap tanda aras sistem e-perolehan digunakan oleh kerajaan persekutuan. - Pembangunan Fasa 3 – 75%	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem ini telah melalui 4 modul iaitu pendaftaran kontraktor, sebut harga &amp; tender, penjana jadual dan imbasan barkod</li> </ul>
Mewujudkan proses / modul pengesahan dan kelulusan di semua sistem aplikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Kemasukan SKT dan Penilaian</b> (Pengesahan/kelulusan) dibuat sepenuhnya melalui system.</li> <li><b>Sistem Permohonan Cuti</b> Telah laksana Sistem Permohonan cuti (Versi Sistem Dalaman) . Fungsi yang sama di sistem HRMIS masih belum dilaksanakan secara menyeluruh lagi di peringkat MBBJ.</li> <li><b>Sistem Penilaian Prestasi (SKT)</b> Sistem telah dilaksanakan mulai penilaian prestasi tahun 2016. (Pencapaian 100 %)</li> <li><b>Sistem Tuntutan kerja lebih masa</b> Akan dilaksanakan di dalam Sistem Pengurusan Gaji ePRO ( Pencapaian adalah 10 % - masih diperingkat penyediaan dokumen kontrak perolehan sistem)</li> <li><b>Sistem Klinik Panel</b> (Pencapaian 80 % ).Telah siap bangunkan 2 modul daripada 4 modul)</li> <li><b>Modul Nilai Semula</b> ( Pencapaian 100%)</li> </ul>

Menyediakan saluran yang membolehkan anggota untuk memberi maklumat terkini melalui portal MBBJ	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peringkat Kajian Bersama Pihak Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) Maklumat yang terkini boleh disalurkan melalui emel anggota yang bertanggungjawab</li> </ul>
Mewujudkan sistem di bawah secara menyeluruh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem iPerolehan telah dilaksanakan sepenuhnya.</li> </ul>
Mempertingkatkan sistem aplikasi penguatkuasa bagi kegunaan jabatan dan anggota.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem SISSPA.</li> </ul>
Membekalkan anggota penguatkuasa dengan aplikasi android sistem e-penguatkuasa.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem EMS bagi penguatkuasa mengeluarkan kompaun di tapak.</li> </ul>
Pembangunan Multimedia	<p>Jumlah keseluruhan persembahan multimedia iaitu:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Video – 19</li> <li>Slaid – 2</li> <li>Design Backdrop Banner – 42</li> <li>Audio - 5</li> </ul>
Mesyuarat Penuh Online	<ul style="list-style-type: none"> <li>Live Streaming ( ecouncil.mbjb.gov.my )</li> </ul>
Memantau pelaksanaan aplikasi e-Feedback management System	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem SISPA telah melengkapinya ciri-ciri yang ada.</li> </ul>

### MEMUDAHKAN AKSES DAN SIMPANAN DATA SERTA KESELAMATAN RANGKAIAN

PROGRAM / TINDAKAN	PENCAPAIAN SEBENAR
Penjenamaan semula web portal MBBJ dan melantik Web Master supaya dapat membuat pelaksanaan dengan segera.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laman Web MBBJ Versi Baru menggunakan CMS DRUPAL.</li> <li>Status online Laman Web MBBJ dipantau oleh Pegawai dan Web Master.</li> </ul>
Penggunaan emel client kepada semua telefon samada telefon syarikat, telefon persendirian dan komputer pejabat bagi memudahkan akses.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan pengguna semasa – 570 pengguna.</li> </ul>
Melakukan Ujian Penembusan ( penetration testing ) bagi mengenal pasti kelemahan rangkaian MBBJ.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Condition Zebra ( M ) telah dilantik bagi melakukan kerja-kerja Server Hardening.</li> </ul>
Menaiktaraf rangkaian di antara Ibu Pejabat dan pejabat cawangan dengan menggunakan teknologi kawalan secara terpusat ( IPVPN )	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pejabat cawangan telah dilengkapi dengan pemasangan talian Unifi 100 Mbps.</li> </ul>
Penyelenggaraan Berkala	<ul style="list-style-type: none"> <li>80% Penyelenggaraan Berkala dilaksanakan mengikut jadual</li> </ul>
Menaiktaraf peralatan rangkaian di pejabat-pejabat cawangan MBBJ.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Naiktaraf rangkaian Jotic oleh Oasis Cemerlang Sdn Bhd.</li> </ul>
Penyelenggaraan Peralatan Komputer	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 90 aduan yang diterima.</li> </ul>

### MENGINTEGRASIKAN SISTEM DAN RANGKAIAN MAKLUMAT DIANTARA JABATAN

PROGRAM / TINDAKAN	PENCAPAIAN SEBENAR
Mewujudkan satu sistem keperluan prasarana perkakasan ICT.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem telah dilaksanakan dan digunakan sepenuhnya mulai 1 Januari 2018</li> </ul>
Melakukan integrasi data-data perundangan di antara bahagian yang berkaitan dengan kompaun untuk memastikan tindakan yang lebih cekap dan berkesan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Data Kompaun Pelbagai dalam tindakan proses padankan kod akta dan kod kesalahan.</li> <li>Data Penjaja dalam tindakan kemaskini nombor lot / petak / tapak.</li> </ul>

#### LATIHAN SISTEM E-KEPERLUAN



#### BENKEL KEMASUKAN DATA KE DALAM SISTEM E-PBT MODUL ASET



## BAHAGIAN PENTADBIRAN

### 1.0 PENGURUSAN PEROLEHAN, PENGURUSAN ASET ALIH DAN STOR

Bahagian Pentadbiran juga bertanggungjawab dalam pengurusan aset alih MBBJ dalam memastikan kehendak 1Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) di patuhi. Hal ini termasuklah dari segi perolehan, pendaftaran, pelabelan, penempatan, pemeriksaan dan pelupusan. Selain daripada itu, Bahagian Pentadbiran juga menguruskan Stor Utama MBBJ di Mount Austin, sebagaimana kehendak Tatacara Pengurusan Stor yang sedang berkuatkuasa.

#### 1.1 MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK)

Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP): Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) hendaklah diadakan empat (4) kali setahun. Merujuk Jadual 1.1, tarikh Mesyuarat JKPAK yang telah dijalankan bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

**Jadual 1.1: Mesyuarat JKPAK yang Telah Dijalankan Bagi Tahun 2017**

BIL.	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH
1.	1/2017	09 Mei 2017
2.	2/2017	03 Ogos 2017
3.	3/2017	02 November 2017
4.	4/2017	21 Januari 2018

#### 1.2 LAPORAN PENGURUSAN ASET ALIH MBBJ TAHUN 2017

Jadual dibawah menunjukkan Laporan Pengurusan Aset Alih MBBJ Tahun 2017:

**Jadual 1.2: Laporan Pengurusan Aset Alih MBBJ Tahun 2017**

Nilai Keseluruhan Aset Alih (RM) (KEW.PA-8)	Bil PTJ Melaksanakan Pemeriksaan Aset Alih (KEW.PA-12)	Nilai Perolehan Asal Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-20)	Hasil Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-20)	Nilai Perolehan Asal Kehilangan dan Hapus Kira (KEW.PA-32)	Nilai Tindakan Surcaj Kehilangan Aset Alih (RM)
55,147,799.72	15239	23,326.00	-	6095.00	TIADA

#### 1.3 LAPORAN TAHUNAN HARTA MODAL DAN ASET ALIH BERNILAI RENDAH SEHINGGA TAHUN 2017

Jadual 1.3 mengandungi ringkasan kedudukan aset alih kerajaan dalam pegangan sehingga berakhir tahun 2017 sebagaimana dalam jadual dibawah:

**Jadual 1.3: Laporan Tahunan Harta Modal Dan Aset Alih Bernilai Rendah Sehingga Tahun 2017**

BIL.	JABATAN	BIL KEW. PA-2	JUMLAH NILAI HARTA MODAL (RM)	BIL KEW. PA-3	JUMLAH NILAI ASET BERNILAI RENDAH (RM)	JUMLAH NILAI HARTA MODAL + ASET ALIH BERNILAI RENDAH (RM)
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	4835	53,055,827.95	10404	2,091,971.77	55,147,799.72
<b>JUMLAH</b>		<b>4835</b>	<b>53,055,827.95</b>	<b>10404</b>	<b>2,091,971.77</b>	<b>55,147,799.72</b>

Nilai keseluruhan aset alih MBBJ sehingga tahun 2017 sebanyak **RM 55,147,799.72**

#### 1.4 LAPORAN TAHUNAN PELUPUSAN ASET ALIH MBBJ TAHUN 2017

Jadual dibawah menunjukkan laporan ringkasan nilai pelupusan pada tahun semasa yang dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan melalui KEW.PA-20

**Jadual 1.4: Laporan Tahunan Pelupusan Aset Alih Kerajaan Tahun 2017**

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)	JUMLAH KUANTITI PELUPUSAN	HASIL PELUPUSAN (RM)	JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL SECARA (RM)			
					JUALAN	E-WASTE	MUSNAH	KAEDAH LAIN*
1.	Unit Dasar & Inovasi	1917.00	19 Unit	-	-	-	-	-
2.	Korporat & Pro	585.00	1 Unit	-	-	-	-	-
3.	Landskap	180.00	1 Unit	-	-	-	-	-
4.	Pelesenan	3383.00	17 Unit	-	-	-	-	-
5.	Audit	2017.00	3 Unit	-	-	-	-	-
6.	Perancangan	15,244.00	99 Unit	-	-	-	-	-
7.	Kewangan	-	1 Unit	-	-	-	-	-
8.	Kejuruteraan Awam	-	3 Unit	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>23,326.00</b>	<b>144</b>	<b>TIADA</b>	<b>-</b>	<b>4 UNIT</b>	<b>140 UNIT</b>	<b>-</b>

\* Nota : merangkumi kaedah pelupusan seperti tukar barang, tukar beli, tukar ganti, hadiah dan kaedah - kaedah lain.

**Jumlah Keseluruhan Nilai Semasa : RM 23,326.00**  
**Jumlah Hasil Pelupusan : RM -**

#### 1.5 LAPORAN PENGURUSAN STOR UTAMA TAHUN 2017

Jadual 1.5 menunjukkan ringkasan Laporan Pengurusan Stor Utama MBBJ Tahun 2017:

**Jadual 1.5: Laporan Pengurusan Tahun 2017**

Kadar Pusingan Stok keseluruhan (KEW.PS-13)	Nilai Keseluruhan Stok Disimpan (RM) (KEW. PS-14)	Nilai Perolehan Asal Pelupusan Stok (RM) (KEW.PS.20)	Hasil Pelupusan Stok (RM) (KEW.PS- 20)	Nilai Perolehan Asal Kehilangan dan Hapus Kira (RM) (KEW.PS-23)	Nilai Tindakan Surcaj Kehilangan Stok (RM) (KEW.PA-23)
0.8155	446,777.35	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA

#### 1.6 JUMLAH LANTIKAN PEGAWAI BAGI PENGURUSAN ASET ALIH DAN PENGURUSAN STOR MBBJ

Urus Setia Pengurusan Aset telah membuat lantikan mengikut kehendak 1Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) bagi Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan bagi menjalankan tugas mengikut kriteria yang telah ditetapkan berdasarkan kehendak pekeliling. Lantikan adalah berdasarkan nama yang dicalonkan oleh Ketua Jabatan masing-masing.

Merujuk jadual dibawah, jumlah pegawai yang dilantik bagi pengurusan aset alih dan pengurusan stor MBBJ adalah seperti berikut:

**Jadual 1.6: Jumlah Pegawai yang Dilantik Bagi Pengurusan Aset Alih dan Pengurusan Stor MBBJ.**

BIL.	PERKARA	JUMLAH (ORANG)
1.	Pegawai Aset Mengikut Jabatan/Bahagian	56
2.	Pegawai Penerima Mengikut Jabatan/Bahagian	66
3.	Pegawai Pelulus	15
4.	Pegawai Stor	19
5.	Pegawai Penerima Stok	23
<b>JUMLAH</b>		<b>179</b>

## 2.0 PENGURUSAN FAIL REKOD

Pengurusan rekod / fail jabatan dikendalikan dengan teratur berdasarkan Prosedur Pengurusan Rekod Kualiti yang telah ditetapkan. Jadual dibawah menunjukkan pecahan daftar fail mengikut setiap jabatan bagi tempoh 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Kriteria laporan adalah berdasarkan fail didaftar dan ditutup.

**Jadual 2.1: Pecahan Daftar Fail Mengikut Setiap Jabatan Sepanjang Tahun 2017.**

BIL.	BUTIRAN	AKTIF	BATAL	DITUTUP	JUMLAH
1.	Jabatan Pengurusan	319	0	0	319
2.	Jabatan Perbendaharaan	434	0	0	434
3.	Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	416	0	0	416
4.	Jabatan Kejuruteraan	1657	0	0	1657
5.	Jabatan Perancangan Pembangunan	913	0	0	913
6.	Jabatan Kesihatan	671	6	21	698
7.	Jabatan Bangunan	628	0	0	628
8.	Jabatan Penguatkuasaan	16	0	0	16
9.	Jabatan Khidmat Pengurusan	233	1	12	246
10.	Jabatan Pembangunan	6	0	0	6
11.	Jabatan Pelesenan	3	0	0	3
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>5296</b>	<b>15</b>	<b>33</b>	<b>5344</b>

## 3.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

Salah satu fungsi Bahagian Pentadbiran Am adalah menguruskan surat menyurat serta kiriman dan penerimaan pos berdaftar.

Jadual 3.1 menunjukkan laporan bagi urusan surat pos daftar dan pos biasa dan jumlah bayarannya bagi Tahun 2017:

**Jadual 3.1: Surat Pos Daftar dan Pos Biasa.**

BIL.	BULAN	BIL. SURAT POS DAFTAR (KEPING)	BIL. SURAT POS BIASA (KEPING)	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	Januari	370	3,805	2,582.90
2.	Februari	93	4,339	2,848.60
3.	Mac	120	7,131	4,862.30
4.	April	69	5,965	3,541.60
5.	Mei	99	5,492	3,892.20
6.	Jun	42	8,915	6,461.80
7.	Julai	65	4,905	3,087.30
8.	Ogos	264	7,282	4,573.60
9.	September	101	2,754	1,748.30
10.	Oktober	49	4,385	2,786.50
11.	November	190	4,889	3,666.40
12.	Disember	204	4,007	3,036.90
<b>JUMLAH</b>		<b>1,666</b>	<b>63,869</b>	<b>43,088.40</b>



Jadual 3.2 menunjukkan laporan bagi urusan surat pos laju dan jumlah bayarannya bagi tahun 2017:

**Jadual 3.2: Surat Pos Laju**

BIL.	BULAN	BIL. SURAT POS LAJU (KEPING)	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	Januari	46	332.60
2.	Februari	53	289.10
3.	Mac	46	249.45
4.	April	79	425.80
5.	Mei	103	461.10
6.	Jun	62	428.20
7.	Julai	51	293.35
8.	Ogos	83	407.45
9.	September	69	239.10
10.	Oktober	68	571.55
11.	November	77	402.60
12.	Disember	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>737</b>	<b>4,100.30</b>

Jadual 3.3 menunjukkan laporan bagi urusan surat pos jelas dan jumlah bayarannya bagi tahun 2017:

**Jadual 3.3: Surat Pos Jelas**

BIL.	BULAN	BIL. SURAT POS JELAS (KEPING)	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	Januari	-	-
2.	Februari	-	-
3.	Mac	-	-
4.	April	1,101	933.65
5.	Mei	-	-
6.	Jun	-	-
7.	Julai	928	786.95
8.	Ogos	452	351.05
9.	September	-	-
10.	Oktober	5,043	3,331.50
11.	November	15,673	9,972.50
12.	Disember	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>23,197</b>	<b>15,355.65</b>

#### 4.0 PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN

Unit Kebersihan Bahagian Pentadbiran bertanggungjawab ke atas kebersihan di dalam dan di luar Ibu Pejabat Majlis berpandukan jadual pembersihan yang telah ditetapkan. Jumlah anggota unit kebersihan adalah seramai 11 orang.

Unit Keselamatan, Bahagian Pentadbiran pula bertanggungjawab dalam hal - ehwal keselamatan harta Majlis dan kawalan keselamatan hasil Majlis melalui kawalan pengawal keselamatan yang telah dilantik. Jumlah anggota keselamatan adalah seramai 55 orang.

Jadual 4.1 menunjukkan laporan premis/pos kawalan yang dikawal oleh anggota keselamatan bagi Tahun 2017:

**Jadual 4.1 : Senarai Premis/Pos Kawalan Anggota Keselamatan MBBJ**

BIL.	PREMIS/POS KAWALAN
1.	Kawalan Ibu Pejabat
2.	Pejabat MBBJ (Permas Jaya)
3.	Tapak Semaian
4.	Stor Mount Austin
5.	Pejabat MBBJ (Taman Munsyi Ibrahim)
6.	Peronda Keselamatan
7.	Dewan Kampung Melayu
8.	Dewan Taman Adda
9.	Dewan Tebrau
10.	JOTIC
11.	Dewan Jubli
12.	Dewan Permas Jaya
13.	Dewan Pandan
14.	Perpustakaan Sultan Ismail
15.	Dataran Bandaraya
16.	Dewan Serbaguna Majidee
17.	Stor Pusat (Mount Austin)
18.	Dewanraya Johor Jaya
19.	Dewan Taman Desa Jaya
20.	Mahkamah Bandaraya
21.	Lot 1 (Pusat Penyimpanan Kereta)
22.	Stor Mount Austin (Bantuan)
23.	Dewan Taman Anggerik
24.	Perpustakaan Sultan Ismail (Bantuan)
25.	Taman Bunga Raya
26.	Medan Niaga Kampung Melayu
27.	Kawalan Swasta

Jadual 4.2 menunjukkan aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan oleh Unit Keselamatan sepanjang Tahun 2017:

**Jadual 4.2 : Aktiviti-Aktiviti Yang Telah Dilakukan Sepanjang Tahun 2017**

PERKARA/AKTIVITI

Kawad Kaki



Latihan Kebakaran



Latihan Menembak

## 5.0 PENGURUSAN MESYUARAT

Unit Mesyuarat, Bahagian Pentadbiran bertanggungjawab untuk mengendalikan jadual mesyuarat-mesyuarat teknikal dan jawatankuasa tetap untuk dimasukkan ke dalam takwim bulanan. Jadual dibawah menunjukkan kekerapan mesyuarat dijalankan pada Tahun 2017:

**Jadual 5.1: Jadual Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Tahun 2017.**

BIL.	MESYUARAT	KEKERAPAN
1.	Mesyuarat Penuh / Bulanan	12 (Sebulan Sekali)
2.	Mesyuarat Pengurusan	6 Kali
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Perkara Am	12 (Sebulan Sekali)
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas	12 (Sebulan Sekali)
5.	Mesyuarat Pembangunan	12 Kali
6.	Mesyuarat Taksiran	12 Kali
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Dan Kesihatan	24 (Sebulan Dua Kali)
8.	Mesyuarat Jawatankuasa OSC	24 (Sebulan Dua Kali)
9.	Mesyuarat Program Bandar Selamat	10 Kali
10.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan Dan Alam Sekitar	11 Kali
11.	Mesyuarat Kewangan Dan Perkara Am (Penswastaaan)	7 Kali

## 6.0 PENGURUSAN LOGISTIK

### 6.1 PENGURUSAN RUMAH SEWA

Pengurusan Rumah Sewa termasuklah urusan pengisian kekosongan, aduan dan penyelenggaraan. Bahagian Pentadbiran juga berperanan menguruskan Rumah Sewa milik Majlis sebanyak 219 unit yang disediakan untuk kemudahan anggota di empat (4) lokasi sebagaimana jadual dibawah.

**Jadual 6.1: Kemudahan Rumah Sewa**

BIL.	LOKASI RUMAH SEWA	UNIT	JUMLAH KEKOSONGAN (UNIT)
1.	Flat Permas Jaya	80	10
2.	Pangsapuri Stulang Darat	48	Tiada
3.	Flat Setinggi	56	26
4.	Kondominium Tanjung Puteri	35	Tiada
<b>JUMLAH</b>		<b>219</b>	<b>36</b>

### 6.2 PENGURUSAN KENDERAAN

Bahagian Pentadbiran juga menguruskan kenderaan penumpang milik MBBB untuk kegunaan anggota sama ada untuk menghadiri mesyuarat, kursus atau kerja-kerja di lapangan. Pada masa ini, Bahagian Pentadbiran menguruskan sebanyak 17 buah kenderaan yang dijaga oleh 17 orang pemandu. Senarai jumlah dan jenis kenderaan adalah sebagaimana jadual di bawah:

**Jadual 6.2: Jumlah Bilangan Kenderaan Mengikut Jenis Kenderaan.**

BIL.	JENIS KENDERAAN	BILANGAN KENDERAAN
1	Proton Preve	5
2	Proton Inspira	1
3	Toyota Hiace	7
4	Nissan Serena	1
5	Nissan Xtrial	2
6	Nissan (Bas)	1
<b>JUMLAH KENDERAAN</b>		<b>17</b>

## 7.0 PENGURUSAN PERMOHONAN PERMIT KEAGAMAAN

Pengurusan permohonan permit keagamaan dijalankan secara sistematik selaras dengan Prosedur Kualiti yang ditetapkan. Jadual dibawah menunjukkan jumlah permohonan permit keagamaan bagi Tahun 2017:


**Jadual 7.1: Jumlah Permohonan Permit Keagamaan Tahun 2017.**

BIL.	BULAN	JUMLAH PERMOHONAN
1.	Januari	6
2.	Februari	10
3.	Mac	21
4.	April	6
5.	Mei	10
6.	Jun	17
7.	Julai	15
8.	Ogos	6
9.	September	3
10.	Oktober	10
11.	November	8
12.	Disember	4
<b>JUMLAH SETAHUN</b>		<b>116</b>


## BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

### 1.0 LATAR BELAKANG ORGANISASI

Bahagian Sumber Manusia (BSM) merupakan satu bahagian penting dalam Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) yang diletakkan di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan secara operasi di samping Bahagian Pentadbiran, Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Dasar, Inovasi & Latihan. BSM bertanggungjawab bagi menyediakan warga kerja yang produktif dan kompeten yang mana turut dibantu oleh prasarana, fasiliti dan sistem kerja yang baik serta polisi dan prosedur yang jelas untuk mewujudkan ekosistem kerja yang kondusif supaya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Bagi menyokong penuh Jabatan Khidmat Pengurusan, BSM dibahagikan kepada 3 unit utama seperti berikut:-



### 2.0 CARTA ORGANISASI BSM



Carta Organisasi Unit Sumber Manusia (Sediada) 2017/2018

### 3.0 Laporan Aktiviti Unit

- UNIT PERKHIDMATAN

- i. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Tahun 2017

BIL.	MESYUARAT	TARIKH
1.	MBJ Bil.1/2017 (Johor Bahru)	28 Mac 2017 (Selasa)
2.	MBJ Bil. 2/2017 (Johor Bahru)	27 Julai 2017 (Khamis)
3.	MBJ Bil. 3/2017 (Johor Bahru)	19 Oktober 2017 (Khamis)
4.	MBJ Bil. 4/2017 (Kota Kinabalu)	19 Disember 2017 (Selasa)

- ii. Perhimpunan Bulanan Bersama Datuk Bandar Tahun 2017

BIL.	PERHIMPUNAN	TARIKH
1.	Perhimpunan Awal Tahun	11 Januari 2017
2.	Perhimpunan Bulanan & Majlis Ikrar Integriti Korporat MJB	16 April 2017
3.	Perhimpunan Bulanan & Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016	22 Mei 2017
4.	Perhimpunan Bulanan & Penyampaian Anugerah Khidmat Bakti 2016	26 September 2017
5.	Perhimpunan Bulanan	05 Disember 2017

- iii. Panel Pembangunan Sumber Manusia tahun 2017

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	<b>Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016</b> - 112 orang	22 Mei 2017
2.	<b>Anugerah Datuk Bandar 2016</b>	22 Mei 2017
	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ir. Tuan Haji Sulaiman bin Mohamad Taib</li> <li>ii. Ir. Puan Hajah Nazatul Shima binti Mohamad</li> <li>iii. Tuan Haji Nassim bin Haroon</li> </ul>	
3.	<b>Anugerah Pekerja Unggul (Ikon) 2016</b>	22 Mei 2017
	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tuan Haji Anuar bin Abd. Rahman</li> </ul>	

- iv. Maklumat Perkhidmatan yang Lain



Maklumat Perjawatan yang Lain

A. MESYUARAT:

- a. Lembaga Pelantikan dan Kenaikan Pangkat
- b. Mesyuarat Panel Temuduga

B. SENARAI KENAIKAN PANGKAT ANGGOTA MJB TAHUN 2017

- a. Jumlah: 26 orang

C. SENARAI PERJAWATAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU SEHINGGA 31.12.2017

BIL.	KUMPULAN PERJAWATAN	TETAP		KONTRAK		JUMLAH PENGISIAN KESELURUHAN
		KELULUSAN	DIISI	KELULUSAN	DIISI	
1.	PENGURUSAN TERTINGGI	1	1	0	0	1
2.	PENGURUSAN & PROFESIONAL	86	67	1	1	68
3.	PELAKSANA	1597	1323	53	50	1373
<b>JUMLAH</b>		<b>1684</b>	<b>1391</b>	<b>54</b>	<b>51</b>	<b>1442</b>

- UNIT TATATERTIB

- i. MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB MJB (2017)

Bil.	Mesyuarat Lembaga Tatatertib MJB	Tarikh / Masa
1.	Bilangan 1/2017	18.6.2017 / 3.30 petang
2.	Bilangan 2/2017	26.7.2017 / 10.45 pagi
3.	Bilangan 3/2017	7.8.2017 / 1.30 petang
4.	Bilangan 4/2017	19.10.2017 / 3.30 petang

- ii) KES-KES TATATERTIB MJB (2017)

Bil.	Status	Jumlah Kes
1.	Prima-Facie / Pertuduhan	11
2.	Tiada Prima-Facie	1
3.	Pertuduhan	8
4.	Hukuman	3
<b>JUMLAH</b>		<b>23</b>

iii) PERISYTIHARAN HARTA ANGGOTA MBBJ (2017)


Bil.	Status	Jumlah Kes
1.	Pengurusan dan Profesional	66
2.	Pelaksana	1324
<b>JUMLAH</b>		<b>1390</b>

iv) UJIAN URIN SECARA MENGEJUT ANGGOTA MBBJ (2017)

Bil.	Lokasi	Tarikh	Jumlah Anggota
1.	Kem Bina Negara Gunung Pulai	19.04.2017	45 orang
2.	Pejabat AADK Daerah Johor Bahru	12.06.2017	1 orang
3.	Kem Bina Negara Gunung Pulai	27.09.2017	65 orang
4.	Bengkel UTC Jabatan Kejuruteraan	28.12.2017	66 orang
<b>JUMLAH</b>			<b>177 orang</b>

- UNIT HRMIS
  - i. Pencapaian Pengemaskinian Data HRMIS 2017

KRITERIA	DATA HRMIS	PENCAPAIAN
1	Data Perjawatan HRMIS dan MyPost	100%
2	Pemurnian Data	100%
3	Laporan Nilain Prestasi (LNPT)	100%
4	Sasaran Kerja Tahunan (SKT)	100%
5	Perisytiharan Harta	100%
6	Penamatan Perkhidmatan	100%



ii. Program-program HRMIS yang dijalankan pada tahun 2017

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Taklimat SKT dan LNPT HRMIS bagi tahun penilaian 2016	08.01.2017
2.	Memo Makluman berkaitan Pengemaskinian Pencapaian Sebenar SKT dan LNPT 2016 (laporan setakat 15.01.2017)	16.01.2017
3.	Perbincangan Pencapaian Prestasi Pelaksanaan KPI HRMIS bersama Pentadbir HRMIS Siri 1/2017 di SUKJ	17.01.2017
4.	Pelaksanaan Perancangan SKT HRMIS bagi tahun 2017	05.03.2017
	Pelaksanaan Submodul SKT HRMIS tahun 2017	12.03.2017
5.	Penghantaran Data Perkhidmatan Awam Negeri Johor sehingga 01 April 2017	13.04.2017
6.	Pelaksanaan Perancangan SKT bagi tahun 2017	17.04.2017
7.	Latihan Submodul Majlis Bersama Jabatan (MBJ) HRMIS Siri 2/2017	15 & 16.05.2017
8.	Pelaksanaan Perancangan SKT bagi tahun 2017 songsongan1	17.06.2017
9.	Pelaksanaan Perancangan SKT bagi tahun 2017 songsongan2	09.07.2017
10.	Mesyuarat Jabatan yang tidak mencapai prestasi 100% pelaksanaan submodul SKT	25.07.2017
11.	Memo Penghantaran SKT 2017 melalui aplikasi HRMIS	27.07.2017
12.	Penghantaran Maklumat Peribadi Pegawai/ Anggota Kontrak MBBJ	10.08.2017
13.	Pengumpulan Data Perlantikan secara Kontrak dalam Perkhidmatan Awam	22.08.2017
14.	Pengemaskinian SKT dan LNPT melalui sistem HRMIS bagi tahun 2017 - 01	18.09.2017
15.	Program Pemantapan Pelaksana HRMIS Negeri Johor	4.10.2017
16.	Pengemaskinian SKT dan LNPT melalui sistem HRMIS bagi tahun 2017 - 02	29.10.2017
17.	Penghantaran Data Perkhidmatan Awam Negeri Johor sehingga 05 November 2017	15.11.2017
18.	Penghantaran Statistik anggota Kontrak MBBJ mengikut Julat Umur	17.11.2017
19.	Pengemaskinian SKT dan LNPT melalui sistem HRMIS bagi tahun 2017 - 03	30.11.2017
20.	Penghantaran terakhir bagi LNPT 2017 Pegawai Yang Dinilai kepada Pegawai Penilai Pertama	31.12.2017

## UNIT LATIHAN & PEPERIKSAAN

### 1.0 UNIT LATIHAN DAN PEPERIKSAAN

Unit Latihan dan Peperiksaan diwujudkan bagi meningkatkan kecekapan, keupayaan, kemahiran dan membentuk sahsiah diri anggota MBBJ bagi penghasilan kerja yang lebih proaktif, kreatif dan inovatif. Selain daripada memotivasikan anggota, dan menerapkan nilai-nilai murni, objektif utama latihan adalah memastikan semua anggota MBBJ menghadiri sekurang-kurangnya (7) hari berkursus setahun.

### 2.0 PRESTASI PERBELANJAAN LATIHAN TAHUN 2017

KURSUS	AGIHAN PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	% PERBELANJAAN
Takwim	430,000.00	522,710.82	121.6
Ad Hoc	100,000.00	138,594.20	138.6
Kursus Luaran	204,855.00	151,079.92	73.7
Lawatan	100,000.00	211,517.78	211.5
Program Membudayakan Alquran	70,000.00	68,123.03	97.3
<b>JUMLAH</b>	<b>904,855.00</b>	<b>1,092,025.70</b>	<b>120.7</b>

### 3.0 PRESTASI PELAKSANAAN PELAN OPERASI LATIHAN 2017

KURSUS	BILANGAN DIRANCANG	BILANGAN DILAKSANAKAN	% LAKSANA
Takwim	45	44	95.55%
Ad Hoc	-	216	-
Kursus Luaran	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>45</b>	<b>260</b>	<b>-</b>

Satu (1) kursus yang terdapat didalam takwim tidak dapat dilaksanakan disebabkan tidak mendapat tarikh dari penceramah.

### 4.0 PENCAPAIAN PROGRAM LATIHAN ANGGOTA 2017

Jumlah kursus yang telah dihadiri oleh anggota MBBJ adalah sebanyak 336 kursus sebagaimana berikut :

Jumlah Kursus Dalam/Bengkel/Taklimat/Seminar yang dianjurkan oleh MBBJ	Jumlah Kursus Luaran yang dihadiri oleh anggota MBBJ	Jumlah Kursus (Dalam + Luaran)
<b>100 kursus</b>	<b>226 kursus</b>	<b>336 kursus</b>

Berikut adalah senarai kursus dalaman (takwim) anjuran MBBJ yang telah diadakan sepanjang tahun 2017:

BIL.	SENARAI KURSUS DALAMAN/ BENGKEL/ TAKLIMAT/SEMINAR ANJURAN MBBJ	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA YANG HADIR
1.	Kursus Kaedah Penyiasatan Bagi Tindakan Penguatkuasaan	5 – 6 Feb 2017	Hotel KSL & Resort,	49 orang
2.	Bengkel Pemantapan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (Kik) Peringkat Majlis Bandaraya Johor Bahru	6 – 7 Feb 2017	Hotel KSL & Resort, JB	74 orang
3.	Kursus Kreativiti Di Tempat Kerja	7 – 8 Feb 2017	Hotel New York, JB	39 orang
4.	Kursus Pengendalian Mesin Fogging Dan Penggunaan Bahan Kimia	14 Februari 2017	Auditorium JOTIC	57 orang
5.	Kursus Pra Persaraan	14 – 15 Feb 2017	Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka	35 orang
6.	Kursus Pemahaman Dan Pelaksanaan Pelan Pengurusan Risiko	6 Mac 2017	Hotel Grand Bluewave, JB	28 orang
7.	Program Transformasi Negara Bagi Anggota-Anggota MBBJ	12 – 14 Mac 2017	Kem Bina Negara Gunung Pulai, Kulaijaya	75 orang

BIL.	SENARAI KURSUS DALAMAN/ BENGKEL/ TAKLIMAT/SEMINAR ANJURAN MBBJ	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA YANG HADIR
8.	Kursus Pengurusan Fail Dan Rekod	4 – 5 April 2017	Hotel Grand Bluewave,	47 orang
9.	Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti	6 – 8 April 2017	Felda Residence, Tanjung Leman	35 orang
10.	Kursus Pengurusan Jenazah	9 April 2017	Bilik Tayangan, Aras 4	48 orang
11.	Kursus Pemantapan Kepimpinan Dan Semangat Kerja Berpasukan (Siri 1)	18 – 20 April 2017	Kem Bina Negara, Gunung Pulai, Kulaijaya	33 orang
12.	Kursus Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (Eksa)	15 Mei 2017	Bilik Tayangan, Aras 4	67 orang
13.	Kursus Kaedah Penyiasatan Dan Pendakwaan (Siri 1) Bagi Anggota Penguatkuasaan MBBJ	9 Julai 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	54 orang
14.	Kursus Pengurusan Aset Alih	9 – 10 Julai 2017	Hotel Tropical Inn, JB	42 orang
15.	Kursus Kaedah Penyiasatan Dan Pendakwaan (Siri 2) Bagi Anggota Penguatkuasaan MBBJ	10 Julai 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	62 orang
16.	Kursus Kaedah Penyiasatan Dan Pendakwaan (Siri 3) Bagi Anggota Penguatkuasaan MBBJ	11 Julai 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	59 orang
17.	Kursus Pengurusan Stor	11 Julai 2017	Hotel Tropical Inn, JB	36 orang
18.	Kursus Pemantapan Kepimpinan Dan Semangat Kerja Berpasukan (Siri 2)	17 – 19 Julai 2017	Kem Bina Negara, Gunung Pulai, Kulaijaya	32 orang
19.	Kursus Imej, Etika & Ketrampilan Diri	23 – 24 Julai 2017	Hotel Grand Bluewave, JB	39 orang
20.	Kursus Pengurusan Projek Pembinaan Dan Perpaipan	6 – 7 Ogos 2017	Hotel Grand Paragon, JB	35 orang
21.	Kursus Pemantapan Kepimpinan Dan Semangat Kerja Berpasukan (Siri 3)	7 – 9 Ogos 2017	Kem Bina Negara, Gunung Pulai, Kulaijaya	42 orang
22.	Kursus Keselamatan Perlindungan Bangunan	13 – 14 Ogos 2017	Hotel New York, JB	35 orang
23.	Kursus Pengurusan Stres	20 – 21 Ogos 2017	Hotel Thistle, JB	40 orang
24.	Kursus Pemantapan Kepimpinan Dan Semangat Kerja Berpasukan (Siri 4)	22 – 24 Ogos 2017	The Legends & Country Resort, Kulai	37 orang
25.	Kursus Pengurusan Perolehan	27 – 28 Ogos 2017	Hotel Forest City, Gelang Patah	39 orang
26.	Kursus Peningkatan Kualiti Penguatkuasaan (Siri 1)	5 – 7 Sept2017	Kem Bina Negara, Gunung Pulai, Kulaijaya	48 orang
27.	Kursus Pertolongan Cemas (Siri 1)	10 September 2017	Hotel KSL & Resort, JB	21 orang
28.	Kursus Pertolongan Cemas (Siri 2)	11 September 2017	Hotel KSL & Resort, JB	19 orang
29.	Kursus Peningkatan Kualiti Penguatkuasaan (Siri 2)	12 – 14 Sept 2017	Kem Bina Negara, Gunung Pulai, Kulaijaya	51 orang
30.	Kursus Penyeliaan Berkesan	17 – 18 Sept 2017	Sand & Sandal Resort, Desaru	40 orang
31.	Kursus Akauntabiliti Dan Pengurusan Kewangan	19 – 20 Sept 2017	Hotel Grand Bluewave, JB	44 orang
32.	Kursus Peningkatan Kualiti Penguatkuasaan (Siri 3)	26 – 28 Sept 2017	Kem Bina Negara Gunung Pulai, Kulaijaya	52 orang
33.	Kursus Arahan Perbendaharaan	3 – 4 Oktober 2017	Hotel Grand Paragon,	35 orang
34.	Kursus Pemantapan Kepimpinan Dan Semangat Kerja Berpasukan (Siri 5)	10 – 12 Okt 2017	Kalumpang Resort & Training Centre, Hulu Selangor	39 orang
35.	Kursus Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Sektor Awam	22 – 23 Okt 2017	Hotel Grand Paragon,	32 orang



BIL.	SENARAI KURSUS DALAMAN/ BENGKEL/ TAKLIMAT/SEMINAR ANJURAN MBBJ	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA YANG HADIR
36.	Kursus Celik It (Siri 1)	23 Oktober 2017	Terminal Sri Stulang,	12 orang
37.	Kursus Celik It (Siri 2)	24 Oktober 2017	Terminal Sri Stulang,	22 orang
38.	Kursus Pengurusan Dan Penyelenggaraan Tapak Semaian	30 – 31 Okt 2017	Hotel Grand Bluewave, JB	33 orang
39.	Kursus Ukur Periksa Bangunan	6 – 7 Nov 2017	Hotel KSL & Resort,	42 orang
40.	Bengkel Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti Ms Iso 9001:2015	8 – 9 Nov 2017	Hotel Grand Bluewave, JB	85 orang
41.	Kursus Kesihatan & Kecergasan Diri	12 – 13 Nov 2017	Hotel KSL & Resort,	47 orang
42.	Kursus Bahasa Melayu Dan Penulisan Surat Rasmi	14 – 15 Nov 2017	Hotel Thistle	40 orang
43.	Kursus Kesempurnaan Solat	20 – 21 Nov 2017	Hotel Grand Paragon,	36 orang
44.	Kursus Budaya Kerja Cemerlang Bagi Pemandu	23 – 25 Nov 2017	Gunung Ledang Resort, Tangkak	35 orang
45.	Kursus Bahasa Inggeris	26 – 27 Nov 2017	Hotel Forest City, Gelang Patah	36 orang
46.	Kursus Pemantapan Kepimpinan Dan Semangat Kerja Berpasukan (Siri Vi)	28 – 30 Nov 2017	Gunung Ledang Resort, Tangkak	38 orang
47.	Kursus Pemantapan Kepimpinan Dan Semangat Kerja Berpasukan (Siri 7)	10 – 12 Dis 2017	Nasuha Herbs Resort, Pagoh	38 orang

Berikut adalah senarai kursus dalaman (ad-hoc) Anjuran MBBJ yang telah diadakan sepanjang tahun 2017

BIL.	SENARAI KURSUS DALAMAN/ BENGKEL/ TAKLIMAT/SEMINAR ANJURAN MBBJ	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA YANG HADIR
1.	Bengkel Kesenambungan Susun Atur Pejabat Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru	5 – 6 Januari 2017	Desaru Tunamaya, Desaru	23 orang
2.	Taklimat Syarikat Probase Manufacturing Sdn Bhd	10 Januari 2017	Bengkel Kejuruteraan Mount Austin	51 orang
3.	Bengkel Penyediaan Tetapan Kod	17 Januari 2017	Bahagian Teknologi Maklumat	3 orang
4.	Bengkel Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman (Mbjb) Siri 1 - 6	13 Februari 2017	Terminal Sejahtera Sri Stulang	177 orang
5.	Bengkel E-Book Perpustakaan Sultan Ismail	13 Februari 2017	Perpustakaan Sultan Ismail	26 orang
6.	Program `breakfast Talk` Siri 1/2017 : Perkhidmatan Awam Berintegriti Asas Pembangunan Negara	13 Februari 2017	Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim	59 orang
7.	Bengkel Kajian Kepuasan Pelanggan (Dalaman) Mbjb Siri 1 - 6	14 Februari 2017	Terminal Sejahtera, Sri Stulang	89 orang
8.	Bengkel Kajian Kepuasan Pelanggan (Dalaman) 2016 Siri 1 - 6	15 Februari 2017	Terminal Sejahtera, Sri Stulang	100 orang
9.	Bengkel Kajian Kepuasan Pelanggan (Dalaman) 2016 Siri 1 - 5	16 Februari 2017	Terminal Sejahtera, Sri Stulang	-
10.	Bengkel Semakan Semula Dan Penambahbaikan Prosedur Dan Proses Kerja Jabatan Penilaian	22 – 23 Februari 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	39 orang
11.	Kursus Penggunaan Dan Penyelenggaraan Sistem Pengurusan Dokumen (Dms) Bagi Anggota Jabatan Penilaian, MBBJ	27 Februari 2017	Pejabat Cawangan, Permas Jaya	15 orang
12.	Kursus Asas Kewartawanan	6 Mac 2017	Perpustakaan Sultan Ismail	15 orang
13.	Latihan Penggunaan Sistem Pengurusan Aduan (Sispaa)	8 – 9 Mac 2017	Terminal Sri Stulang	-

BIL.	SENARAI KURSUS DALAMAN/ BENGKEL/ TAKLIMAT/SEMINAR ANJURAN MBBJ	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA YANG HADIR
14.	Bengkel Perbincangan Susunatur Dan Rekabentuk Perpustakaan Sultan Ismail	13 Mac 2017	Perpustakaan Sultan Ismail	16 orang
15.	Bengkel Sistem E-Pbt Negeri Johor (Pengurusan Aset Alih)	14 Mac 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	12 orang
16.	Bengkel Perbincangan Pengumpulan Data `as-ls` (Base Line) Program `1 State 1 Champion` Bandaraya Johor Bahru	27 Mac 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	21 orang
17.	Bengkel Perbincangan Data Kapasiti Bangunan Gis (Goegraphic Information System)	27 Mac 2017	Jabatan Perancangan, MBBJ	16 orang
18.	Bengkel Pengumpulan Data "As-ls" (Base Line) Program `1 State Champion Bandaraya Johor Bahru	30 Mac 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	20 orang
19.	Latihan Menembak Anggota Keselamatan Majlis Bandaraya Johor Bahru	1 April 2017	Lapang Sasar Persatuan Menembak Clay Target Johor	17 orang
20.	Bengkel Penggunaan Bahasa Pengaturcaraan Php Dan Perisian Mysql	3 – 5 April 2017	Bilik Gerakan, Aras 1 MBBJ	9 orang
21.	Program "Attachment" Sistem Sispaa Bersama Biro Pengaduan Awam Johor (Siri 1 – 2)	3 April 2017	Menara Public Bank	12 orang
22.	Program "Attachment" Sitem Sispaa Bersama Biro Pengaduan Awam (Siri 1 – 3)	4 April 2017	Menara Public Bank	17 orang
23.	Seminar Kawalan Kerja Tanah 2017	5 April 2017	Hotel Grand Paragon, Johor Bahru	41 orang
24.	Program "Attachment" Sistem Sisspa Bersama Biro Pengaduan Awam Johor (Siri 1 – 3)	5 April 2017	Menara Public Bank	6 orang
25.	Kursus Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan	19 April 2017	Bengkel Kejuruteraan, Tmn Mount Austin, JB	27 orang
26.	Bengkel Kesyukuran Pemantapan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (Kik)	26 – 27 April 2017	Hotel Tropical Inn, JB	81 orang
27.	Kursus Penggunaan Aplikasi Bih - Bandaraya Info Hub	2 Mei 2017	Bilik Gerakan, Aras 1	-
28.	Kursus Orientasi Bagi Anggota Lantikan Baru	3 – 4 Mei 2017	Bilik Tayangan, Aras 4	21 orang
29.	Bengkel Penyelarasan Kertas Siasatan	7 Mei 2017	Bilik Tayangan, Aras 4	14 orang
30.	Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti (Siri 2)	21 Mei 2017	Bilik Tayangan, Aras 4	10 orang
31.	Kursus Teknikal Eclipse / Beacon Kotak Kawalan Lampu Isyarat	22 Mei 2017	Bilik Tayangan, Aras 4	10 orang
32.	Latihan Ujian Kemahiran (Akreditasi) Pekerja Mahir Bagi Anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru	23 Mei 2017	Akademi Binaan Malaysia, Tampoi	25 orang
33.	Latihan Tatacara Penggunaan Sistem Sispaa Mbjb	23 Mei 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	74 orang
34.	Bengkel Penambahbaikan Projek Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (Siri 1)	11 Jun 2017	Dewan Jamuan, Aras 1 MBBJ	20 orang
35.	Bengkel Penambahbaikan Projek Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (Siri 2)	12 Jun 2017	Dewan Jamuan, Aras 1 MBBJ	39 orang
36.	Taklimat `tanggungjawab Dan Hak Anda Sebagai Seorang Pengundi`	22 Jun 2017	Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim	583 orang
37.	Bengkel Focus Group Discussion (Fgd)	13 Julai 2017	Dewan Jamuan, Aras 1 MBBJ	12 orang


BIL.	SENARAI KURSUS DALAMAN/ BENGKEL/ TAKLIMAT/SEMINAR ANJURAN MBBJ	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA YANG HADIR
38.	Bengkel Bagi Merangka Penguatkuasaan Terhadap Kegiatan Homestay Di Rumah Kediaman	16 Julai 2017	Hotel Grand Bluewave, JB	31 orang
39.	Bengkel Penggunaan Sistem E-Pbt Modul Cukai Untuk Pemprosesan Denda Lewat, Notis, Waran Dan Sitaan	15 Ogos 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	10 orang
40.	Bengkel Tetapan Dan Penggunaan Sistem E-Pbt (Modul Kompaun)	20 Ogos 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	16 orang
41.	Kursus Pengendalian Mesin Fogging Dan Penggunaan Perlindungan Diri (Ppe)	29 Ogos 2017	Hotel KSL & Resort, JB	55 orang
42.	Bengkel Auditan Dalaman Ekosistem Konduktiv Sektor Awam (Eksa)	19 – 20 Sept 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	35 orang
43.	Bengkel Inisiatif Pembangunan Karbon Redah Majlis Bandaraya Johor Bahru 2015-2025	26 September 2017	Hotel KSL & Resort, JB	36 orang
44.	Bengkel Penggunaan Sistem E-Pbt Modul Penilaian Untuk Pemprosesan Borang I Dan Bantahan Cukai Harta	26 September 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	11 orang
45.	Kursus Pengurusan Stres (Siri 2)	1 – 2 Oktober 2017	Hotel Thistle, JB	38 orang
46.	Bengkel Penggunaan Sistem E-Pbt Modul Aset Siri 2	15 Oktober 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	-
47.	Bengkel Modul E-Khidmat -Pembaharuan Lesen Perniagaan	17 Oktober 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	12 orang
48.	Bengkel Team Excellence Coaching Session Untuk Apc 2017	22 Oktober 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	9 orang
49.	Taklimat Pengisian Borang Elaun Perjalanan	5 Disember 2017	Bilik Tayangan, Aras 4 MBBJ	34 orang
50.	Bengkel Pemahaman Dan Pelaksanaan Caj Pemajuan	10 Disember 2017	Hotel Swiss Inn, JB	-
51.	Bengkel Kemasukan Data Ke Dalam Sistem E-Pbt Modul Aset	17 – 19 Dis 2017	Amverton Heritage, Melaka	30 orang
52.	Bengkel Sistem Permohonan Peralatan Teknologi Maklumat (Siri 1)	24 Disember 2017	Dewan Jamuan, Aras 1 MBBJ	15 orang
53.	Bengkel Sistem Permohonan Peralatan Teknologi Maklumat (Siri 2)	26 Disember 2017	Dewan Jamuan, MBBJ	16 orang

Selain daripada kursus untuk anggota, nilai-nilai murni juga diterapkan bagi membentuk sahsiah diri anggota MBBJ melalui Program Pembudayaan Al-Quran yang diadakan pada setiap hari Khamis dan Program Daurah Kitab Mingguan pada setiap pagi Ahad. Seramai 1,208 anggota telah berjaya menghadiri kursus 7 hari dan ke atas iaitu pencapaian sebanyak 91.8% daripada keseluruhan anggota seramai 1,316 orang (setelah ditolak anggota sakit, OKU dan tidak hadir bertugas atas sebab kes tatatertib dsb). Senarai anggota yang menghadiri kursus adalah sebagaimana berikut :-

BIL.	BILANGAN ANGGOTA	BILANGAN HARI	JUMLAH
1.	Bilangan Anggota MBBJ		<b>1,316 orang</b>
2.	Bilangan anggota yang telah menghadiri kursus	Kurang 7 hari	<b>108 orang</b>
		7 hari & ke atas	<b>1,208 orang</b>
<b>Peratus Pencapaian Objektif Kualiti</b>			<b>91.8 %</b>

Statistik berkenaan dijelaskan sebagaimana Carta Bar di bawah.

**PERATUS KEHADIRAN KURSUSANGGOTA MBBJ BAGI TEMPOH JANUARI - DISEMBER 2017**




**5.0 PENCAPAIAN PRESTASI KEHADIRAN MENGIKUT JABATAN 2017**

JABATAN	BILANGAN ANGGOTA	1-3 HARI	4 - 6 HARI	LEBIH 7 HARI	% KEHADIRAN 7 HARI BERKURSUS
PENGURUSAN	120	3	4	113	94.17
KEWANGAN	79	-	3	76	96.20
PENILAIAN	111	-	2	109	98.19
KEJURUTERAAN	198	5	9	184	92.92
PERANCANGAN PEMBANGUNAN	50	1	1	48	96.00
KESIHATAN	86	-	4	82	95.35
LANSKAP	148	17	20	111	75
BANGUNAN	51	-	1	50	98.03
PENGUATKUASAAN	175	3	8	164	93.71
KHIDMAT PENGURUSAN	156	-	3	153	98.07
PEMBANGUNAN MASYARAKAT	97	11	8	78	80.14
PELESENAN	46	2	4	40	86.95

**1.0 CARTA ORGANISASI UNIT DASAR & INOVASI**

**CARTA ORGANISASI UNIT DASAR, INOVASI DAN LATIHAN  
JABATAN KHIDMAT PENGUSAN**



## 2.0 AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2017

### I. BENGKEL PEMANTAPAN INOVASI PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Satu Bengkel Pemantapan Inovasi Peringkat MBBJ telah diadakan pada 6 - 7 Februari 2017, di KSL Hotel, Johor Bahru yang dihadiri oleh Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) yang telah dilantik oleh setiap Jabatan sebagai persediaan ke Konvensyen KIK peringkat MBBJ akan datang.

Objektif :

- Memberi gaya berfikir secara menyeluruh dan secara kreatif dengan menggunakan teknik-teknik dan strategi yang baru;
- Bagi meningkatkan budaya inovasi melalui pemikiran kreatif untuk memperkasa peranan dan tugas PBT;
- Pemangkin dan platform kepada PBT untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus (good governance) selaras dengan Pelan Transformasi PBT;

Antara pengisian bengkel ini adalah :

- Pengenalan program Inovasi dan Kumpulan Inovasi Kerja (KIK)
- Kriteria dan skema pemarkahan
- Teknik dan kaedah pembentangan projek

### 3.0 MENGHADIRI SESI TAKLIMAT PENGURUSAN PERUBAHAN PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN INOVASI DALAM SEKTOR AWAM MELALUI HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF ZON SELATAN

Mesyuarat Panel Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) pada 30 Mac 2016 telah memutuskan agar Panduan Mengenai KIK ditambahbaik bagi meneruskan momentum pembudayaan inovasi dan kreativiti sektor awam dan seterusnya memberi peluang kepada segenap lapisan anggota sektor awam untuk menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri dalam menghasilkan projek – projek inovasi yang berimpak tinggi. Oleh itu, Panduan Pembudayaan Dan Pemerksaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif telah diterbitkan.

Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menjemput semua Pihak Berkuasa Tempatan bagi mendengar Taklimat Pengurusan Perubahan Pembudayaan Dan Pemerksaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Zon Selatan pada 21 Februari 2017 di Dewan Theatre, Wisma Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.



Taklimat ke Sesi Pengurusan Perubahan Pembudayaan Dan Pemerksaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Zon Selatan, Anjuran Bahagian Sumber Manusia, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Pada 21 Februari 2017

### 4.0 MINI 'CONVENTION ON TEAM EXCELLENCE' 2017 WILAYAH SELATAN ANJURAN PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SELATAN

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menganjurkan Mini 'Convention On Team Excellence' 2017 Wilayah Selatan yang telah diadakan pada 3 April 2017 di KSL Hotel & Resort Johor Bahru.

Objektif :

- Menggalakkan pemesatan aktiviti Team Excellence (ICC) di seluruh Negara;
- Memberi pendedahan kepada peserta mengenai aspek produktiviti dan kualiti dalam Team Excellence (ICC);
- Membolehkan organisasi baru menceburkan diri dalam aktiviti Team Excellence (ICC) menimba pengetahuan dari organisasi yang berpengalaman dalam melaksanakan aktiviti Team Excellence (ICC);
- Memilih kumpulan Team Excellence ICC/ KIK/ MQT yang terbaik untuk menyertai Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan.

Kumpulan COMPASS yang terdiri dari tujuh (7) orang anggota di Bahagian Ukur Bahan, tiga (3) orang di Bahagian Teknologi Maklumat dan satu (1) orang di Bahagian Pengangkutan Bandar telah mewakili MBBJ ke 'Mini Convention On Team Excellence 2017' dan telah menerima pengiktirafan Anugerah Gold Award (Anugerah Emas).



'Mini Convention On Team Excellence 2017'

### 5.0 BENGKEL KESINAMBUNGAN PEMANTAPAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Bengkel Anjuran MBBJ ini, telah diadakan pada 26-27 April 2017 (Rabu & Khamis), bertempat Hotel Tropical Inn, Johor Bahru. Manakala perunding adalah dari FS Virtus Sdn. Bhd.

Objektif

- Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan teknik mengenai projek KIK;
- Membuat penambahbaikan yang lebih sistematik ke atas projek yang dipilih.
- Meningkatkan kemampuan kumpulan untuk memperjelaskan kepelbagaian.



Wilayah Selatan Anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan pada 3 April 2017 di KSL Hotel & Resort Johor Bahru.

### 6.0 KURSUS PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

EKSA telah diperkenalkan mulai Januari 2014 sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam dengan mengambil kira keperluan bagi menegenahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif supaya lebih relevan kepada jabatan/agensi sektor awam di Malaysia. Langkah penjenamaan semula ini sesuai dan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa untuk meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi sektor awam.

MBJB mengambil inisiatif mengadakan Kursus EKSA di KSL Hotel & Resort Johor Bahru pada 15 Mei 2017 (Isnin). Penceramah yang dijemput untuk memberi kursus adalah Pegawai dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Negeri Melaka iaitu Puan Suwati Binti Suratman.

Peserta dihadiri oleh pegawai-pegawai MBBJ dan Pegawai Penyelaras Jabatan/Bahagian.

### 7.0 KONVENSYEN 'TEAM EXCELLENCE' WILAYAH SELATAN 2017

Konvensyen Team Excellence 2017 Wilayah Selatan telah diadakan pada 1 & 2 Ogos 2017 (Selasa & Rabu) bertempat di Hotel Ramada Plaza, Melaka.

OBJEKTIF :

- Menggalakkan pemesatan aktiviti ICC/ QE5S/ LEAN
- Memberi pendedahan kepada peserta mengenai aspek produktiviti ICC/ QE5S/ LEAN dan kualiti dalam ICC/ QE5S/ LEAN
- Membolehkan organisasi baru menceburkan diri dalam aktiviti ICC/ QE5S/ LEAN menimba pengetahuan dari organisasi yang berpengalaman dalam melaksanakan aktiviti ICC/ QE5S/ LEAN



Kumpulan COMPASS telah mewakili MBBJ ke Konvensyen Team Excellence 2017 Wilayah Selatan dan telah menerima Anugerah Gold Award (Anugerah Emas).

## 8.0 PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN SLOGAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

Pentadbiran Majlis telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik Pelaksanaan Amalan 5S yang kini dijenamakan semula kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan satu pertandingan mencipta logo dan slogan EKSA. Penyertaan pertandingan ini adalah terbuka kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru. Pertandingan ini bermula 12 Julai hingga 6 Ogos 2017.

**TEMPAT PERTAMA** : WANG TUNAI RM300 DAN SIJIL PENGHARGAAN

RAHMAT KURNIYADI BIN MASHHAR

**TEMPAT KEDUA** : WANG TUNAI RM200 DAN SIJIL PENGHARGAAN

MOHD SHARIFFUDIEN BIN MUPIT

**TEMPAT KETIGA** : WANG TUNAI RM100 DAN SIJIL PENGHARGAAN

NORHAYATI BINTI SHAMSUDIN



Tempat Pertama



Tempat Kedua



Tempat Ketiga



Penyampaian hadiah disampaikan oleh Datuk Bandar di Perhimpunan Bulanan.

## 9.0 BENGKEL AUDITAN DALAMAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Bengkel Audit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam telah diadakan pada 19 – 20 September 2017 bertempat di Bilik Tayangan, Aras 4, di Bangunan Pejabat Utama Majlis Bandaraya Johor Bahru.

## 10.0 BENGKEL AUDITAN DALAMAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Bengkel Audit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam telah diadakan pada 19 – 20 September 2017 bertempat di Bilik Tayangan, Aras 4, di Bangunan Pejabat Utama Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Bengkel ini memberi pendedahan kepada juruaudit dalaman tentang komponen penilaian EKSA dan panduan pemarkahan audit secara terperinci berkaitan menjalankan pengauditan EKSA di setiap jabatan termasuk pejabat cawangan.

Antara objektif kursus ialah :

- Dapat menjalankan cara-cara pengauditan EKSA secara menyeluruh.
- Menggunakan sistem pemarkahan yang telah disediakan oleh pihak MAMPU mengikut komponen penilaian yang diberikan

Komponen A : Keperluan Utama Pelaksanaan

Komponen B : Ruang Tempat Kerja / Pejabat

Komponen C : Tempat Umum

Komponen D : Keselamatan Persekitaran

Komponen E : Kawasan Persekitaran Pejabat

Komponen F : Tempat Khusus

## 11.0 AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT) OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN BHD

Audit Pengawasan (Surveillance Audit) oleh SIRIM Qas International Sdn Bhd telah dijalankan ke atas Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 27 – 28 September 2017 bagi menentukan Prosedur Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 masih dilaksanakan oleh Pentadbiran Majlis mengikut standard piawaian yang telah ditetapkan.

## 12.0 BENGKEL PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN MS ISO 9001:2015 ANJURAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Bengkel ini diadakan bertujuan memahami keperluan organisasi dalam satu standard bertulis yang menetapkan keperluan asas dalam melaksanakan sistem pengurusan kualiti bagi memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan dan stake holder (pihak berkepentingan).

Objektif :

- a. Melindungi aset dan sumber-sumber berharga
- b. Melindungi dan meningkatkan reputasi atau imej sesebuah organisasi
- c. Mewujudkan proses bagi mengenalpasti, menilai, mengukur, memantau, mengawal dan menangani risiko
- d. Memupuk budaya pengurusan risiko keatas warga organisasi
- e. Menyediakan satu rangka kerja pemulihan perkhidmatan yang komprehensif yang dapat digunakan ketika berlakunya insiden atau krisis

### 13.0 JEMPUTAN DARI PERBADANAN PRODUKTIVITY MALAYSIA (MPC) UNTUK MENYERTAI TEAM EXCELLENCE PERINGKAT KEBANGSAAN (NTE<sub>x</sub>) 2017

Kumpulan COMPASS MBBJ sekali lagi telah menerima jemputan dari pihak penganjur (MPC) untuk bertanding ke peringkat kebangsaan yang telah berlangsung di Genting International Convention Centre (GICC) pada 14 hingga 16 November 2017 Sempena APIC 2017. Kumpulan COMPASS telah menerima Anugerah Gold Award (Anugerah Emas – 3 bintang) dan 10 kumpulan terbaik Sektor Awam (Negeri).



Kumpulan COMPASS Menyertai Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan Sempena Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition (APIC) 2017 Anjuran MPC pada 14-16 November 2017





# JABATAN KEJURUTERAAN



## BAHAGIAN KEJURUTERAAN

### 1.0 PROFIL JABATAN

Jabatan Kejuruteraan bertanggungjawab ke atas kerja-kerja berkaitan dengan perancangan infrastruktur awam, penyelenggaraan jalan, sistem saliran, loji rawatan kumbahan, lampu jalan, lampu isyarat, CCTV, lampu taman, kawalan infrastruktur, kerja tanah serta penyelenggaraan aset milik Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), penyelenggaraan Sistem Mekanikal dan Elektrikal bangunan pejabat, dewan, gerai, dan kenderaan MBJB.


#### 1.1 KEANGGOTAAN

PEJABAT PENGARAH 4 ANGGOTA 1 JURUTERA   2 PENTADBIRAN   1 SOKONGAN			
<b>BAH. KEJ. AWAM</b> <b>37 ANGGOTA</b>  3 JURUTERA 26 P.JURUTERA 2 P.PELAN 4 PENTADBIRAN 2 SOKONGAN	<b>BAH. SALIRAN</b> <b>38 ANGGOTA</b>  3 JURUTERA 18 P.JURUTERA 1 P.PELAN 4 PENTADBIRAN 1 TUKANG 11 SOKONGAN	<b>BAH. P. BANDAR</b> <b>24 ANGGOTA</b>  2 JURUTERA 17 P.JURUTERA 1 P.PELAN 2 PENTADBIRAN 2 SOKONGAN	<b>BAH. BENGKEL</b> <b>109 ANGGOTA</b>  1 JURUTERA 13 P.JURUTERA 8 PENTADBIRAN 33 TUKANG 54 SOKONGAN
JUMLAH KESELURUHAN ANGGOTA JABATAN KEJURUTERAAN TAHUN 2017 212 ANGGOTA 10 JURUTERA   74 PENOLONG JURUTERA   4 PELUKIS PELAN   20 PENTADBIRAN   34 TUKANG   70 SOKONGAN			


Jadual 1.0: Bilangan Perjawatan Anggota Jabatan Kejuruteraan Tahun 2017

### 2.0 PENYELESAIAN ADUAN AWAM

Disepanjang tahun 2017, Jabatan Kejuruteraan telah menerima sejumlah 3,104 aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan (SISPA), iaitu 45.5% daripada keseluruhan 6,820 aduan MBJB (SISPA) sepanjang tahun 2017.



Sebanyak 2,477 (79.8%) aduan telah berjaya diselesaikan dan baki aduan 627 (20.2%) dibawa ke tahun 2018 kerana melibatkan proses perolehan (Tender, Sebutharga atau Kerja Kecil). Aduan Jalan dan Lampu adalah aduan terbanyak sepanjang tahun 2017.




Graf 2.0: Pecahan Aduan Mengikut Bahagian Tahun 2017.

Rajah 2.0: Pecahan Aduan Mengikut Kategori di Jabatan Kejuruteraan Tahun 2017.




### 3.0 PERLAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

Di sepanjang Tahun 2017 Jabatan Kejuruteraan telah membelanjakan RM 132.176 juta untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru, peningkatan 55% berbanding jumlah RM 85.2 Juta pada tahun 2016.



Graf 3.0: Statistik Perolehan, Jabatan Kejuruteraan, Tahun 2017

### 3.1 BAHAGIAN KEJURUTERAAN AWAM (JALAN)



Graf 3.1: Statistik Skop Kerja Tahun 2017 Bah. Kej. Awam

### 3.1.1 Gambar Contoh Kerja oleh Bahagian Kejuruteraan Awam.

#### 3.1.1.1 Kerja Pelebaran Jalan di Jalan Rosmerah Utama, Taman Johor Jaya.

Projek ini dilaksana setelah mendapat kelulusan dalam Jawatankuasa Lalulintas, MBBJ bagi dijalankan kerja-kerja pelebaran Jalan Johor Jaya dari dua lorong kepada empat lorong beserta laluan pejalan kaki bagi memudahkan pejalan kaki untuk melalui kawasan tersebut lagi-lagi pada waktu puncak.



Gambar 3.1: Projek Pelebaran Jalan Ros Merah Utama Menghubungkan Taman Johor Jaya dan Taman Molek dari 2 lorong kepada 4 lorong.

#### 3.1.1.2 Kerja Menaiktaraf Parit dan Jalan di Jalan Bertam 1 (Hadapan Perumahan Pangsapuri), Taman Daya.

Kerja menaiktaraf jalan dan perparitan di Jalan Bertam 1 (berhadapan kawasan flat), Taman Daya telah dilaksana pada 15 Ogos 2017 bagi menambahbaik sistem perparitan yang tidak pernah dibaiki sejak kawasan ini dibangunkan dan juga bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di kawasan ini disebabkan pembangunan yang agak pesat di kawasan tersebut.



Gambar 3.2: Kerja menaiktaraf parit di Perumahan Jalan Bertam 1, Taman Daya bagi menangani masalah banjir.

#### 3.1.1.3 Kerja Memasang Railing untuk Menghalang Kenderaan Diletakkan di Kawasan Hijau di Jalan Sawmill / Jalan Tun Abd Razak, Johor Bahru.



Gambar 3.3: Kerja Pemasangan Pagar Penghadang di Jalan Sawmill / Jalan Tun Abdul Razak.

3.1.1.4 Kerja Menaiktaraf Tempat Letak Kereta, Jalan, "Parapet Wall" Dan Kawasan Tempat Letak Kereta Sitaan.



Gambar 3.4: Gambar Sebelum dan Selepas menaiktaraf tempat letak kereta Medan Selera Taman Cempaka.



Gambar 3.5: Kerja memperbaiki jalan kawasan Taman Merdeka.



Gambar 3.6: Kerja mengecat "parapet wall" Jalan Lingkaran Dalam.



Gambar 3.7: Kerja menyediakan tempat letak kereta sitaan (Kereta Buruk) di Kaw. Mount Austin.

### 3.2 BAHAGIAN SALIRAN



Graf 3.2: Statistik Skop Kerja Tahun 2017 Bah. Saliran.

#### 3.2.1 Gambar Contoh Kerja oleh Bahagian Saliran.

3.2.1.1 Kerja menaiktaraf tebing cerun dan saliran dari saliran tanah atau kerosakan atau hakisan kepada struktur yang lebih kukuh dan kemas di jalankan sepanjang tahun 2017 di beberapa lokasi.



Gambar 3.8: Kerja menaiktaraf tebing saliran di Jalan Kemuning Taman Majidi.



Gambar 3.9: Kerja menaiktaraf tebing saliran di Jalan Padi Emas 1, Bandar Baru Uda.



Gambar 3.10: Kerja menaiktaraf tembok Pantai Stulang.

**3.2.1.2 Kerja menaiktaraf tebatan banjir seperti menggali mendakan dan pembinaan "On-Site Detention" menampung air banjir kilat.**



Gambar 3.11: Kerja Tebatan Banjir Taman Setia Indah Dan Jaya Putra Perdana & Bukit Mutiara.

**3.2.1.3 Kerja Kerja pembaikan sistem pembetulan.**



Gambar 3.12: Kerja Menaiktaraf Loji Rawatan Kumbahan Di Jalan Berjaya 8, Taman Perindustrian Berjaya dan Loji Rawatan Kumbahan Jalan Titiwangsa Utama, Taman Tampoi Indah.




Gambar 3.13: Kerja Menaiktaraf, Pagar dan Jalan Loji Rawatan Kumbahan Di Jalan Bertam 1, Taman Daya, dan di Jalan Riang Ria Taman Perindustrian Tampoi.



Gambar 3.14: Kerja Mengganti Paip Kumbahan (Dalam 5 meter) Di Jalan Mutiara Emas 5/20, Taman Mount Austin

### 3.3 BAHAGIAN PENGANGKUTAN BANDAR



Graf 3.3: Statistik Skop Kerja Tahun 2017 Bah. Peng. Bandar

#### 3.3.1 Gambar Contoh Kerja oleh Bahagian Pengangkutan Bandar

##### 3.3.1.1 Senarai Inventori Penyelenggaraan 2017



Rajah 3.1: Senarai Inventori Penyelenggaraan 2017 Bah. Peng. Bandar.



Gambar 3.15: Kerja Penyelenggaraan & Menaiktaraf Lampu Isyarat.





Gambar 3.16: Kerja Pembinaan Bonggol Jalan.



Gambar 3.17: Kerja Penyelenggaraan Pondok Bas.



Gambar 3.18: Gambar Semasa kerja Penyelenggaraan & Bilik Kawalan CCTV.




Gambar 3.19: Pelan Lokasi CCTV Kawalan Lalu Lintas.

### 3.3.1.2 Projek Penggantian Lampu Jalan LED

Projek ini merupakan inisiatif Jabatan bagi mengurangkan penggunaan elektrik serta bayaran bil., elektrik. Menyokong saranan kerajaan pusat agar mengaplikasikan penggunaan teknologi hijau bagi mengurangkan pembebasan karbon. Melibatkan penggantian sebanyak 14,115 unit lampu jalan sediaada kepada lampu jalan jenis LED. Kos keseluruhan projek bernilai RM 51 juta untuk tempoh 7 tahun.




Gambar 3.20 : Kerja Penggantian Lampu Jalan LED di Jalan Tebrau, Jalan Skudai dan Jalan Tun Abdul Razak serta Ujian Pencahayaann (Lux Measurement) bagi memastikan cahaya mengikut spesifikasi ditetapkan.



Rajah 3.2: Pelan Menunjukkan lokasi penggantian lampu jalan kepada jenis LED yang telah disiapkan pada tahun 2017 di Jalan Jalan Utama dalam kawasan MBJB melibatkan 53 batang jalan dan 2,932 set lampu LED.

**3.4 BAHAGIAN BENGKEL KEJURUTERAAN**



Graf 3.4: Statistik Skop Kerja Tahun 2017 Bah. Bengkel

### 3.4.1 Gambar Contoh Kerja oleh Bahagian Bengkel Kejuruteraan.




Gambar 3.21: Kerja Menaiktaraf Lampu Taman, Taman Setia Indah.



Gambar 3.22: Kerja Menaiktaraf Jam Di Menara Jam Besar, Dataran Bandaraya, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

## 4.0 PELAKSANAAN PROJEK PERUNTUKAN LUAR

Pada tahun 2017 Jabatan Kejuruteraan MBBJ telah menerima peruntukan sebanyak RM 36.064 Juta dari Agensi Agensi luar bagi tujuan menaiktaraf infrastruktur di dalam kawasan MBBJ. Berikut adalah statistik sumber peruntukan dan pecahan perolehan peruntukan tersebut:



**PERUNTUKAN LUAR 2017**  
**RM 36.064 JUTA | 164 PROJEK**  
 11 TENDER | 76 SEBUTHARGA | 77 KERJA KECIL

<b>RM 31 JUTA</b> KEM. KEWANGAN (MARRIS)  <b>104 PROJEK</b>  TENDER - 11 PROJEK SEBUTHARGA - 43 PROJEK KERJA KECIL - 50 PROJEK	<b>RM 3.864 JUTA</b> KEM. PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)  <b>43 PROJEK</b>  TENDER - 0 PROJEK SEBUTHARGA - 18 PROJEK KERJA KECIL - 25 PROJEK	<b>RM 1.2 JUTA</b> KEM. DALAM NEGERI (BANDAR SELAMAT)  <b>16 PROJEK</b>  TENDER - 0 PROJEK SEBUTHARGA - 14 PROJEK KERJA KECIL - 2 PROJEK
--	---	--

Rajah 4.1 : Statistik sumber peruntukan, perolehan dan lokasi

**4.1 PERUNTUKAN MARRIS 2017**

Tahun 2017 Jabatan Kejuruteraan MBBJ menerima keseluruhannya sebanyak RM 31 Juta peruntukan MARRIS daripada Kem. Kewangan melalui Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor, peruntukan diterima secara berperingkat iaitu :

MARRIS 2017 <b>RM 31 JUTA   104 PROJEK</b> 11 TENDER   43 SEBUTHARGA   50 KERJA KECIL	
<b>FASA 01</b> • AWAL 2017 • RM 25 JUTA • 91 PROJEK	<b>FASA 02</b> • PERTENGAHAN 2017 • RM 6 JUTA • 13 PROJEK
<b>SKOP KERJA MARRIS</b> • MENURAP SEMULA JALAN. • PEMBAIKAN PARIT DAN JALAN DI LORONG BELAKANG. • PEMBAIKAN PARIT TEPI JALAN. • PEMBAIKAN PENGHAHDANG JALAN (GUARDRAIL). • PEMBAIKAN PERABOT JALAN.	

Rajah 4.2 : Statistik fasa dan skop kerja MARRIS 2017.

**4.1.1 Gambar Contoh Kerja Projek Peruntukan MARRIS**



Gambar 4.1 : Kerja Menurap Semula Jalan di Jalan Beladau 32, Taman Puteri Wangsa. (Zon Pelangi Indah)



Gambar 4.2 : Kerja Menurap Semula Jalan di Jalan Nibong 14, Taman Daya. (Zon Kangkar Daya)

## 4.2 PERUNTUKAN KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) Tahun 2017

Tahun 2017 Jabatan Kejuruteraan MBBB menerima keseluruhannya sebanyak RM 3.864 Juta peruntukan projek KPKT daripada Kem. Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, peruntukan diterima secara berperingkat iaitu :



Rajah 4.3 : Statistik fasa dan skop projek KPKT 2017.

### 4.2.1 Gambar Contoh Kerja Projek Peruntukan KPKT



Gambar 4.3 : Kerja Menaiktaraf Pejalan Kaki di Jalan Persiaran Tanjung, Kempas. (Zon Kempas)



Gambar 4.4 : Kerja Membina Jambatan dan Jalan Penghubung di Jalan Lurah 23, Kg. Lurah Kempas. (Zon Kempas)

## 4.3 PROGRAM BANDAR SELAMAT 2017

Tahun 2017 Jabatan Kejuruteraan MBBB menerima keseluruhannya sebanyak RM 3.864 Juta peruntukan projek Bandar Selamat daripada Kem. Keselamatan Dalam Negeri peruntukan diterima secara berperingkat dengan lokasi pemilihan Program Bandar Selamat 2017 telah diputuskan di 2 kawasan iaitu Bandar Ulu Tiram serta Zon Taman Pelangi (Taman Sentosa, Taman Sri Tebrau. Dan Taman pelangi). Antara skop kerja yang dilaksanakan menggunakan peruntukan Program Bandar Selamat 2017 adalah :



Rajah 4.4 : Statistik skop projek Bandar Selamat 2017.

### 4.3.1 Gambar Contoh Kerja Program Bandar Selamat



Gambar 4.5 : Kerja Membina Pejalan Kaki dan Pagar Keselamatan di Hadapan Sek. Keb.Taman Seri Tebrau, Jalan Sutera, Taman Sentosa, (Zon Taman Sentosa & Taman Pelangi)



Gambar 4.5 : Kerja Membina Pejalan Kaki dan Pagar Keselamatan di Hadapan Sek. Keb.Ulu Tiram, Jalan Sungai Tiram, Bandar Ulu Tiram, (Zon Tiram)

### 5.0 UNIT TINDAKAN CEPAT (UTC)

Disepanjang tahun 2017, Jabatan Kejuruteraan telah menerima sejumlah 1,314 aduan melalui pelbagai saluran, yang telah diambil tindakan secara "in-house" oleh Unit Tindakan Cepat (UTC) Jabatan Kejuruteraan. Sebanyak 1,314 (100%) aduan telah berjaya diselesaikan. Unit ini juga melaksanakan tugas tugas lain seperti kerja pemasangan bunting bendera sempena perayaan rasmi dan kerja persiapan di lokasi acara rasmi MBBJ dan Kerajaan.

ADUAN DISELESAI UTC 2017						
1,314 ADUAN AWAM						
JALAN	PAPAN TANDA	POKOK	GUARDRAIL RAILING	PERABUT JALAN	PENUTUP PARIT	LAIN LAIN KERJA
935	100	41	18	16	76	155

Rajah 5.1 : Statistik skop kerja aduan UTC Tahun 2017

### 5.1 Gambar Contoh Kerja UTC



Gambar 5.1 : Kerja Memasang Bunting & Bendera.



Gambar 5.2 : Kerja Menampal Jalan.



Gambar 5.3 : Kerja Membersihkan Tumpahan Konkrit Atas Jalan.




Gambar 5.4 : Kerja Menggantikan Penutup Parit Rosak/Hilang



Gambar 5.5 : Kerja Menutup Jalan Menggunakan "Barrier"


## 6.0 KAWALAN PELAN INFRASTRUKTUR DAN KERJA TANAH

Sepanjang tahun 2017 Jabatan Kejuruteraan telah menerima sebanyak 232 permohonan pelan infrastruktur daripada pemaju. Dari jumlah tersebut, 220 permohonan iaitu 94.8 peratus permohonan telah diluluskan manakala 12 permohonan telah diberi keputusan ditolak. Permohonan yang masih aktif pula akan dibawa untuk kelulusan pada Tahun 2018.




Graf 6.1 : Statistik Permohonan Pelan Infrastruktur Jab. Kejuruteraan 2017

### 6.1 MEMPERKUKUKKAN KEDUDUKAN KEWANGAN MBBJ



Graf 6.2 : Statistik Hasil Jab. Kejuruteraan 2017

#### 6.1.2 Wang Amanah





### 6.1.3 Penguatkuasaan Kawalan Pembangunan

Di bawah Akta 133, Akta Parit, Jalan dan Bangunan, Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan dan Undang undang kecil Jalan, Parit dan Bangunan. Jabatan Kejuruteraan telah mengeluarkan sebanyak 153 tindakan Notis dan Kompaun terhadap pelbagai kesalahan berkaitan pembangunan bernilai RM 534,000.00. Berikut antara kesalahan yang telah diambil tindakan dan dalam tindakan pemerhatian Jabatan.



Gambar 6.1 : 'Sediment fence' telah rosak dan rumput tidak ditanam pada cerun', Lokasi Jalan Kempas 9/6, Kempas



Gambar 6.2 : Surat dan Notis Amaran Kerja Tanah telah dikeluarkan kepada pemaju kerana telah menjalankan kerja tanah tanpa kelulusan. Lokasi Di Jalan Datin Halimah, Larkin Indah.



Gambar 6.3 : Jalan Harmonium kotor dan 'wash through' tidak diselenggara dgn baik di tapak, Lokasi di Jalan Harmonium, Taman Desa Tebrau.



Gambar 6.4 : Tembok penahan runtuh. Lokasi Di Jalan Ketam, Taman Suria.



Gambar 6.5 : Tiada 'silt fence' 'sediment basin tidak diselenggara, tembok dan parit tepi jalan runtuh, Lokasi di Jalan Rebung, Kg. Bendahara.

## 7.0 BANTUAN PASCA BANJIR KE PULAU PINANG 2017

Misi Bantuan Pasca Banjir Pulau Pinang 2017 telah di lepaskan oleh Y.B. Datuk Bandar MBBJ pada 9 November 2017 bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Seramai 31 Anggota dan jentera pembersihan di ketuai oleh Tn. Hj Sidek Bin Paiman, Setiausaha MBBJ dan En. Mohd Rafi Bin Jazman Ketua Penolong Pengarah Kejuruteraan telah bertolak selama 5 hari bagi membantu kerja pembersihan oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang.



## 8.0 KURSUS PELAN KERJA TANAH MBBJ

Seminar Kawalan Kerja Tanah Bagi Pemaju dan Perunding telah dilaksanakan pada 5 April 2018 dengan mendapat 200 penyertaan, Bertujuan memberi penerangan keperluan bagi kawalan kerja tanah dan prosedur kelulusan MBBJ seiring dengan kepesatan pembangunan yang sedang berlaku di dalam kawasan pentadbiran MBBJ.



## 9.0 PERJANJIAN PERSEFAHAMAN MBBJ-UTM

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOA) diantara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan MBBJ oleh Y.B. Prof. Dr. Zainuddin Abdul Manan, Timb. Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) mewakili pihak UTM dan Y.B. Tn. Hj. Amran Bin Abd. Rahman, Datuk Bandar MBBJ Pada 29 November 2017, bertempat di Dewan Sultan Iskandar Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Bertujuan perkongsian teknologi dan kepakaran dalam pembangunan teknologi terkini pembinaan dan kejuruteraan.



## 10.0 PERASMIAN LAMAN ILMU PUSPANITA

Majlis Pelancaran Program Taman Ilmu Pusanita di Persisiran Sungai Chat, Institut Pendidikan Guru Temenggong Ibrahim (IPGTI), Larkin yang telah dirasmikan oleh Y.B. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setia Usaha Negara dengan diiringi oleh Y.B. Dato' Haji Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Y.B. Tn. Hj. A.Rahim Bin Hj. Nin, Datuk Bandar MBBJ, Pihak Pusanita Kebangsaan & Negeri serta Pihak IPGTI pada 15 Oktober 2017, Bertujuan mendidik masyarakat mengenai kelestarian serta pemuliharaan alam sekitar seiring dengan kepesatan pembangunan yang sedang berlaku di dalam kawasan pentadbiran MBBJ.



## 11.0 PERASMIAN APLIKASI INFO TRAFIK

Seiring dengan kepesatan pembangunan yang sedang berlaku di dalam kawasan pentadbiran MBBJ. MBBJ telah melaksanakan pemasangan CCTV di 36 lokasi persimpangan jalanraya serta lokasi yang menjadi tumpuan orang awam. CCTV MBBJ telah mula beroperasi sejak 1 Julai 2017.

Fungsi utama CCTV MBBJ adalah bagi tindakan pemantauan aliran lalulintas di samping tindakan penguatkuasaan. MBBJ juga telah menjalinkan kerjasama bersama SPAD dalam tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap tumpahan konkrit diatas jalan oleh lori bancuhan konkrit. Sebanyak 4 unit CCTV telah dipasang bagi tujuan ini dilokasi yang sering berlaku tumpahan konkrit. SPAD akan mengambil tindakan terhadap lori bancuhan simen yang telah mengotorkan jalan melalui bukti yang diperoleh daripada rakaman CCTV.

Bagi membantu warga MBBJ merancang perjalanan harian mereka. MBBJ dengan kerjasama Syarikat Vads Lyfe Sdn. Bhd. telah membangunkan laman sesawang yang membolehkan pengguna jalanraya melihat paparan CCTV secara langsung, yang memaparkan gambar keadaan semasa aliran trafik di lokasi CCTV mbbj. Paparan ini dikemaskini bagi setiap 5 minit. Laman sesawang ini dikenali sebagai iTrafik MBBJ dan telah mula beroperasi pada 24 Oktober 2017. Laman sesawang iTrafik MBBJ telah dilancarkan oleh Datuk Bandar MBBJ pada 6 November 2017.



Laman Sesawang iTrafik MBBJ- <http://www.mbjbtrafik.com/> @ Aplikasi Telefon MBBJ.LIVE

## 12.0 LAWATAN PENANDAARASAN KE MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

Lawatan Penanda Arasan ke Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) telah dijalankan pada 19 hingga 20 Oktober 2017. Seramai 23 peserta dari Jabatan Kejuruteraan telah mengikuti lawatan ini di mana fokus utama lawatan ini diadakan adalah untuk mewujudkan persahabatan dan kerjasama bersama MPK dan bagi bertukar pandangan berkenaan cara kerja pihak Jabatan Kejuruteraan dari kedua-dua PBT berkenaan penyelesaian aduan awam, cara kerja Unit Infra dan Unit Utiliti, dan juga skop serta kaedah kontrak penyelenggaraan di Jalan jenis Bandaraya yang menjadi tanggungjawab Pihak PBT. Lawatan ke Pejabat Utama MPK diadakan pada jam 2.30 petang, 20 Oktober 2017 di mana Wakil Jabatan Kejuruteraan, MBBJ telah disambut oleh wakil Jabatan Kejuruteraan, MPK.



## 13.0 PENCAHAYAAN SEMPENA MAJLIS PERKAHWINAN DIRAJA PADA OGOS 2017

Pemasangan lampu hiasan bersempena Majlis Perkahwinan Diraja, oleh Jabatan Kejuruteraan bagi menghidupkan dan menceriakan suasana malam disekitar kawasan Bandaraya Johor Bahru.



## 14.0 ENTRANCE CONFERENCE AUDIT SISTEM KUMBAHAN DI MBBJ OLEH JABATAN AUDIT NEGARA DAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK SISTEM KUMBAHAN MBBJ OLEH SPAN

Auditan pengurusan sistem kumbahan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kejuruteraan MBBJ oleh pihak Jabatan Audit Negara telah berjalan pada 6 – 13 Mac 2018.



Susulan itu pada 4 Mei 2017, satu delegasi lawatan daripada pihak Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN) telah hadir ke MBBJ bagi memantau dan memeriksa pengurusan sistem kumbahan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kejuruteraan MBBJ.



# JABATAN BANGUNAN



## JABATAN BANGUNAN

### 1.0 OBJEKTIF JABATAN BANGUNAN

Objektif Jabatan Bangunan iaitu mengawal dan meningkatkan perancangan pembangunan fizikal sejajar dengan inspirasi Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi mengwujudkan pembangunan yang seimbang, teratur dan mengekalkan kualiti persekitaran. Jabatan Bangunan juga bertindak sebagai penasihat berkaitan peruntukan undang-undang dan teknikal bangunan kepada pelanggan dalaman dan luaran.

### 2.0 PROGRAM JABATAN PADA TAHUN 2017

#### 2.1 Program Treasure Hunt 2.0 Jejak Warisan Tanjung Puteri sempena Sambutan Hari Festival Keputeraan DYMM Sultan Johor 2017

Pihak Jabatan telah menjadi urusetia bagi Program Treasure Hunt Jejak Warisan Tanjung Puteri kali Ke-2 sempena Sambutan Hari Festival Keputeraan DYMM Sultan Johor 2017 Pada 02.04.2017. Seramai 75 kumpulan yang terdiri antara 3 – 4 orang peserta yang mengambil bahagian dalam program ini. Program ini diadakan di Dataran Bandaraya Johor Bahru.



#### 2.2 PROGRAM PERTANDINGAN KECERIAAN BANGUNAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN YANG KE-60 PERINGKAT NEGERI JOHOR

##### OBJEKTIF PROGRAM

1. Mewujudkan semangat patriotik dikalangan pemilik bangunan warga bandaraya Johor Bahru sempena sambutan bulan kemerdekaan yang ke 60 dengan usaha menceriakan bangunan milik masing-masing.
2. Memberi mengiktirafan dan penghormatan kepada organisasi kerajaan dan swasta atau individu yang memperlihatkan komitmen serta sokongan untuk menyemarakkan sambutan perayaan ini.

Pihak Majlis telah menerima sebanyak 31 penyertaan dari 7 Kategori bangunan yang telah ditetapkan. Sebanyak 8 buah bangunan yang telah terpilih ke peringkat akhir yang telah menepati ciri-ciri dan tema sempena sambutan bulan kemerdekaan yang ke-60. Hadiah-hadiah berupa wang tunai dan piala iringan. Hadiah pertama iaitu RM 3,000, kedua RM 2,000 dan yang ketiga sebanyak RM 1,000



### 3.0 BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN

Bahagian ini berfungsi memproses permohonan di atas mengikut Garis Panduan dan Dasar MBBJ, Akta 133, Akta 171 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Bahagian ini juga berfungsi menyediakan Dasar-dasar baru yang berkaitan dengan pembinaan bangunan. Selain dari itu jabatan juga berperanan sebagai penasihat kepada pelanggan luaran dan dalaman berhubung dengan pembinaan struktur dan bangunan serta peruntukan undang-undang yang digunapakai.

Pada tahun 2017 Bahagian telah menerima dan memproses sebanyak 1304 permohonan pelan bangunan. Prosedur Kerja bagi Pelan Bangunan mengikut MS ISO 9001:2008. Proses kerja bagi setiap permohonan juga mempunyai tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan dipantau oleh Unit Pusat setempat, MBBJ.


**Tempoh Masa Bagi Proses Permohonan Pelan Bangunan**

Jenis Permohonan	Tempoh Masa (KPI)
Pelan Bangunan	83 hari (Berasingan) / 109 hari (Serentak)
Ubaahan Tambahan	50 hari
Permit Sementara Bangunan	50 hari
Permit Awning Kedai dan Kilang	10 hari bekerja
Membaiki Bangunan	30 hari

**LAPORAN PERMOHONAN PELAN BANGUNAN BAGI TAHUN 2017**

JENIS PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN TAHUN 2016	JUMLAH PERMOHONAN TAHUN 2017
PELAN BARU	173	128
PELAN UBAHAN TAMBAHAN	747	801
PERMIT SEMENTARA BANGUNAN	171	151
SISTEM STRUKTUR PEMANCAR	52	41
PERMOHONAN AWNING KEDAI	116	121
PERMOHONAN AWNING KILANG	43	33
PERMOHONAN MEMBAIKI BANGUNAN	2	29
<b>JUMLAH</b>	<b>1304</b>	<b>1304</b>

**Graf Permohonan Pelan Bangunan Bagi Tahun 2017**



**LAPORAN PEMBANGUNAN YANG MENYEDIAKAN SISTEM PENGUMPULAN DAN  
PENGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPA) BAGI TAHUN 2017**

BIL.	JENIS PEMBANGUNAN	JUMLAH PERMOHONAN
1.	RUMAH SESEBUAH / RUMAH BERBANDUNG	35
2.	PERUMAHAN SESEBUAH DAN SEMI-D	17
3.	PANGSAPURI / TOWN HOUSE	13
4.	KILANG SESEBUAH / SEMI-D	11
5.	BANGUNAN KOMERSIL / PEJABAT	32
6.	HOSPITAL	-
7.	HOTEL	2
8.	RUMAH IBADAH / MASJID	3
9.	INSTITUT / SEKOLAH	3
10.	BANGUNAN KERAJAAN	7
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>123</b>

**LAPORAN PEMBANGUNAN YANG MENYEDIAKAN KEPERLUAN ORANG  
KELAINAN UPAYA BAGI TAHUN 2017**

BIL.	JENIS PEMBANGUNAN	JUMLAH PERMOHONAN
1.	PANGSAPURI / TOWN HOUSE	13
2.	KILANG SESEBUAH / SEMI-D	11
3.	PEJABAT / KOMERSIL	32
4.	HOSPITAL	-
5.	HOTEL	2
6.	RUMAH IBADAH / MASJID	3
7.	INSTITUT / SEKOLAH	3
8.	BANGUNAN KERAJAAN	7
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>71</b>

**4.0 Bahagian Penguatkuasaan Bangunan**

Aktiviti penguatkuasaan dijalankan bertujuan memastikan semua pembinaan dalam kawasan majlis telah mendapat kelulusan dari pihak majlis. Bahagian ini juga bertindak mengawal dan memastikan kerja-kerja pembinaan di tapak selaras dengan pelan yang di luluskan dan pembinaan disahkan oleh pihak perunding.

Bermula dari 12 April 2007 tanggungjawab bagi pengeluaran CFO telah di ambil alih oleh pihak perunding yang bertanggungjawab mengemukakan pelan bangunan melalui pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Pihak Perunding juga bertanggungjawab ke atas pengesahan sijil tersebut termasuk apa-apa jua kecacatan atau kerosakkan ke atas struktur bangunan serta memastikan pembinaan di tapak selaras dengan pelan yang diluluskan Majlis. Pada tahun 2017 bahagian telah menerima 123 Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan dari pihak perunding yang mengesahkan bangunan tersebut telah selamat diduduki.

**Lawatan ke atas tapak bina**





Permohonan yang dimajukan sebelum 12 April 2007 iaitu sebanyak 1 sijil. Walaupun pengeluaran Sijil Kelayakan menduduki hanya tinggal baki bagi pelan yang dikemukakan sebelum 14 April 2007, anggota masih menjalankan pemeriksaan tapak sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan walaupun CCC akan dikeluarkan oleh Orang Utama Yang Mengemukakan Pelan.

#### Bilangan Unit Dan Jenis Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Tahun 2017

BIL.	KATEGORI	UNIT
<b>PERUMAHAN / KEDIAMAN</b>		
1.	RUMAH BANGLO	168
2.	RUMAH BERBANDUNG	175
3.	RUMAH KLUSTER	634
4.	RUMAH TERES	2,217
5.	PANGSAPURI	1,317
<b>JUMLAH UNIT PERUMAHAN / KEDIAMAN</b>		<b>4,511</b>

<b>KOMERSIAL / PERDAGANGAN</b>		
1.	KEDAI PEJABAT	602
2.	SERVIS APARTMENT	16,399
3.	HOTEL	242
4.	PUSAT MEMBELI – BELAH	3
5.	RUANG PAMERAN (SHOWROOM)	3
6.	RESTORAN	1
7.	STESYEN MINYAK	1
8.	KOMPLEKS PERNIAGAAN	3
<b>JUMLAH UNIT KOMERSIAL / PERDAGANGAN</b>		<b>17,254</b>

<b>PERINDUSTRIAN</b>		
1.	KILANG SESEBUAH	14
2.	KILANG BERKEMBAR	39
3.	KILANG KLUSTER	44
<b>JUMLAH UNIT PERINDUSTRIAN</b>		<b>97</b>

<b>PENDIDIKAN</b>		
1.	KOLEJ	1
2.	SEKOLAH	2
<b>JUMLAH UNIT PENDIDIKAN</b>		<b>3</b>


<b>LAIN-LAIN</b>		
1.	PENCAWANG ELEKTRIK TNB	2
2.	DEWAN SERBAGUNA	1
3.	PEJABAT DAN STOR	1
4.	GARAJ KENDERAAN	1
5.	DEWAN MAKAN	1
<b>JUMLAH LAIN-LAIN</b>		<b>6</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN UNIT DI KELUARKAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN</b>		<b>21,871</b>

#### Bilangan Unit Dan Jenis Pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki Tahun 2017

BIL.	KATEGORI	UNIT
<b>KOMERSIAL / PERDAGANGAN</b>		
1.	PANGSAPURI PERKHIDMATAN	273
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>273</b>

Oleh yang demikian, jumlah unit yang telah di keluarkan perakuan Siap dan Pematuhan adalah sebanyak 21,871 unit manakala 273 unit telah di keluarkan Sijil Kelayakan Menduduki. Oleh yang demikian unit yang telah layak di duduki pada tahun 2017 adalah berjumlah 22,144 unit yang mana 17,527 unit (79.15%) daripadanya merupakan unit komersial dan diikuti 4,511 (20.37%) unit untuk tujuan kediaman, 97 unit (0.44%) untuk perindustrian, 3 unit (0.01%) untuk pendidikan dan 6 unit (0.03%) untuk lain-lain.

#### PERATUS DAN BILANGAN BANGUNAN LAYAK DIDUDUKI TAHUN 2017 MENGIKUT KATEGORI



Pada tahun 2017, jabatan menerima 173 aduan awam berkaitan pembinaan. Aduan tertinggi adalah berkaitan gangguan dari kerja ubahsuai, ubahsuai rumah/kilang tanpa kebenaran dan gangguan dari projek pembangunan sebanyak 113 aduan (65.32%) Walaubagaimanapun, daripada 173 aduan yang di terima hanya 15 aduan (8.6%) yang belum selesai pada tahun 2017 kerana ia melibatkan kerja-kerja yang masih dalam perhatian manakala 158(91.33%)aduan telah dapat diselesaikan pada tahun semasa.

#### Aduan Awam Berkaitan Jabatan Bangunan Bagi Tahun 2017

BIL.	JENIS ADUAN	JUMLAH KES	PERATUS (%)
1.	Tembok rumah retak / runtuh	1	0.58
2.	Ubahsuai rumah / kilang tanpa kebenaran	36	20.81
3.	Pembinaan di syaki tanpa pelan	16	9.25
4.	Masalah kediaman dijadikan perniagaan	2	1.16
5.	Gangguan dari kerja ubahsuai	41	23.70
6.	Gangguan bahan binaan / sisa bahan binaan	17	9.80
7.	Gangguan dari projek pembangunan	36	20.81
8.	Gangguan dari menara telekomunikasi	1	0.58
9.	Gangguan dari batching plan / lori simen	-	-
10.	Projek pembangunan lambat siap / terbengkalai	-	-
11.	Sijil Kelayakan Menduduki (Ccc)/Bangunan bocor/retak	1	0.58
12.	Bangsai haram / buruk	5	2.89
13.	Pagar zink / hoarding	-	-
14.	Masalah kilang memproses simen	1	0.58
15.	Masalah bangunan	5	2.89
16.	Masalah jiran	7	4.05
17.	Gangguan peniaga	4	2.32
<b>JUMLAH</b>		<b>173</b>	<b>100.00</b>

Tindakan penguatkuasaan bangunan dijalankan melalui tindakan kompaun, pengeluaran surat peringatan dan Notis Amaran. Surat Peringatan dan kompaun dikeluarkan bagi binaan yang tiada pelan lulus tetapi sekiranya pelan di kemukakan, ia boleh di luluskan dan boleh mematuhi Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986. Akan tetapi bagi binaan yang tidak boleh diluluskan dan kesalahan menduduki tanpa CCC. Notis Amaran dikeluarkan dan sekiranya notis gagal dipatuhi, kes akan di bawa ke Mahkamah Bandaraya melalui Bahagian Undang-undang. Proses kerja tindakan penguatkuasaan juga telah mempunyai MS ISO 9001:2008.

### Tindakan Penguatkuasaan bagi tahun 2017

BIL.	PERKARA	JUMLAH KES	TELAH PATUH	BELUM PATUH
1.	Surat Peringatan	298	54	244
2.	Kompaun	29	10	19
3.	Notis Amaran	45	2	43
<b>JUMLAH</b>		<b>372</b>	<b>66</b>	<b>306</b>

Daripada 45 Notis Amaran yang telah dikeluarkan, 2 kes telah di tutup kerana telah mematuhi Notis Amaran sebelum Permintaan Saman di keluarkan. Bagi kes-kes yang telah dirujuk ke Bahagian Undang-undang sebelum ini, sebanyak 34 kes masih dalam siasatan kedua, 9 kes dalam peringkat Saman.

### Status Notis Amaran yang di keluarkan pada tahun 2017

BIL.	PERKARA	JUMLAH KES	PERATUS (%)
1.	Siasatan Kedua	34	75.56
2.	Permintaan Saman (Bahagian Undang-undang)	9	20.00
3.	Telah Disaman	1	2.22
4.	Telah Patuh Notis	1	2.22
<b>JUMLAH NOTIS AMARAN</b>		<b>45</b>	<b>100.00</b>

Pada tahun 2017 juga, 4 Perintah Termesti bagi meruntuhkan bangunan telah di perolehi oleh Jabatan melalui Bahagian Undang-undang bagi kes yang telah sabit di mahkamah. Perintah Termesti di pohon daripada mahkamah bagi memastikan pemilik mengembalikan tanah atau bangunan kepada keadaan asal. Sekiranya pemilik gagal berbuat demikian, tanggungjawab meruntuhkan bangunan berkenaan akan berpindah kepada majlis selepas tarikh Perintah Termesti tamat. Namun begitu, sekiranya pemilik mendapat kelulusan pelan dalam tempoh yang ditetapkan mahkamah, Perintah Termesti akan terbatal.

### Status Perintah Termesti yang di keluarkan pada tahun 2017

BIL.	PERKARA	JUMLAH KES	PERATUS (%)
1.	Pemilik meruntuhkan sendiri bangunan	1	25.00
2.	Majlis meruntuhkan bangunan	0	0.00
3.	Perintah Belum Tamat	3	75.00
<b>JUMLAH NOTIS AMARAN</b>		<b>4</b>	<b>100.00</b>

Majlis juga menjalankan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 72 Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Dibawah peruntukkan Seksyen ini, kes tidak di bawa ke mahkamah dan majlis mengarahkan pemilik meruntuhkan dan mengosongkan bangunan sebelum tindakan meroboh di jalankan. Sekiranya tempoh yang di beri gagal di patuhi oleh pemilik bangunan, majlis akan meruntuhkan bangunan dan kos akan di tuntutan kepada pemilik bangunan. Sebanyak 6 kes telah di buka di Bangunan De Stulang, satu daripadanya pemilik telah meruntuhkan sendiri manakala 5 kes lagi majlis meruntuhkan binaan tanpa kelulusan. Tindakan ini adalah salah satu tindakan ke arah Pelan Transformasi Stulang yang melibatkan juga program mengecat bangunan.

### Kerja-kerja meroboh sedang dijalankan



Pada tahun 2017, terdapat 4 buah bangunan yang telah di keluarkan Sijil

Kelayakan Menduduki pada tahun 2007 yang harus di periksa pada tahun 2017. Majlis telah mengeluarkan Notis terhadap pemilik bangunan / pihak pengurusan bangunan bagi melantik jurutera bertauliah menjalankan pemeriksaan bagi bangunan yang terlibat. Sekiranya pemilik gagal berbuat demikian, majlis sendiri akan melantik jurutera bertauliah untuk menjalankan pemeriksaan pada tahun 2017 bagi memastikan bangunan yang telah diduduki berada dalam keadaan selamat.

#### **Status Pengeluaran dan Pematuhan Notis Pemeriksaan Berkala bangunan tahun 2017**

BIL.	PERKARA	JUMLAH	PERATUS (%)
1.	Laporan pemeriksaan telah dimajukan	-	-
2.	Telah memaklumkan Laporan sedang di sediakan	2	50
3.	Merayu untuk di tangguhkan	-	-
4.	Tiada maklumbalas	2	50
<b>JUMLAH NOTIS PEMERIKSAAN BERKALA</b>		<b>4</b>	<b>100</b>

### **5.0 BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN**

Bahagian Projek Bangunan berfungsi sebagaimana berikut :

#### **5.1 Melaksanakan Kerja-Kerja menggunakan Peruntukan Kerajaan Persekutuan ( KPKT ) dan Peruntukan Kerajaan Negeri merangkumi Binaan Baharu dan Menaiktaraf.**

Skop Kerja merangkumi :-

- a. Membina Pasar Awam Baharu – merupakan projek sambung di bawah peruntukan KPKT
- b. Membina serta menaiktaraf Dewan Raya & Dewan Terbuka
- c. Projek Menaiktaraf Rumah Miskin – 8 Lokasi
- d. Projek Penyelenggaraan TP1M – 26 Lokasi
- e. Projek Penyelenggaraan BP.1 – Parlimen J.Bahru (8 Lokasi)  
– Parlimen P.Gudang (9 Lokasi)

#### **5.2 Melaksanakan Kerja-Kerja menggunakan Peruntukan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) merangkumi Binaan Baru dan Menaik Taraf.**

Skop Kerja merangkumi :-

1. Membina bangunan baru Menara MBBJ
2. Membina Batu Tanda 'Zero Mile'
3. Gelanggang Futsal – 4 yang telah siap, 3 dalam pembinaan, 1 peringkat tawaran.
4. Pusat Latihan Wushu – Jalan Teraitai 49 (Taman Johor Jaya)
5. Gelanggang Badminton – Jalan Orkid (Taman Orkid)
6. Dewan Tertutup – Taman Kobena dan Taman Setia Indah
7. Dewan Terbuka – Taman Damansara Aliff
8. Gerai Makan
9. Projek Menaiktaraf Bangunan Pejabat MBBJ & Penyelenggaraan Kecil Pejabat
10. Projek Menaiktaraf Kediaman / Pangsapuri Anggota MBBJ.

#### **5.3 Melaksanakan Kerja-Kerja Istana seperti :-**

1. Rumah Teksi
2. Mengecat 2 Unit Pintu Gerbang
3. Program Istiadat Meletak Kerja

#### **5.4 Melaksanakan Kerja-Kerja menggunakan Peruntukan Ahli Majlis merangkumi skop Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Kecil (Di Bawah RM 20 Ribu)**

## 5.5 PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (KPKT)

### 5.5.1 CADANGAN MEMBINA SEMULA PASAR AWAM KAMPUNG MELAYU MAJIDEE, JOHOR BAHRU

Projek pembangunan semula Pasar Kampung Melayu yang telah dimulakan pada 2014 dengan peruntukan Kerajaan Pusat berjumlah RM 19,813,913.25 juta dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2018.

**SEBELUM**



**SELEPAS**



Membina Pasar Awam Baharu  
– merupakan projek sambung di bawah peruntukan KPKT

### 5.5.2 CADANGAN MEMBINA BAHARU DEWAN RAYA

- A. Dewan Muafakat Johor – Taman Kobena (Peruntukan Kerajaan Negeri & MBBJ)
- B. Dewan Muafakat Johor – Taman Megah Ria (Peruntukan SUKJ & MBBJ)
- C. Dewan Muafakat Johor – Kg. Bakar Batu (Peruntukan SUKJ & MBBJ)

**SEBELUM**



**CADANGAN REKABENTUK**



Dewan Muafakat Johor – Taman Kobena

**SEBELUM**



**GAMBAR CADANGAN**



Dewan Muafakat Johor – Kampung Bakar Batu

### 5.5.3 PROJEK MENAIKTARAF RUMAH MISKIN – 8 LOKASI

Pembaikan kerja rumah miskin melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dengan maklumat daripada Yayasan Bandaraya di 8 lokasi rumah miskin. Bantuan Baik Pulih Rumah Daif Di Bandar (PPKB) Fasa 2 Tahun 2017 Di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Bagi Negeri Johor:-

Lokasi 1 : No. 23, Jalan Temun Besar, Kg. Sungai Danga, 81200 JB

Lokasi 2 : Lot 4439-A, Jalan Tengah, Kg. Sungai Danga, 81200 JB

Lokasi 3 : No. 205-B, Jalan Kupang 6, Kg. Skudai Kiri, 81200 JB

Lokasi 4 : No. 205-C, Jalan Kupang 2, Kg. Skudai Kiri, 81200 JB

Lokasi 5 : No. 225-B, Jalan Kupang 2, Kg. Skudai Kiri, 81200 JB

Lokasi 6 : No. 25, Jalan Sukun, Pengkalan Rinting, 81200 JB

Lokasi 7 : No. A-128, Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram 81810 JB

Lokasi 8 : No. B-24, Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram 81810 JB

SEBELUM



SELEPAS



Kerja Baikpulih merangkumi kerja baiki keretakan, kerja cat, kerja bumbung dan kerja lantai dengan peruntukan sebanyak RM13 Ribu setiap sebuah rumah

### 5.5.4 PROJEK PENYELENGGARAAN TP1M – 26 LOKASI

Sebanyak 26 lokasi di dalam skop kerja bangunan daripada 30 lokasi mengikut senarai penyelenggaraan meliputi pelbagai kos yang berbeza-beza mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh KPKT.

#### Kerja-Kerja Pembaikan Di Bawah Program Tabung Penyelenggaraan (TP1M):-

Lokasi 1 : Rumah Pangsa Bukit Mewah	Lokasi 16 : Rumah Pangsa Blok 9, Taman Melor
Lokasi 2 : Rumah Pangsa Serantau Baru	Lokasi 17 : Rumah Pangsa Blok 10, Taman Melor
Lokasi 3 : Rumah Pangsa Taman Larkin Perdana 3	Lokasi 18 : Rumah Pangsa Blok 11, Taman Melor
Lokasi 4 : Rumah Pangsa Larkin, Jalan Garuda	Lokasi 19 : Rumah Pangsa Blok 12, Taman Melor
Lokasi 5 : Rumah Pangsa 6A, BBU	Lokasi 20 : Rumah Pangsa Blok 20, Taman Cempaka
Lokasi 6 : Rumah Pangsa Fasa 15B, BBU	Lokasi 21 : Rumah Pangsa Blok 21, Taman Cempaka
Lokasi 7 : Rumah Pangsa Fasa 15C dan 15 D, BBU	Lokasi 22 : Rumah Pangsa Blok 26, Taman Cempaka
Lokasi 8 : Rumah Pangsa Dataran Kempas 2/8	Lokasi 23 : Rumah Pangsa Blok 27, Taman Cempaka
Lokasi 9 : Rumah Pangsa Zon 1F3, Taman Pelangi Indah	Lokasi 24 : Rumah Pangsa Tun Sri Lanang
Lokasi 10 : Rumah Pangsa Teratai, Taman Plentong	Lokasi 25 : (Skop Kerja Jabatan Kejuruteraan)
Lokasi 11 : Rumah Pangsa Akasia, Taman Desa Cemerlang	Lokasi 26 : (Skop Kerja Jabatan Kejuruteraan)
Lokasi 12 : Rumah Pangsa Jalan Padi Emas, BBU	Lokasi 27 : (Skop Kerja Jabatan Kejuruteraan)
Lokasi 13 : Rumah Pangsa Fasa 13, BBU	Lokasi 28 : (Skop Kerja Jabatan Kejuruteraan)
Lokasi 14 : Rumah Pangsa Blok 6, Tmn Melor	Lokasi 29 : Rumah Pangsa Taman Molek
Lokasi 15 : Rumah Pangsa Blok 8, Tmn Melor	Lokasi 30 : Rumah Pangsa Permas Jaya

**SEBELUM**



**SELEPAS**



#### **6.5.5 PROJEK PENYELENGGARAAN BP.1 (PERUNTUKAN KPKT)**

**Projek Di Bawah Peruntukan YB Menteri Tahun 2017- Senarai 22 bagi Negeri Johor :-**

##### **Parlimen Johor Bahru**

Lokasi 1 : Projek Sambung Pasar Kampung Melayu Majidi

Lokasi 2 : Menaiktaraf Futsal Jalan Bestari 34/3, Taman Bestari Indah, JB

Lokasi 3 : Membaikpulihan Futsal Jalan Lembing 17, Taman Puteri Wangsa, JB

Lokasi 4 : Kerja-Kerja Menaiktaraf Dewan Serbaguna Taman Skudai Kanan, JB

Lokasi 5 : Menaiktaraf Bumbung Dewan Raya Datin Rokiah, MBBJ

Lokasi 6 : Menaiktaraf Bumbung Pangsapuri Stulang Laut, MBBJ

Lokasi 7 : Memasang Awning di Plot A Larkin Idaman (2 Blok) 160 Unit, MBBJ

Lokasi 8 : Memasang Awning Di Flat Sri Anugerah Larkin, MBBJ

##### **Parlimen Pasir Gudang**

Lokasi 1 : Menaiktaraf Bilik Aktiviti Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Permas Jaya

Lokasi 2 : Membaikpulihan Bilik Aktiviti Pemuda Rumah Pangsa Laman Tasek Pandan

Lokasi 3 : Menaiktaraf Bilik Aktiviti Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Taman Molek

Lokasi 4 : Membaikpulihan Gelanggang Futsal Persatuan Penduduk Taman Plentong

Lokasi 5 : Membaikpulihan Bilik Aktiviti Persatuan Penduduk Taman Ria Plentong

Lokasi 6 : Membaikpulihan Gelanggang Futsal Persatuan Penduduk Taman Saujana

Lokasi 7 : Membaikpulihan Bilik Aktiviti Persatuan Penduduk Taman Sri Pandan

Lokasi 8 : Membaikpulihan Bilik Aktiviti Persatuan Penduduk Teres Rosmerah

Lokasi 9 : Membaikpulihan Bilik Gerakan KRT Taman Ria Plentong

**SEBELUM**



**SELEPAS**



Membaikpulihan Futsal Jalan Lembing 17, Taman Puteri Wangsa, JB

## 5.6 PERUNTUKAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (MBJB)

### 5.6.1 Membina Menara Baharu MBBJ DI Bukit Senyum

Sebuah Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Pembinaan Menara Pejabat MBBJ antara Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Astaka Padu Sdn Bhd telah berlangsung pada 2 Ogos 2016. Menara ini telah mula dibina pada pertengahan tahun 2017 dan dijangka siap pada penghujung tahun 2019.

Menara yang berketinggian 15 tingkat itu akan menjadi pejabat utama MBBJ menggantikan pejabat sedia ada. Antara kemudahan yang disediakan adalah :

- Kemudahan lebih 500 tempat letak kereta
- Bank
- Café
- Auditorium yang memuatkan 300 orang
- Ballroom yang memuatkan 1000 orang
- Nursery untuk anak-anak anggota MBBJ

**CADANGAN**



**CADANGAN**



**SEMASA**



### 5.6.2 Cadangan Merekabentuk Arca Mercu Tanda (Zero Mile) di Bandaraya Johor Bahru

**SEBELUM**



**CADANGAN REKABENTUK**





### 5.6.3 Cadangan Membina Gelanggang Futsal & Menaiktaraf Gelanggang Futsal

1. Membina dan Menyiapkan Gelanggang Futsal Jalan Titiwangsa 4, Tmn Tampoi Indah
2. Menaiktaraf Gelanggang Futsal Jalan Padi Mahsuri 1, BBU
3. Menaiktaraf Gelanggang Futsal Jalan Permas 5/9,6.6. Permas Jaya
4. Menaiktaraf Gelanggang Futsal Jalan Antoi, Kg. Dato' Sulaiman Menteri
5. Kerja Menyiapkan Pagar Keselamatan Serta Visual di Padang Seri Gelam
6. Kerja Penukaran 'hoarding' Baru dan Membina 2 Gelanggang Futsal, Padang Seri Gelam
7. Kerja Menaiktaraf Pusat Latihan Wushu Johor, Jalan Teratai 49, Taman Johor Jaya
8. Membina dan Menyiapkan Gelanggang Futsal Di Kawasan Lapang, Jalan Mutiara Emas 4, Taman Austin Height
9. Membina dan Menyiapkan Gelanggang Futsal Taman Setia Tropika
10. Membina dan Menyiapkan Gelanggang Futsal Jalan Dahlia 15, Taman Dahlia
11. Membina dan Menyiapkan Gelanggang Futsal Berbumbung Jalan Lading 32, Taman Puteri Wangsa, Ulu Tiram
12. Membina dan Menyiapkan Gelanggang Badminton, Kawasan Lapang Taman Orkid.

**SEBELUM**



**SELEPAS**



Gelanggang Futsal Jalan Antoi, Kg. Dato' Sulaiman Menteri

**SEBELUM**



**CADANGAN REKABENTUK**



Menaiktaraf Pusat Latihan Wushu Johor Jaya

#### 5.6.4 Membina & Menaiktaraf Dewan Raya dan Membina Dewan Terbuka

1. Menaiktaraf Dewan Permas Jaya, Jalan Permas 9/3
2. Membina dan Menyiapkan Dewan Muafakat Johor - Taman Setia Indah
3. Membina dan Menyiapkan Dewan Terbuka Jalan Aliff Harmoni 2/3, Taman Damansara Aliff, JB

Bahagian Projek Bangunan turut terlibat di dalam memberi input rekabentuk Penswastaaan yang dibuat oleh pemaju seperti :-

1. Membina Dewan Permas 2, Jalan Permas 10
2. Membina Dewan Taman Adda

**SEBELUM**



**SEMASA**



Membina Dewan Muafakat Johor – Taman Setia Indah

**SEBELUM**



**CADANGAN REKABENTUK**



Membina Dewan Terbuka Taman Damansara Aliff

**SELEPAS**



**SELEPAS**



Membina Dewan Raya Taman Adda

### 5.6.5 Menaiktaraf Gerai Makan

1. Gerai Makan Kontena Permas Jaya.
2. Menaiktaraf Medan Selera Hutan Bandar.

**SEBELUM (CADANGAN)**



**SELEPAS**



Sebanyak 10 unit gerai Makan dan 5 Unit Gerai Buah dalam program memperelok gerai / tapak penjaja menggunakan konsep moden dan ringan dari jenis Kontena

### 5.6.6 Menaiktaraf Bangunan Pejabat MBBJ & Penyelenggaraan

1. Menaiktaraf Pejabat Munsyi Ibrahim

**SEBELUM**



**SELEPAS**



2. Membina Kandang Simpanan Anjing Dan Kucing Jalan Tahana, BBU

**SEBELUM**



**SELEPAS**



### 5.6.6 Menaiktaraf Kediaman/Pangsapuri Anggota

1. Menaiktaraf Pangsapuri Stanggi
2. Menaiktaraf Pangsapuri Permas Jaya

## 5.7 PERUNTUKAN AHLI MAJLIS & PENYELENGGARAAN KECIL DI BAWAH RM20 RIBU

### 5.7.1 Kerja-Kerja Peruntukan Ahli Majlis

Bahagian Projek Bangunan terlibat secara langsung bagi setiap peruntukan Ahli Majlis di setiap zon. Bagi tahun 2017, sebanyak 19 projek Ahli Majlis yang telah dilaksanakan.

#### SELEPAS



Pembaikan Gelanggang Futsal Tmn Molek

#### SELEPAS



Memasang Pagar 'Anti Climb' Jln Rusa Tmn Abad

#### SELEPAS



Membina Kemudahan Komuniti Pangsapuri Larkin Perdana

#### SELEPAS



Menyediakan Tandas di Kawasan Penjaja Lotun Van, Jalan Padi Emas 6/1, BBU

### 5.7.2 Kerja-Kerja penyelenggaraan Kecil (kerja Lantikan Terus)

Sepanjang tahun 2017, terdapat 19 projek Kerja Lantikan Terus (KLT) di bawah RM20 ribu melibatkan pembaikan-pembaikan kecil serta yang melibatkan kerja kecemasan yang perlu segera dibaiki menggunakan peruntukan MBBJ. Bagi kerja KLT yang menggunakan peruntukan YB Menteri pula adalah sebanyak 4 projek iaitu:-

1. Membaikpulih Bilik Aktiviti Pemuda Rumah Pangsa Laman Tasek
2. Menaiktaraf Bilik Aktiviti Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Taman Molek
3. Membaikpulih Bilik Aktiviti Persatuan Penduduk Taman Ria Plentong



JABATAN  
PERANCANGAN  
PEMBANGUNAN



## 1.0 STRUKTUR PENTADBIRAN JABATAN



- Bilangan anggota sehingga Disember 2017 adalah 55 orang
- 2 orang anggota sokongan daripada Jabatan Penguatkuasaan, MBBJ telah dipinjamkan ke Unit Penguatkuasaan Perancangan

## 2.0 FOKUS DAN AKTIVITI JABATAN

Selaras dengan keperluan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) serta Visi dan Misi Majlis Bandaraya Johor Bahru, Jabatan Perancangan Pembangunan bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan tiga (3) fokus kerja yang utama iaitu berkaitan Rancangan Pemajuan, Kawalan Perancangan dan Transformasi dan Pengantarabangsaan.

## 3.0 RANCANGAN PEMAJUAN

Selaras dengan Akta 172, Rancangan Pemajuan adalah dokumen rangka kerja perancangan bertujuan untuk memandu dan mengawal pembangunan fizikal bagi kawasan tertentu yang terdiri daripada 4 peringkat utama iaitu:



### i. Rancangan Struktur Negeri Johor (RSNJ) 2030 (Kajian Semula)

Kajian RSNJ 2030 (Kajian Semula) telah dimulakan pada 1 Ogos 2016 dan status kemajuan kerja pada masa kini adalah diperingkat Draf Akhir. Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Laporan Tinjauan kajian ini telah diadakan bermula 1 Ogos 2017 sehingga 1 September 2017 bertempat di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor serta Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Johor. Di MBBJ, pameran telah diadakan di Ruang Legar (Jabatan Perancangan Pembangunan), Aras 2, Bangunan MBBJ. Majlis Perasmian bagi Program Publisiti tersebut telah diadakan pada 1 September 2017 bertempat di Persada International Convention Centre Johor dan telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor.

### ii. Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru dan Kulai 2025 (Penggantian)

1. Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam yang dipengerusikan oleh YAB Datuk Hj. Md. Jais bin Hj. Sarday telah bersidang pada 29 Ogos 2017 untuk membuat keputusan ke atas pandangan dan bantahan awam yang diterima sepanjang tempoh Program Publisiti dan Penyertaan Awam dijalankan.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. JPN 04/2017 bertarikh 6 November 2017 telah bersetuju ke atas Draf Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru dan Kulai 2025 (Penggantian) mengikut peruntukan Seksyen 15, Akta Perancangan Bandar dan desa, 1976 (Akta 172)



### iii. Rancangan Kawasan Khas (RKK) / Pelan Tindakan Khas (PTK)

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 2 kajian RKK dan 1 kajian PTK telah dijalankan di peringkat MBBJ selaras dengan peruntukan Seksyen 16B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

#### a. RKK Perindustrian MBBJ (Kajian Semula)


Kajian ini dijalankan dalam tempoh 6 bulan bermula Julai 2017 sehingga Disember 2017. Walau bagaimanapun, tempoh ini tidak mengambil kira peringkat mobilisasi, program publisiti dan pameran serta pengurusan mesyuarat. Status kemajuan kerja pada masa kini adalah diperingkat Draf Akhir.

Program Publisiti Awal berbentuk Focus Group Discussion (FGD) yang melibatkan kira-kira 60 orang peserta yang terdiri daripada Jawatankuasa Industrial Park Management Committee (IPMC) peringkat MBBJ, pengusaha-pengusaha kilang dalam kawasan MBBJ, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berkepentingan serta Ahli Majlis telah diadakan pada 21 September 2017 bertempat di KSL Resort, Johor Bahru.



## b. RKK Parlimen Johor Bahru

Kajian ini disediakan selaras dengan arahan Y.B Datuk Halimah binti Mohamed Sadique melalui Program Dialog Sehati Sejiwa bertarikh 17 September 2017 bertempat di Dewan Sri Tebrau, Johor Bahru bertujuan untuk membendung isu-isu yang dihadapi oleh penduduk setempat ke arah membentuk halatuju perancangan dan pembangunan yang lebih sistematik, komprehensif dan mampan. Skop kajian adalah meliputi perkara-perkara berkaitan perancangan gunatanah dan fizikal, imej, rekabentuk serta landskap kawasan, dan pengurusan lalulintas, infrastruktur dan utiliti. Kajian akan dijalankan dalam tempoh 6 bulan bermula Februari 2018 dan dijangka berakhir pada Julai 2018.



Pelan Kawasan Kajian



Program Dialog Sehati Sejiwa yang telah dihadiri oleh Y.B Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Y.B Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad serta mantan Datuk Bandar MBBJ, Tn. Hj. A. Rahim bin Hj. Nin

## c. PTK Pelancongan, MBBJ

Kajian ini disediakan bagi merancang, mengurus, dan mempromosikan industri pelancongan di kawasan pentadbiran MBBJ supaya lebih berdaya saing berlandaskan prinsip-prinsip pembangunan mampan.

Kajian akan dijalankan dalam tempoh 8 bulan bermula Oktober 2017 dan dijangka berakhir pada Mei 2018.

'Focus Group Discussion' (FGD) telah diadakan pada 5 Februari 2018 bertempat di Holiday Villa bagi mengemaskini maklumat dan mengumpulkan maklumbalas serta idea berkaitan dengan cadangan awal kajian bagi menyediakan satu Pelan Tindakan Khas Pelancongan Bandaraya Johor Bahru yang komprehensif dan inklusif.





Antara ikon tarikan pelancongan di MBBJ



Program FGD yang telah diadakan di Holiday Villa, Johor Bahru


#### 4.0 KAWALAN PERANCANGAN

Sebagaimana peruntukkan Bahagian IV, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), kawalan perancangan adalah satu mekanisme yang berfungsi sebagai pemudahcara dan kaedah bagi memastikan pembangunan yang dijalankan mematuhi Rancangan Pemajuan serta dasar-dasar kerajaan yang sedang terpakai.


##### a. Tempoh Masa Proses Permohonan Kawalan Perancangan

JENIS PERMOHONAN	TEMPOH MASA (KPI)
Kebenaran Merancang (KM) <ul style="list-style-type: none"> <li>KM Susunatur</li> <li>KM Pembinaan</li> </ul>	38 hari (Diberi keputusan dalam mesyuarat)
Pelan Bangunan	14 hari (Memberikan ulasan ke Jabatan Bangunan)
Ubahan Tambahan	
Ubahsyarat Tanah	30 hari (Memberikan ulasan ke Pejabat Tanah)
Permohonan Tanah	


##### b. Jumlah Permohonan Kebenaran Merancang bagi Tahun 2016 dan Tahun 2017



### c. Hasil Pendapatan Bayaran Wang Proses Kebenaran Merancang



### d. Jumlah Permohonan Ulasan Kawalan Perancangan bagi Tahun 2017



### e. Program Penambahbaik Proses Kerja

Bagi memperkukuhkan proses kerja Kawalan Perancangan, beberapa aktiviti telah dilaksanakan dengan melibatkan pelbagai peringkat anggota Jabatan Perancangan. Berikut merupakan aktiviti-aktiviti berkaitan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017.



Sesi Tech-in – Diadakan secara berkala sekali/2 minggu



Lawatan ke tapak projek pembangunan RMMJ bersama pihak SUK Perumahan dan Pemaju yang terlibat



Bengkel Pemahaman dan Pelaksanaan Kaedah-kaedah Caj Pemajuan Negeri Johor 2018 di MBBJ bersama wakil PlanMalaysia@Johor dan wakil Majlis Bandaraya Shah Alam pada 10 Disember 2017

**f. Penguatkuasaan Perancangan**


Tindakan penguatkuasaan perancangan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar & Desa, 1976 (Akta 172) diterima berdasarkan aduan awam, rondaan berkala di kawasan yang dikenalpasti serta penolakan kebenaran merancang oleh Jawatankuasa Pusat Setempat, MBBJ. Proses kerja tindakan penguatkuasaan adalah berdasarkan kepada Standard Operating Procedure (SOP) yang telah disediakan oleh Jabatan.



**Aduan Awam bagi Tahun 2017**

Bil .	Jenis Aduan	Bil Aduan Diterima	Peratusan Aduan (%)
1.	Bengkel haram / Aktiviti Kitar semula	20	17.5
2.	Salah guna aktiviti	25	22.0
3.	Gated & Guarded	7	6.0
4.	Keagamaan (Binaan Kuil/Tokong )	20	17.5
5.	Gangguan tadika / taska /pusat penjagaan	9	8.0
6.	Homestay	4	3.5
7.	Pencerobohan tanah	16	14.0
8.	Gangguan dari projek pembangunan	4	3.5
9.	Kilang memproses simen	1	0.9
10.	Burung Walit	2	1.8
11.	Kacauganggu jiran (anjing, parking kenderaan terbiar, dan lain-lain)	4	3.5
12.	carwash	2	1.8
<b>JUMLAH</b>		<b>114</b>	<b>100</b>

- Bilangan Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Bagi Tahun 2017**



- Kategori Tindakan Penguatkuasaan Perancangan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**



Pencerobohan tanah rizab



Aktiviti cuci kenderaan diatas rizab kerajaan



Aktiviti keagamaan di kediaman



Aktiviti kitar semula dikediaman



Aktiviti tadika taska tanpa kebenaran

- Jumlah Denda dan Kes Saman Penguatkuasaan Perancangan bagi Tahun 2017**

BIL.	BULAN	JUMLAH KES	JUMLAH DENDA (RM)
1.	Januari	1	5,000.00
2.	Mac	1	4,000.00
3.	Julai	1	6,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>15,000.00</b>

## 5.0 TRANSFORMASI DAN PENGANTARABANGSAAN

Fokus kerja berkaitan Transformasi dan Pengantarabangsaan adalah berfungsi sebagai pemangkin kepada pencapaian misi Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk memastikan pembangunan bandar raya yang mampan, sejahtera dan makmur serta tinggi jati diri budaya. Program-program yang dijalankan oleh Jabatan juga umumnya berlandaskan kepada agenda bagi menyokong visi menjadikan Johor Bahru bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari.



Zon Antarabangsa (Kawasan Penambakan Pesisiran Pantai Dalam Kawasan MBBJ)

### a. Pengantarabangsaan Johor Bahru

Sepanjang tahun 2017, pihak Majlis telah terlibat secara langsung di dalam penyediaan Kajian Pelaksanaan dan Pengurusan Zon Antarabangsa di peringkat Kerajaan Negeri melalui beberapa siri mesyuarat yang telah diadakan oleh Pejabat SUK Kerajaan Tempatan.

ZON ANTARABANGSA, MBBJ	
Luas	<b>726.07 hektar (7.26 km<sup>2</sup>)</b> 1.95 % dari luas kawasan MBBJ
Jarak	<b>21.18 km</b>
Pembangunan Komited	<b>18 Projek pembangunan komited</b> <b>19 Pemaju hartanah terlibat</b>
Populasi	<b>Pertambahan 473,186 orang</b> Unjuran kependudukan pada tahun 2025
Kepadatan	<b>Purata 67 penduduk /ekar</b>

### b. Festivities@IIBD

Bagi merealisasikan visi Bandaraya Johor Bahru sebagai sebuah metropolis yang berkembang pesat dan bertaraf antarabangsa, usaha yang dilakukan bagi mentransformasikan Bandaraya Johor Bahru ini bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan fizikal semata. Namun turut memfokuskan pengisian dan program-program berimpak tinggi yang boleh meletakkan nama Johor Bahru di persada antarabangsa dan dikenali oleh segenap dunia.



Justeru itu, kerjasama antara pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Coronade Properties Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat pemaju bagi pembangunan Coronation Square, julung kalinya menganjurkan acara Festivities @ IIBD bagi tujuan memperkenalkan jenama Ibrahim International Business District (IIBD) di samping mempromosikan Bandaraya Johor Bahru sebagai sebuah bandaraya festival antarabangsa.

Festivities@IIBD kali pertama yang dianjurkan selama tiga hari bermula pada hari Jumaat 29 Disember 2017 hingga malam ambang tahun baru 10 Disember 2018 di Dataran Bandaraya Johor Bahru yang lalu telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari 10 ribu pengunjung yang menyaksikan upacara pertunjukkan bunga api dan piroteknik serta persembahan artis terkenal tanah air dan antarabangsa.

### c. Projek Konservasi Mambaikpulih 8 Buah Bangunan Warisan

Tujuan projek konservasi dilaksanakan adalah untuk mengekalkan kepentingan dan nilai warisan budaya di Bandar Johor Bahru serta memperlihatkan kaedah yang terbaik dalam pembaikan bangunan yang di perterjemahkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk membangunkan Johor Bahru sebagai "Living Heritage City" berdasarkan Rancangan Kawasan Khas Kawasan Warisan Pusat Bandaraya Johor Bahru ,Garis Panduan dan Glosari Kawasan Warisan.



Projek ini merupakan projek printis oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Tetuan Think City melibatkan 8 unit Bangunan ini terletak di dalam Kawasan Warisan serta Bandar Johor Bahru iaitu di Jalan Segget, Johor Bahru.

Ianya juga akan mengekalkan struktur, material serta fasad bangunan warisan di dalam kawasan bandar berdasarkan Rancangan Kawasan Khas Konservasi, Garis Panduan dan Glosari Kawasan Warisan Pusat Bandar. Tempoh masa naiktaraf fasad bangunan lebih kurang 1 tahun bergantung pada faktor cuaca serta keadaan fasad bangunan.



### d. Low Carbon Society / Masyarakat Rendah Karbon (LCS)

Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon (Lcs) Majlis Bandaraya Johor Bahru 2015-2025 Telah Disediakan Dengan Kerjasama Iskandar Regional Development Authority (Irda) Melalui Kepakaran Pasukan Kajian Universiti Teknologi Malaysia (Utm) Dan Negara Jepun. Penyediaan Pelan Ini Adalah Bagi Merealisasikan Sasaran Iskandar Malaysia Untuk Mengurangkan Pelepasan Gas Rumah Hijau Sehingga 50% Menjelang 2025 Dan Juga Menjadikan Johor Bahru Sebuah Bandaraya Bebas Karbon Dan Mampaan.

Selain Itu, Penyediaan Pelan Ini Juga Adalah Sebahagian Daripada Bajet Negeri Johor 2016 Di Bawah Agenda Johor Lestari. Ia Juga, Dijadikan Kpi Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Alam Sekitar Negeri Johor Dan Mbjb Perlu Membentangkan Program-Program Di Dalam Pelan Tindakan Ini Kepada Yb Exco Kesihatan Dan Alam Sekitar Negeri Johor Secara Berkala (3 Bulan Sekali).

Pelan tindakan masyarakat rendah karbon (LCS) MBB 2015-2025 ini mengandungi 12 tindakan dan 248 program bagi membentuk Johor Bahru menjadi kosmopolitan selatan bertaraf dunia. Justeru, setiap jabatan dalaman MBB memainkan peranan besar bagi mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor.

Tindakan 1	Pengangkutan Hijau Bersepadu	23 Program
Tindakan 2	Industri Hijau	23 Program
Tindakan 3	Tadbir Urus Bandar Karbon Rendah	17 Program
Tindakan 4	Bangunan Hijau dan Pembinaan	19 Program
Tindakan 5	Sistem Tenaga Hijau & Tenaga Yang Boleh Diperbaharui	13 Program
Tindakan 6	Gaya Hidup Karbon Rendah	22 Program
Tindakan 7	Penglibatan Masyarakat & Pembinaan Pemuafakatan	24 Program
Tindakan 8	Reka Bentuk Bandar yang Sesuai untuk Aktiviti Berjalan Kaki, Selamat & Sesuai Didiami	33 Program
Tindakan 9	Pertumbuhan Pintar	17 Program
Tindakan 10	Rangkaian/Infrastruktur Hijau dan Biru dan Sumber Luar Bandar	18 Program
Tindakan 11	Kelestarian Pengurusan Sisa Pepejal	24 Program
Tindakan 12	Persekitaran Udara Bersih	14 Program

Sebagai menyokong inisiatif Pembangunan Karbon Rendah (LCS) diperingkat MBBJ, pihak Jabatan telah menganjurkan beberapa program bertujuan untuk memupuk kesedaran dalam menyediakan LCS serta menggalakkan penglibatan komuniti/penduduk setempat ke arah bandaraya rendah karbon.



Bengkel Inisiatif Pembangunan Karbon Rendah  
Diadakan pada 26 September 2017 bertempat di KSL Resort Hotel.

#### “JB WAKE UP! CAR FREE DAY”

- ‘Car free day’ merupakan kawasan atau laluan kenderaan yang ditutup serta bebas dari penggunaan sebarang kenderaan bermotor kecuali kenderaan servis seperti ambulans, kenderaan polis dan bomba serta hanya dibuka pada orang awam bagi pengguna berbasikal, “joggers”, “skateboarders”, “roller-bladers” dan aktiviti riadah yang lain.
- Program “JB WAKE-UP! CAR FREE DAY” dijalankan setiap Sabtu, minggu pertama bertempat di sekitar Pusat Bandar Johor Bahru dengan sokongan penuh daripada Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Happy Riders Connect.



Pihak MBBJ juga pernah menerima penghargaan daripada Asia Cycling Network (ACN) pada tahun 2017 di atas inisiatif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menjadikan Bandaraya Johor Bahru sebagai Bandaraya rendah karbon melalui aktiviti berbasikal di kawasan Pusat Bandar di dalam program JB Wake Up Car Free Day setiap bulan.



#### e. Program Bandar Selamat

Program ini telah dilaksanakan secara berkesinambungan sejak tahun 2010. Pelaksanaannya meliputi 2 langkah iaitu Projek Fizikal Komponen Bandar Selamat dan Program Sosial dan Keselamatan.

- Projek Fizikal

Pihak Majlis telah menerima peruntukan sebanyak RM 1.2 juta daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk pelaksanaan projek fizikal Bandar Selamat di kawasan 'Black Spot' MBBJ iaitu Pusat Bandar Ulu Tiram dan Taman Sentosa, Taman Sri Tebrau serta Taman Pelangi.

#### PENCAHAYAAN



#### PAPAN TANDA PERINGATAN JENAYAH



#### RAILING



#### BONGGOL JALAN



Semua projek ini telah bermula pada April 2017 dan telah siap sepenuhnya pada Julai 2017

- Program Sosial dan Keselamatan

#### Kepolisian Komuniti Bandar Selamat

Program ini telah diadakan pada 17 Disember, 2017 dan di anjurkan oleh Ahli Majlis Zon Kebun Teh bersama pihak MBBJ, PDRM dan Pengurusan Plaza Sentosa. Telah dihadiri oleh Ahli Parlimen Johor Bahru, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Ahli Majlis Kebun Teh, Timbalan Setiausaha MBBJ, Wakil-wakil agensi kerajaan, Jawatankuasa Penduduk dan Warga Bandaraya Johor Bahru. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBG. Datuk Yahya Bin Jaafar wakil Rasmi Ahli Parlimen Johor Bahru.

Tujuan utama program ini adalah untuk mewujudkan hubungan erat antara Warga Bandaraya dengan pemimpin dan agensi kerajaan dalam usaha membenters jenayah dan meningkatkan tahap keselamatan terutamanya di kawasan pentadbiran MBBJ. Dalam program ini, pihak Urusetia Bandar Selamat MBBJ, Jabatan Penguatkuasaan MBBJ serta pihak PDRM telah mengadakan pameran dan penerangan kepada Warga Bandaraya berkaitan keselamatan dan Program Bandar Selamat .





# JABATAN LANDSKAP

## JABATAN LANDSKAP

Jabatan Landskap diberi tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam usaha mempertingkatkan kualiti hidup warga kota Bandaraya dan menjadikan Johor Bahru dalam taman yang bertaraf antarabangsa. Pada asalnya iaitu pada tahun 1984, Unit Taman & Rekreasi ditubuhkan dan bersempena perisytiharan bandaraya pada tahun 1994, ianya menjadi Bahagian Taman & Rekreasi yang diletakkan di bawah Jabatan Perancangan. Atas arahan Kerajaan Negeri, ianya ditubuhkan semula sebagai Jabatan Landskap mulai 01 Mac 2005.

Jabatan Landskap kini terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu :-

- i. Bahagian Taman Awam;
- ii. Bahagian Arborikultur (Penyelenggaraan Landskap & Tapak Semaian.
- iii. Bahagian Hortikultur (Penyelenggaraan Landskap & Tapak Semaian.

Jabatan Landskap diterajui oleh seorang Jurutera J48, dengan gelaran Pengarah Landskap dan dibantu oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Landskap J44, dua (2) orang Arkitek Landskap J41 yang mengetuai Bahagian Taman Awam dan Bahagian Arborikultur serta seorang Pegawai Pertanian G41 mengetuai Bahagian Hortikultur dengan anggota sokongan seramai 150 orang anggota untuk sama-sama memikul tanggungjawab mencapai misi dan visi Jabatan.

Bagi meneruskan matlamat Jabatan, pada tahun 2017 ini dengan tenaga kerja yang ada pihak Jabatan melaksanakan program-program pembangunan landskap seperti program keindahan jalan-jalan utama merangkumi kerja-kerja menaiktaraf landskap di sepanjang Jalan Skudai, Johor Bahru, cadangan menaiktaraf landskap pintu masuk kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan kerja-kerja membaik pulih kemudahan awam di Hutan Bandar dan Taman Merdeka, Johor Bahru.

Disamping itu, Jabatan Landskap amat memandang serius dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap dan sentiasa bekerjasama dengan penduduk-penduduk bagi menangani aduan berkaitan penyelenggaraan pokok-pokok, taman awam dan taman permainan kanak-kanak di dalam kawasan Bandaraya. Jabatan Landskap juga meneruskan program-program pembangunan landskap seperti kempen menanam pokok juga projek-projek pembinaan taman-taman awam.

Pihak pentadbiran Jabatan juga sentiasa menerima kunjungan lawatan pengunjung yang datang melawat ke taman-taman awam di bawah seliaan Jabatan Landskap seperti Hutan Bandar, Taman Orkid, Taman Merdeka dan Laman Tasek Pandan. Selain itu, pihak Jabatan juga menerima tempahan bagi kemudahan taman awam seperti chalet, tapak perkhemahan, dewan, padang, laman dan lain-lain kemudahan.

Aktiviti-aktiviti penyediaan khidmat hiasan juga sentiasa dilaksanakan bagi memenuhi permintaan tempahan-tempahan hiasan bagi majlis-majlis rasmi Kerajaan mahupun pihak swasta.

## 1.0 PROGRAM PENGINDAHAN BANDAR PROGRAM PENGINDAHAN JALAN-JALAN UTAMA

Jabatan Landskap telah melaksanakan kerja-kerja pengindahan jalan-jalan utama menggunakan peruntukan Majlis Bandaraya Johor Bahru pada tahun 2017 dengan kos sebanyak **RM 3,228,277.00**.

BIL.	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Kerja-kerja menaiktaraf landskap di sepanjang Jalan Skudai, Johor Bahru.	1,494,944.00	10/11/2016 – 19/02/2017
2.	Cadangan menaiktaraf landskap pintu masuk kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB/MDKT) Ulu Tiram.	1,733,333.00	10/11/2016 – 30/04/2017

1. Kerja-kerja menaiktaraf landskap di sepanjang Jalan Skudai, Johor Bahru.



2. Cadangan menaiktaraf landskap pintu masuk kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB/MDKT) Ulu Tiram



- i. Kerja-kerja pembaikan 'Laman Bandaraya' di Taman Botani Sri Medan, Batu Pahat, Johor sempena Kembara Mahkota Johor 2017.



## 2.0 PROJEK MENAIKTARAF KAWASAN LANDSKAP

Jabatan Landskap telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf kawasan hijau atau kawasan lapang pada tahun 2017 sebagaimana berikut :

BIL.	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Kerja-kerja menaiktaraf landskap di kediaman rasmi Pegawai Kewangan Negeri, Jalan Mariamah, Johor Bahru	199,224.00	16/07/2017 - 12/08/2017
2.	Kerja-kerja pembaikan 'Laman Bandaraya' di Taman Botani Sri Medan, Batu Pahat, Johor sempena Kembara Mahkota Johor 2017.	63,120.00	10/09/2017 - 30/09/2017
3.	Cadangan membina Dataran dan Arca Bulan Bintang di hadapan Istana Bukit Serene Johor Bahru (Reka dan Bina).	5,850,000.00	16/04/2017 - 15/12/2017

- ii. Kerja-kerja menaiktaraf landskap di kediaman rasmi Pegawai Kewangan Negeri, Jalan Mariamah, Johor Bahru



- iii. Cadangan membina Dataran dan Arca Bulan Bintang di hadapan Istana Bukit Serene Johor Bahru (Reka dan Bina).



### 3.0 PROGRAM PEMBANGUNAN PROJEK TAMAN KANAK-KANAK & TAMAN AWAM

Pada tahun 2017, Jabatan Landskap telah melaksanakan program pembangunan projek-projek taman rekreasi awam. Antara projek-projek yang telah dilaksanakan adalah:

BIL.	PROJEK	KOS (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Kerja-kerja membaikpulih kemudahan awam di Taman Merdeka, Johor Bahru.	446,951.00	01/12/2016 - 15/03/2017
2.	Cadangan menaiktaraf laluan pejalan kaki dan kemudahan awam di Hutan Bandar, Johor Bahru.	3,475,171.30	10/11/2016 - 29/08/2017
3.	Kerja-kerja membaikpulih kemudahan Rumah Johor di Hutan Bandar, Johor Bahru.	60,241.00	20/03/2017 - 23/04/2017
4.	Cadangan menaiktaraf taman kanak-kanak di Jalan Giam, Taman Majidee, Johor Bahru.	223,360.00	30/03/2017 - 07/06/2017
5.	Cadangan menaiktaraf padang bola sepak di Jalan Bahagia/Jalan Aman, Kg.Melayu Majidee, Johor Bahru.	716,716.00	17/09/2017 - 06/01/2018
6.	Kerja-kerja menaiktaraf kemudahan taman permainan kanak-kanak di Jalan Langsung, Kampung Pasir, Johor Bahru.	457,230.00	29/10/2017 - 23/12/2017
7.	Kerja-kerja membina penghadang bola di padang bola sepak Jalan Kerambit 4, Taman Sri Tebrau, Johor Bahru.	218,450.00	10/12/2017 - 03/03/2018
8.	Menaiktaraf taman permainan kanak-kanak di Jalan Kiambang 9, Taman Sri Pandan, Johor Bahru.	408,101.00	10/12/2017 - 31/03/2018
9.	Membina Dataran Permas di kawasan lapang Jalan Permas 5/10, Permas Jaya, Johor Bahru.	291,040.20	02/04/2017 - 15/04/2017

- i. Kerja-kerja membaikpulih kemudahan awam di Taman Merdeka, Johor Bahru.



- ii. Cadangan menaiktaraf laluan pejalan kaki dan kemudahan awam di Hutan Bandar, Johor Bahru.



- iii. Kerja-kerja membaikpulih kemudahan Rumah Johor di Hutan Bandar, Johor Bahru.



- iv. Cadangan menaiktaraf taman kanak-kanak di Jalan Giam, Taman Majidee, Johor Bahru.



- v. Membina Dataran Permas di kawasan lapang Jalan Permas 5/10, Permas Jaya, Johor Bahru.



#### 4.0. PENYELENGGARAAN LANDSKAP

Pada tahun 2017, Jabatan Landskap telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap tepi jalan secara kontrak sebagaimana berikut :

BIL.	JENIS KERJA	JUMLAH (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Yahya Awal, Jalan Abd Rahman Andak, Jalan Ulu Ayer Molek, Jalan Gertak Merah, Jalan Sri Lalang, Jalan Khalid Abdullah, Jalan Gereja dan Jalan Tasek Utara di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Pakej 1)	448,710.60	02/07/2017 – 01/07/2019
2.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Ismail Sultan, Jalan Bukit Meldrum, Jalan Ibrahim Sultan, Jalan Stulang Laut 1, Jalan Kuning, Jalan Bakar Batu Jalan Serampang & Jalan Sutera di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Pakej 2)	279,513.40	02/07/2017 – 01/07/2019
3.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Pintu Masuk Pejabat Daerah, Jalan Datin Halimah Hingga Persimpangan Tampoi, Langkasuka, Jalan Tampoi, Sekitar Kompleks Pengangkutan Larkin, Jalan Garoda Dan Interchange Kempas Spur/Pasir Gudang di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Pakej 3)	462,193.06	02/07/2017 – 01/07/2019
4.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Masuk RGC, Jalan Straits View, Jalan masuk Kediaman Rasmi Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Jalan Kolam Air, Jalan Sungai Chat, Jalan Mahmodiah, Jalan Mariamah & Jalan Petri di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Pakej 4)	331,887.60	02/07/2017 – 01/07/2019
5.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Skudai (Dari RAT Auto Hingga Sempadan MBBJ/MBJBT) Dan Kawasan Landskap Perling di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Pakej 5)	309,954.40	02/07/2017 – 01/07/2019
6.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Abu Bakar, Jalan Skudai (Dari Persimpangan Jalan Lingkaran Dalam Hingga RAT Auto) Dan Kawasan Landskap Interchange Tun Abdul Razak di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Pakej 6)	375,337.00	02/07/2017 – 01/07/2019
7.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Tun Abdul Razak ( Dari hadapan City Square hingga Jalan Skudai) di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Pakej 7)	318,894.10	02/07/2017 – 01/07/2019
8.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Daya, Jalan Daya1, Jalan Daya 2, Jalan Bertam 23, Jalan Firma 1, Jalan Firma 2, Jalan Permas Utara, Jalan Permas Selatan, Jalan Molek Utama, Persiaran Bumi Hijau & Jalan Rinting di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Pakej 8)	369,816.60	02/07/2017 – 01/07/2019

9.	Penyelenggaraan Tahunan landskap Di Jalan Lingkaran Dalam, Jalan Stulang Darat, Kawasan Landskap Masuk & Keluar CIQ, Kawasan Landskap Di Persimpangan Jalan Yahya Awal / Jalan Lingkaran Dalam, Kawasan Landskap Di Persimpangan Jalan Tun Abdul Razak / Jalan Lingkaran Dalam, Kawasan Landskap Jalan Tebrau / Jalan Lingkaran Dalam Dan Kawasan Landskap Jalan Stulang Darat / Jalan Lingkaran Dalam Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 bulan (Pakej 9)	299,880.00	02/07/2017 - 01/07/2019
10.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap Di Jalan Pandan / Kota Tinggi (Dari Persimpangan Jalan Tampoi Sehingga Gerbang Hadapan TESCO Tebrau) Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan ( Pakej 10 )	365,013.80	02/07/2017 - 01/07/2019
11.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Sepanjang Lebuhraya Pasir Gudang, Kawasan Landskap Persimpangan Jalan Firma 1, Kawasan Landskap Persimpangan Jalan Bertam 23, Kawasan Landskap Jalan Masai Lama, Kawasan Landskap Persimpangan Persiaran Seri Alam, Kawasan landskap Persimpangan Jalan Rinting Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Pakej 11)	358,375.00	02/07/2017 - 01/07/2019
12.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Ayer Molek, Jalan Trus, Jalan Duke, Jalan Dato Onn, Jalan Bukit Timbalan, Jalan Meldrum, Jalan Sui Chin, Jalan Sui Nam, Jalan Stesen, Jalan Wong Ah Fook & Jalan Ibrahim Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Pakej 12)	292,560.00	02/07/2017 - 01/07/2019
13.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Tebrau (Dari Persimpangan Jalan Mohd Taib Hingga Persimpangan Jalan Tampoi Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Pakej 13)	362,999.00	02/07/2017 - 01/07/2019
14.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Tampoi, Kawasan Landskap Angsana di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan(Pakej 14)	341,830.00	02/07/2017 - 01/07/2019
15.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Kebun Teh, Jalan Kurniawan, Jalan Susur 5 Tun Abdul Razak, Kawasan Landskap Bomba Larkin, Kawasan Landskap Persimpangan Kebun Teh dan Bulatan Cengkih Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 bulan (Pakej 15)	338,891.20	02/07/2017 - 01/07/2019
16.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Pandan/Kota Tinggi (Dari Pintu Gerbang Sebelah TESCO Tebrau Sehingga Interchange Senai Desaru Expresslink (SDE)), Persimpangan Bertingkat Desa Tebrau, Persimpangan Bertingkat Pelangi Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Pakej 16)	363,093.04	02/07/2017 - 01/07/2019
17.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Kota Tinggi (Dari Interchange Senai Desaru Expresslink (SDE))sehingga Ke Sempadan MJB/MDKT), Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Pakej 17)	315,595.50	02/07/2017 - 01/07/2019
18.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jalan Pasir Pelangi Dan Kawasan Hijau Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Dalam Kawasan Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Pakej 18)	461,450.00	02/07/2017 - 01/07/2019
19.	Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Jejantas Pejalan Kaki Di Dalam Kawasan Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Pakej 19)	155,200.00	02/07/2017 - 01/07/2019
<b>JUMLAH</b>		<b>6,551,194.30</b>	

Selain kerja-kerja penyelenggaraan cantas dan penebangan pokok yang dilaksanakan secara 'in house', terdapat juga kerja-kerja yang dilaksanakan secara kontrak pada tahun 2017 sebagaimana berikut :

BIL.	JENIS KERJA	JUMLAH (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 1)	448,500.00	17/09/2017–16/09/2018
2.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 2)	449,220.00	17/09/2017–16/09/2018
3.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 3)	447,700.00	17/09/2017–16/09/2018
4.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 4)	448,808.00	17/09/2017–16/09/2018
5.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 5)	451,150.00	17/09/2017–16/09/2018
6.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 6)	452,570.00	17/09/2017–16/09/2018
7.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 7)	456,500.00	17/09/2017–16/09/2018
8.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 8)	462,300.00	17/09/2017–16/09/2018
9.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 9)	451,770.00	17/09/2017–16/09/2018
10.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 10)	453,453.00	17/09/2017–16/09/2018
11.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 11)	452,902.00	17/09/2017–16/09/2018
12.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 12)	463,750.00	17/09/2017–16/09/2018
13.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 13)	446,250.00	17/09/2017–16/09/2018
14.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 14)	449,060.00	17/09/2017–16/09/2018
15.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 15)	448,301.60	17/09/2017–16/09/2018
16.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 16)	460,300.00	17/09/2017–16/09/2018
17.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 17)	444,260.00	17/09/2017–16/09/2018
18.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 18)	439,000.00	17/09/2017–16/09/2018
19.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 19)	446,694.00	17/09/2017–16/09/2018
20.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 20)	464,650.00	17/09/2017–16/09/2018
21.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 21)	447,980.00	17/09/2017–16/09/2018
22.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 22)	448,191.80	17/09/2017–16/09/2018
23.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Zon 23)	435,000.00	17/09/2017–16/09/2018
24.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Kerja Back-Up) (Zon 24)	448,760.00	17/09/2017–16/09/2018
25.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Kerja Back-Up) (Zon 25)	459,786.00	17/09/2017–16/09/2018
26.	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Kerja Back-Up) (Zon 26)	455,688.00	17/09/2017–16/09/2018
<b>JUMLAH</b>		<b>11,732,544.40</b>	

Manakala kerja penyelenggaraan kemudahan alatan permainan Kanak-kanak Dan Rekreasi (Hardscape) bagi tempoh 24 bulan telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah sebagaimana sebagaimana berikut :

BIL.	JENIS KERJA	JUMLAH (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon 1)	378,130.00	01/11/2017 - 31/10/2019
2.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon 2)	422,200.00	01/11/2017 - 31/10/2019
3.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon 3)	451,900.00	01/11/2017 - 31/10/2019
4.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon 4)	451,700.00	01/11/2017 - 31/10/2019
5.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon 5)	396,650.00	01/11/2017 - 31/10/2019
6.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon 6)	453,300.00	01/11/2017 - 31/10/2019
7.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon 7)	382,170.00	01/11/2017 - 31/10/2019
8.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon 8)	396,650.00	01/11/2017 - 31/10/2019
9.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon 9)	391,300.00	01/11/2017 - 31/10/2019
10.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon 10)	425,000.00	01/11/2017 - 31/10/2019
<b>JUMLAH</b>		<b>4,553,425.00</b>	

Kerja Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Taman Kanak-Kanak (Softscape) bagi tempoh 24 bulan telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah sebagaimana sebagaimana berikut :

BIL.	JENIS KERJA	JUMLAH (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Cadangan penyelenggaraan tahunan landskap di taman kanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Zon 1) (Kg.Melayu, Pandan, Tmn Mount Austin, Taman Seri Austin,Tmn Adda)	270,935.00	15/08/2017 - 14/08/2019
2.	Cadangan penyelenggaraan tahunan landskap di tamankanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Zon 2) (Tmn Jaya Putra, Tmn Setia Indah, Bandar Dato' Onn)	377,032.00	15/08/2017 - 14/08/2019
3.	Cadangan penyelenggaraan tahunan landskap di tamankanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Zon 3) (Tmn Daya)	362,502.90	15/08/2017 - 14/08/2019
4.	Cadangan penyelenggaraan tahunan landskap di tamankanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Zon 4) (Kg. Baru, Larkin, Bandar Baru Uda, Tmn Damansara Alif)	376,700.00	15/08/2017 - 14/08/2019
5.	Cadangan penyelenggaraan tahunan landskap di taman kanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya JohorBahru (Zon 5) (Tampoi, Taman Johor)	391,146.00	15/08/2017 - 14/08/2019
6.	Cadangan penyelenggaraan tahunan landskap di taman kanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Zon 6) (Taman Cempaka, Kempas)	427,638.50	15/08/2017 - 14/08/2019



7.	Cadangan penyelenggaraan tahunan landskap di taman kanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Zon 7) (Tmn Pelangi, Stulang, Taman Sentosa, Kebun Teh)	445,228.10	15/08/2017 - 14/08/2019
8.	Cadangan penyelenggaraan tahunan landskap di taman kanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Zon 8) (Permas Jaya)	254,446.80	15/08/2017 - 14/08/2019
9.	Cadangan penyelenggaraan tahunan landskap di taman kanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Zon 9) (Taman Molek, Taman Desa Harmoni, Taman Johor Jaya, Taman Saujana)	357,725.70	15/08/2017 - 14/08/2019
10.	Cadangan penyelenggaraan tahunan landskap di tamankanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya JohorBahru (Zon 10) (Tmn Rinting)	364,483.20	15/08/2017 - 14/08/2019
<b>JUMLAH</b>		<b>3,627,838.20</b>	

Kerja Penyelenggaraan Tahunan Landskap di Taman Kanak-Kanak (Hardscape&Softscape) bagi tempoh 12 bulan telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah sebagaimana sebagaimana berikut :

BIL.	JENIS KERJA	JUMLAH (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan (Zon 11)	434,220.00	01/01/2017 - 31/12/2017
2.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan (Zon 12)	408,010.00	01/01/2017 - 31/12/2017
3.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan (Zon 13)	419,060.00	01/01/2017 - 31/12/2017
4.	Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Alatan Permainan Kanak-Kanak Dan Rekreasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan (Zon 14)	440,520.00	01/01/2017 - 31/12/2017
<b>JUMLAH</b>		<b>1,701,810.00</b>	

Jabatan Landskap juga melaksanakan kerja-kerja membekal, menanam, dan menyelenggara anak pokok pada tahun 2017.

BIL.	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Kerja-kerja membekal, menanam pokok bermusim 'annual' di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan.	475,000.00	20/03/2017 – 19/03/2018
2.	Membekal pokok hiasan dan annual bagi tujuan hiasan majlis-majlis rasmi dan perayaan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan	467,816.00	17/09/2017 - 16/09/2018

Kerja-Kerja Penyelenggaraan Air pancutan Di Taman Merdeka, Hadapan Istana Bukit Serene Dan Tropical Inn Bagi Tempoh 24 Bulan.

BIL.	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Air Pancutan Di Taman Merdeka, Hadapan Istana Bukit Serene Dan Tropical Inn Bagi Tempoh 24 Bulan	2,320,000.00	01/03/2016 – 28/02/2018

Kerja Penyelenggaraan, Pembersihan Dan Penjagaan Landskap Di Taman Taman Awam, Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan.

BIL.	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TARIKH KONTRAK
1.	Kerja Penyelenggaraan, Pembersihan Dan Penjagaan Landskap Di Taman Rekreasi Taman Pelangi Indah, Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan	288,375.00	01/11/2016 – 31/10/2017
2.	Kerja Penyelenggaraan, Pembersihan Dan Penjagaan Landskap Di Taman Rekreasi Laman Tasik Pandan, Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan	282,873.80	15/10/2017- 14/10/2018

## 5.0. KEMPEN PENANAMAN POKOK TEDUHAN / UTAMA

Di peringkat Majlis Bandaraya Johor Bahru, Jabatan Landskap Negeri Johor telah menetapkan sasaran penanaman pokok teduhan/utama sebanyak 10,000 pokok setahun. Pada tahun 2017 Jabatan Landskap telah mencapai sasaran iaitu sebanyak 215.7% penanaman pokok teduhan oleh pihak Majlis dan pihak swasta.

Berikut adalah statistik penanaman pokok teduhan sepanjang tahun 2017 :

BULAN	JUMLAH POKOK (NOS)
Januari	2,663
Februari	90
Mac	782
April	591
Mei	3,772
Jun	2,167
Julai	1,710
Ogos	2,397
September	806
Oktober	1,621
November	1,113
Disember	3,854
<b>JUMLAH</b>	<b>21,566</b>
<b>PERATUSPENCAPAIAN</b>	<b>215.7%</b>

## 6.0 HASIL PENDAPATAN JABATAN

Selain itu, Jabatan ini juga mengutip hasil pelbagai Majlis bagi khidmat kemudahan taman awam di Hutan Bandar, Taman Merdeka dan kutipan hasil khidmat hiasan untuk agensi-agensi Kerajaan mahupun pihak swasta.

Berikut adalah statistik kutipan hasil sepanjang tahun 2017:

BULAN	SEWAAN KEMUDAHAN TAMAN AWAM (RM)	SEWAAN HIASAN (RM)
Januari	490.00	700.00
Februari	-	-
Mac	-	100.00
April	-	650.00
Mei	500.00	1,000.00
Jun	-	-
Julai	-	2,000.00
Ogos	1,500.00	1,400.00
September	475.85	-
Oktober	1,132.26	1,000.00
November	3,210.00	1,850.00
Disember	2,030.00	-
<b>JUMLAH</b>	<b>9,338.11</b>	<b>8,700.00</b>

## 7.0 ADUAN AWAM

Pihak Jabatan sentiasa membuat pemantauan mengenai aduan-aduan awam yang dikendalikan oleh Jabatan ini iaitu aduan mengenai penyelenggaraan taman-taman awam, taman kanak-kanak dan penyelenggaraan cantasan/penebangan pokok di dalam rizab jalan dalam kawasan bandaraya.

Statistik menunjukkan kekerapan aduan cantasan/tebang pokok yang diterima dan telah dilaksanakan oleh anggota Jabatan Landskap pihak dan pihak kontraktor yang dilantik sebagaimana berikut :

BULAN	JENIS ADUAN		JUMLAH
	BAHAGIAN PENYELENGGARAAN & TAPAK SEMAIAN	TAMAN AWAM & TAMAN KANAK-KANAK	
Januari	117	11	128
Februari	71	8	79
Mac	86	4	90
April	81	8	89
Mei	100	18	118
Jun	81	9	90
Julai	92	10	102
Ogos	76	12	88
September	82	9	91
Oktober	109	4	113
November	106	7	113
Disember	81	8	89
<b>JUMLAH</b>	<b>1,082</b>	<b>108</b>	<b>1,190</b>

## 8.0 AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2017

Selain daripada menerima lawatan-lawatan secara rasmi dan tidak rasmi, pada tahun 2017 pihak Jabatan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dengan kerjasama dari Jabatan-Jabatan dalaman Majlis, lain-lain agensi Kerajaan dan permohonan aktiviti yang diterima daripada pihak swasta. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah :



Program "Tree For A Tree" Laman Muafakat Permas Bandar Baru Permas pada 14 Januari 2017



Karnival Aman Johor Di Taman Merdeka pada 25 Mac 2017



Lawatan Malaysian Timber Council di Rumah Johor pada 03 April 2017



Program Orienteering di Padang Taman Merdeka pada 11&12 April 2017

**Sambutan Hari Landskap Negara Bersama Rakan Taman Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 02 April 2017**



Gotong Royong Rakan Taman Sri Intan Bersama MBB



Karnival Muafakat Johor & Gotong Royong Rakan Laman Tasek Pandan



Majlis Prelude Hutan Bandar @Night di Hutan Bandar Pada 09 April 2017



Lawatan Kerja Ke Tapak Projek Rumah Johor & Taman Ekologi di Hutan Bandar pada 08 Mei 2017

Lawatan Kerja Ke Tapak Projek Rumah Johor & Taman Ekologi di Hutan Bandar pada 08 Mei 2017



Sambutan Hari Air 2017 di Rumah Johor & Hutan Bandar pada 20 Mei 2017

**Majlis Perasmian Dataran Permas & Pelancaran Rakan Taman  
Sempena Karvival Pasir Gudang pada 21 Mei 2017**



Program Perkhemahan UTM di Tapak Perkhemahan



Program CSR di Hutan Bandar & Rumah Johor pada 25 Oktober 2017



Majlis Penghargaan Pasukan Pasca Banjir MJB,  
Kumpulan KIK Kompas Dana Pasukan Landskap Bengkel Sisa Pepejal.



Program Csr Anjuran Panasonic Sdn Bhd Di Taman Merdeka  
Pada 04 November 2017



Majlis Perasmian Hari Landskap Negeri Johor Tahun 2017 Di Sireh Park, Iskandar Puteri pada 19 November 2017



Lawatan Kerja Rasmi Majlis Bandaraya Ipoh di Hutan Bandar pada 06 Disember 2017



Majlis Perkahwinan di Rumah Johor Program "Kem Super Hebat 6A" pada 10 Disember 2017 di Dewan Lambak pada 04 - 06 Disember 2017

## 9.0 PENYERTAAN

Bagi tahun 2017, pihak Jabatan Landskap telah menerima anugerah juga pencapaian sebagaimana berikut:

BIL.	PENYERTAAN	ANJURAN
1.	Memenangi anugerah 'SILVER' bagi projek Hutan Bandar MJB dibawah kategori "Most Relaxing Environment"	Titien Media Group bersama Iskandar Regional Development
2.	Certificate Of Recognition For Effort And Advancement Of Playground Safety	Playground Safety Association Of Malaysia
3.	<p><b>Pertandingan Landskap Negeri Johor Tahun 2017</b>  <b>Anugerah Khas PBT (Garden Prime Award)</b>                      Hadiah Wang Tunai RM3,000</p> <p><b>Johan (Golden Award)</b>                      Kategori : Laman PBT(Majlis Bandaraya/Majlis Perbandaran)                      Hadiah Wang Tunai : RM 3,000 &amp; Peruntukan                      Projek Pembangunan : RM 20,000</p> <p><b>Naib Johan (Silver Award)</b>                      Kategori : Taman Kejiranan (Laman Muafakat Johor, Taman Seri Intan)                      Hadiah Wang Tunai : RM 1,000 &amp; Peruntukan                      Projek Pembangunan : RM 10,000</p> <p><b>Tempat Ketiga (Bronze Award)</b>                      Kategori : Jalan Utama/Protokol (Jalan Kota Tinggi - Ulu Tiram)                      Hadiah Wang Tunai : RM 500 &amp; Peruntukan                      Projek Pembangunan : RM 5,000</p>	<p>Jabatan Landskap Negeri Johor</p> <p>Sempena Sambutan Hari Landskap Johor 2017 di Sireh Park @ Iskandar Puteri</p>



# JABATAN KEWANGAN




## JABATAN KEWANGAN

### 1. FUNGSI JABATAN KEWANGAN

Jabatan Kewangan bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang berikut :

1. Menguruskan Bajet Majlis
2. Menguruskan Perbelanjaan
3. Menguruskan Akaun
4. Mentadbir Tempat Letak Kereta
5. Menguruskan Pentadbiran Hasil
6. Menguruskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)

### 2. CARTA ORGANISASI JABATAN KEWANGAN, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



### 3. HASIL MAJLIS


Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk mengutip hasil dalam kawasan pentadbirannya. Terdapat tiga (3) punca hasil utama Majlis iaitu terimaan dari hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Bayaran cukai harta menyumbangkan 65 peratus kepada jumlah keseluruhan hasil. Kutipan hasil lain termasuklah lesen perniagaan, iklan, pelan bangunan, sewaan serta caj tempat letak kereta.

Kutipan daripada ketiga-tiga punca hasil tersebut digunakan oleh MBJB untuk perbelanjaan mengurus yang terdiri daripada emolumen dan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran seperti pemungutan dan pelupusan sisa pepejal, bayaran lampu jalan dan lain-lain. Perbelanjaan pembangunan pula merangkumi kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur, kemudahan awam, ruang perniagaan, taman-taman awam dan pengindahan persekitaran Bandaraya Johor Bahru.

Kutipan hasil bagi tahun 2017 daripada ketiga-tiga punca hasil tersebut dapat dilihat sebagaimana berikut:

HASIL	JUMLAH KUTIPAN (RM)
Hasil Cukai	242,068,788
Hasil Bukan Cukai	84,086,213
Terimaan Bukan Hasil	51,759,115
<b>JUMLAH</b>	<b>377,914,116</b>

#### KUTIPAN HASIL TAHUN 2017





### 3.1 PERBANDINGAN HASIL

#### PERBANDINGAN BAJET DAN KUTIPAN HASIL BAGI TAHUN 2017


HASIL	ANGGARAN ( RM )	SEBENAR ( RM )	PERATUS PENCAPAIAN ( % )
Hasil Cukai	246,715,178.50	242,068,788	98
Hasil Bukan Cukai	106,773,364.80	84,086,213	79
Terimaan Bukan Hasil	32,793,000.00	51,759,115	158
<b>JUMLAH</b>	<b>386,281,543</b>	<b>377,914,116</b>	<b>100</b>

#### PERBANDINGAN KUTIPAN HASIL BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

HASIL	2015 ( RM )	2016 ( RM )	2017 ( RM )
Hasil Cukai	168,231,281	207,989,490	242,068,788
Hasil Bukan Cukai	66,817,017	64,659,011	84,086,213
Terimaan Bukan Hasil	35,286,902	47,417,486	51,759,115
<b>JUMLAH</b>	<b>270,335,201</b>	<b>320,065,988</b>	<b>377,914,116</b>

#### PRESTASI HASIL BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

Carta 3 : Perbandingan Kawasan Pemjuaan Berdasarkan Bilangan Petak Mengikut Zon Tahun 2010 & 2017



### 3.2 KEMUDAHAN BAYARAN

Majlis Bandaraya Johor Bahru sentiasa peka dalam memberi kemudahan dan keselesaan warga kota untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan untuk menjelaskan bayaran cukai harta, bayaran dan semakan kompaun, pembaharuan lesen perniagaan dan iklan, lesen penjaja/pasar/pasar malam/bazar JB dan lain-lain perkhidmatan. Antara kemudahan bayaran yang disediakan adalah:

- Kaunter Bergerak
- Bayaran secara online - Jompay
- E-Khidmat
- Kiosk Bayaran
- Pejabat Cawangan
- Kaunter Pandu Lalu
- Pejabat Pos
- Melalui Pos/ Mel

Empat(4) pusat pungutan hasil dibuka mengikut masa operasi yang telah ditetapkan kecuali cuti umum atau hari kelepasan am iaitu di :

#### i. Pejabat Besar MBJB:

waktu operasi :

8.00pagi hingga 5.00 petang

(Ahad hingga Rabu)

8.00pagi hingga 3.30 petang (Khamis)



#### ii. Pejabat Cawangan iaitu di Jalan Permas 12/14 Bandar Baru Permas Jaya (Mulai tahun 1995)

waktu operasi :

9.00pagi hingga 4.00 petang

(Ahad hingga Rabu)

